SIRI KOLEKSI PERTANYAAN DAN JAWAPAN PARLIMEN (DEWAN RAKYAT)TAHUN 2022

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

SIRI KOLEKSI PERTANYAAN DAN JAWAPAN PARLIMEN (DEWAN RAKYAT) TAHUN 2022

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

UNIT PARLIMEN
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Aras 3, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 Putrajaya

SIDANG REDAKSI:

Penasihat : Puan Fazidah Binti Mustafa
Puan Norisma Mohd Ismail
Ketua Editor : Dr. Aini Andria Shirin Binti Anuarudin
Editor : Che Hazwani binti Che Mansor
: Abdul Syafiq bin Abdul Samat
: Syed Zahiruddin bin Tuanku Alshagaf

Bacaan Pruf : Norlela Binti Abd Halim
Nurshamimi Binti Hussain

Bahagian Perancangan Strategik
Cetakan Pertama 2023

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan lagi atau dipindah dalam mana-mana cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin bertulis daripada Kementerian Pengajian Tinggi.

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	HALAMAN
1	Kategori Isu Kementerian Pengajian Tinggi	5
2	Analisis Jumlah Pertanyaan Mengikut Kategori Isu	6
3	MESYUARAT PERTAMA DEWAN RAKYAT [28 Februari hingga 24 Mac 2022]	7
4	Aturan Urusan Mesyuarat (AUM)	9
5	Jawapan Bagi Pertanyaan Lisan	27
6	Jawapan bagi Pertanyaan Bukan Lisan	90
5	Waktu Pertanyaan Menteri (MQT)	131
6	MESYUARAT KEDUA DEWAN RAKYAT [18 Julai hingga 4 Ogos 2022]	119
7	Aturan Urusan Mesyuarat (AUM)	136
8	Jawapan Bagi Pertanyaan Lisan	152
9	Jawapan Bagi Pertanyaan Bukan Lisan	229
10	MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT [18 Julai hingga 4 Ogos 2022]	261
11	Aturan Urusan Mesyuarat (AUM)	263
12	Jawapan Bagi Pertanyaan Lisan	265

SIRI KOLEKSI
PERTANYAAN DAN JAWAPAN PARLIMEN

DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, KEDUA DAN KETIGA PENGGAL KELIMA PARLIMEN KE-14 TAHUN 2022

KATEGORI ISU

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

BIL.	KATEGORI ISU	JUMLAH PERTANYAAN	MUKA SURAT
1.	COVID-19 dan Bantuan Pelajar	8	24,82,84,85,96,111,145,182,
2.	Kebolehpasaran Graduan	10	81,91,96,110,148,161,163,170,182,198,
3.	Senat/ Lembaga Pengarah Universiti/ Naib Canselor	3	47, 60,180
4.	Akademik dan Program Pengajian	12	26,76,79,94,102,141,151,189,192,203, 215,224
5.	PTPTN	9	72,93,100,101,179,205,206,212,213,
6.	Data Pengajian Tinggi	15	32,42,51,66,81,82,84,87,110,147,161, 168,177,201,218
7.	Hal Ehwal Pelajar	7	32,68,89,194,210,229,233
8.	Pengajaran dan Pembelajaran	3	30,56,111
9.	*Technical and Vocational Education and Training* (TVET)	9	48,85,104,137,163,167,187,192,219,
10.	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)	1	150
11.	Kualiti Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)/ *ranking*	2	139,174
12.	*Research, Development and Commerce*	3	28,64,70,
13.	Kos Pengajian	3	58,68,98
14.	Lain-Lain	7	73,109,155,157,169,206,220
15.	Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Akreditasi	3	53,116,168
16.	Program Keusahawanan dan Latihan Industri	1	45
17.	Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dan Kebebasan Akademik	7	34,36,106,135,146,159,185,
18.	Kemasukan Pelajar ke IPT	5	172,177,196,222,231
19.	Biasiswa/ MYBRAIN	5	113,137,153,191,208,
20.	Politeknik dan Kolej Komuniti	4	40,51,62,143,
21.	Penubuhan Baharu dan Naik Taraf IPT	5	38,62,143,150,214
22.	Pelajar Antarabangsa dan Pengantarabangsaan Pengajian Tinggi	3	42,107,175

ANALISIS JUMLAH PERTANYAAN MENGIKUT KATEGORI ISU (DEWAN RAKYAT)



DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KELIMA PARLIMEN KE-14 TAHUN 2022
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

[28 FEBRUARI HINGGA 24 MAC 2022]

ATURAN URUSAN MESYUARAT
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL KELIMA PARLIMEN KE-14
28 FEBRUARI HINGGA 24 MAC 2022

PERTANYAAN LISAN: MINGGU PERTAMA

28 FEBRUARI 2022 (ISNIN)

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah

1 MAC 2022 (SELASA)

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

2 MAC 2022 (RABU)

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

3 MAC 2022 (KHAMIS) – 7 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 9] PR-1451-L14832 **Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif dan bantuan Kementerian untuk membantu mahasiswa dan mahasiswi golongan B40 yang terkesan dengan musibah banjir baru-baru ini.
2.	[No. 17] PR-1451-L14231 **Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pendekatan dan pemahaman Matlamat Pembangunan Lestari diketengahkan di kalangan pelajar di Institut Pengajian Tinggi sama ada dalarn subjek matapelajaran mahupun aktiviti ko-kurikulum.
3.	[No. 22] PR-1451-L14166 **Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan hasil penyelidikan yang dilakukan oleh ahli akademik, berapa jumlah telah dipatenkan, bolehkah Kementerian memberikan beberapa contoh pembangunan negara yang berjaya hasil daripada penyelidikan akademik tempatan dan sejauh mana hasil penyelidikan itu telah dimanfaatkan oleh negara luar.
4.	[No. 26] PR-1451-L15222 **Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah kursus-kursus dan kurikulum yang ditawarkan di universiti awam dan swasta telah melalui 'pengubahsuaian' mengikut kehendak pasaran.
5.	[No. 38]

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	PR-1451-L14216 **Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah terdapat data atau maklumat mengenai jumlah mahasiswa keciciran atau menangguhkan pengajian bagi Institusi Pengajian Tinggi Awam/ Swasta (IPTA/ IPTS) ekoran menanggung bebanan status sosio ekonomi keluarga atau terkait dengan kesihatan mental.
6.	**[No. 44]** PR-1451-L14843 **Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah terdapat perancangan merangka garis panduan untuk golongan mahasiswa dalam melibatkan diri dalam aktiviti politik dalam melahirkan pelapis politik selari dengan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) pada 2019 yang membuang Seksyen 15(2)(c).
7.	**[No. 69]** PR-1451-L14759 **Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan garis masa pelaksanaan hasil sumbang saran beberapa libat urus berkaitan penambahbaikan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 yang dijalankan oleh Kementerian.

PERTANYAAN LISAN: MINGGU KEDUA

7 MAC 2022 (ISNIN)

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

8 MAC 2022 (SELASA)

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

<u>9 MAC 2022 (RABU) - 5 PERTANYAAN</u>

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 18] PR-1451-L15149 **Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah rasional penggabungan fakulti dan kolej kediaman yang sedang dilaksanakan di beberapa buah universiti ketika ini.
2.	[No. 35] PR-1451-L14661 **Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk membuka Kolej Komuniti di luar bandar Parlimen Sibuti dan apakah proses permohonan dibuka.
3.	[No. 73] PR-1451-L15295 **Dato Sri Tiong King Sing [Bintulu]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :- a) statistik pelajar asing dari Republik Rakyat China yang belajar di institusi pengajian tinggi Malaysia bagi tahun 2021; dan b) apakah perancangan Kementerian dalam meningkatkan bilangan pelajar asing dari Republik Rakyat China untuk belajar di institusi pengajian tinggi Malaysia di bawah norma baharu.

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
4.	[No. 78] PR-1451-L14220 **Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah status sebenar pembayaran elaun latihan praktikal kepada mahasiswa, kerana dalam RMK-12 hanya dinyatakan Kerajaan akan menyeru majikan berbuat demikian tetapi belum diwartakan sepenuhnya menyebabkan masih banyak industri tidak memperuntukkan elaun.
5.	[No. 82] **PR-1451-L14291** **Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan H-index, G-index dan i10- Index setiap Naib Canselor di Universiti Awam (UA) yang telah dilantik bermula April 2020, dan bandingkannya dengan Naib Canselor sebelum mereka.

10 MAC 2022 (KHAMIS)

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

PERTANYAAN LISAN: MINGGU KETIGA

14 MAC 2022 (ISNIN)

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

15 MAC 2022 (SELASA) – 2 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 12] PR-1451-L14854 **Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :- (a) status penubuhan majlis TVET termasuk perincian punca kuasa; dan (b) usaha terkini Kementerian menggalakkan pengambilan kursus TVET dan kursus kemahiran pendek ("micro credentials") dalam kalangan lepasan sekolah untuk meningkatkan kebolehpasaran anak muda, dan secara tidak langsung meringankan beban hutang PTPTN.
2.	[No. 24] PR-1451-L14337 **Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan statistik graduan institusi pengajian tinggi awam serta swasta dan lepasan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi tempoh lima tahun terkini mengikut pecahan negeri serta bidang pengajian masing-masing. Perincikan juga unjuran graduan institusi-institusi berkaitan untuk tempoh lima tahun akan datang mengikut pecahan sebagaimana di atas.

16 MAC 2022 (RABU)

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

17 MAC 2022 (KHAMIS)

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

PERTANYAAN LISAN: MINGGU KEEMPAT

21 MAC 2022 (ISININ) - 6 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	**[No. 12]** PR-1451-L15088 **Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah APEL (Akreditasi Pembelajaran Pengalaman Terdahulu) mendapat pengiktirafan daripada pelbagai sektor. Apakah usaha-usaha Kementerian untuk mempromosikan APEL dan bagaimanakah sambutan yang diterima daripada masyarakat secara umumnya dan golongan pendidik secara khususnya terhadap mekanisme ini.
2.	**[No. 18]** PR-1451-L14286 **Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan dasar tiada peperiksaan awam di IPTA/IPTS dan IPG pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad.
3.	**[No. 33]** PR-1451-L14956 **Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perancangan Kementerian bagi membantu universiti awam seluruh negara agar mempunyai dana dan peruntukan kewangan yang secukupnya pada waktu ini.
4.	**[No. 43]** PR-1451-L14292 **Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]** minta **MENTERI PENGAJIAN**

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	TINGGI menyatakan kriteria dan merit seseorang yang dilantik ke Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (KPT) yang telah dilantik semenjak Mac 2020 menepati kriteria-kriteria tersebut.
5.	[No. 51] PR-1451-L15132 **Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan untuk menyatakan adakah perancangan untuk membina sebuah Kolej Komuniti di Pulau Bruit yang menjadi keperluan kepada penduduk di kawasan tersebut.
6.	[No. 82] **Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengenai kajian susulan mengenai teknologi Thohira yang mampu membantu penternak dalam mengawal kos. (Thohira adalah sejenis dedak ternakan suci dan bersih, teknologi berasaskan formulasi daripada sisa industri tempatan iaitu isirung kelapa sawit bersama mikrokapsul mikroorganisma) yang dilakukan oleh sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM).

22 MAC 2022 (SELASA)

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

23 MAC 2022 (RABU)

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

24 MAC 2022 (KHAMIS) - 6 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 6] PR-1451-L14455 **Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan senarai jumlah pengambilan calon pasca siswazah (Sarjana dan Doktor Falsafah) mengikut tahun bagi universiti awam dari tahun 2018-2022.
2.	[No. 25] PR-1451-L14575 **Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula yuran-yuran pengajian di institusi pengajian tinggi ataupun memberikan pengurangan atau pengecualian pembayaran yuran-yuran pengajian bagi membantu meringankan beban kewangan keluarga pelajar yang terjejas ekoran pandemik COVID-19.
3.	[No. 40] PR-1451-L14115 **Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pihak industri berkepentingan didedahkan dengan penemuan kajian santifik yang dihasilkan oleh penyelidik IPT. Senaraikan projek-projek kerjasama antara IPT dan industri swasta.
4.	[No. 50] PR-1451-L14994 **Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah jumlah maksimum dan minimum yang boleh dipinjam oleh seorang pelajar dari pihak PTPTN. Adakah terdapat perubahan dalam kriteria pada waktu pandemik COVID-19 ini.
5.	[No. 66]

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	PR-1451-L14300 **Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :- (a) apakah usaha bersama KPT dan KPM untuk mengeratkan hubungan antara IPT dengan sekolah seperti yang pernah dilakukan oleh pihak KPM pada tahun-tahun 2018-2019 melalui inisiatif bersama pelbagai; dan (b) apakah adanya usahasama antara kedua-dua Kementerian melalui *single entry admittance* (jalan kemasukan tunggal) untuk memastikan peluang dan permohonan kemasukan para pelajar ke IPT dapat diselaraskan agar dapat dielakkan sebarang pertindihan permohonan oleh para pelajar.
6.	[No. 73] **PR-1451-L15262** **Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan komitmen Kementerian untuk memastikan bahawa semua kursus-kursus di institusi pendidikan tinggi kita mencapai tahap yang memuaskan bagi pengiktirafan di persada antarabangsa.

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

22 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 16] PR-1451-T05812 **Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bersedia mengarahkan universiti untuk merombak silibus dan mengutamakan bidang-bidang yang lebih menguntungkan selepas Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Serantau (RCEP) dikuatkuasakan.
2.	[No. 23] PR-1451-T05761 **Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah graduan baru yang gagal mendapatkan pekerjaan selepas penamatan pengajian tinggi mereka.
3.	[No. 24] PR-1451-T05763 **Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar yang berdaftar untuk menyambung pelajaran pengajian tinggi semasa wabak COVID-19 dan adakah penurunan dalam bilangan pelajar yang menyambung pelajaran.
4.	[No. 41] PR-1451-T05706 **Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang keciciran pengajian dengan menangguhkan atau berhenti pengajian akibat kesan daripada pandemik COVID-19 dalam tempoh Mac 2020 sehingga Disember 2021.
5.	[No. 54] PR-1451-T05543 **Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam memurnikan lagi ekosistem pendidikan latihan teknikal dan vokasional khususnya dalam mendepani COVID-19 ketika ini selaras dengan Agenda Pemerkasaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) negara.

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
6.	[No. 116] PR-1451-T05408 **Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan graduan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di IPTA dan IPTS pada tahun 2019 dan 2020 mengikut bidang pengajian serta sektor mana mereka bekerja sekarang dan adakah graduan Ijazah PhD akan menambah peluang untuk mendapatkan kerja yang bergaji tinggi.
7.	[No. 141] PR-1451-T05654 **Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan** menerangkan adakah Kementerian mempunyai pelan khusus untuk memperkasa majlis perundingan pelajar kebangsaan.
8.	[No. 198] **PR-1451-T05644** **Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah pelan Kementerian dalam membantu mahasiswa dalam mengurangkan ketidakpadanan pekerjaan.
9.	[No. 207] **PR-1451-T05772** **Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :- (a) berapakah jumlah kutipan yang dapat dikutip semula bagi peminjam-peminjam anak Sarawak di bawah insentif PTPTN anak Sarawak yang mula diperkenalkan oleh Kerajaan negeri bermula pada tahun 2020; dan (b) tahap kutipan yang telah berjaya dikutip menerusi insentif ini, sama ada ianya bagus,

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	sederhana atau kurang memuaskan.
10.	[No. 235] PR-1451-T05387 **Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha yang diambil oleh Kementerian untuk menggesa Universiti Teknologi Mara (UiTM) kampus Tawau menawarkan program-program peringkat Diploma selain daripada hanya tertumpu kepada program pra Diploma sahaja selepas lebih 10 tahun kampus ini diwujudkan. Usaha ini bakal memberi kelebihan penjimatan kos perjalanan kepada pelajar-pelajar yang berasal dari Kalabakan, Tawau, Kunak, Semporna dan Lahad Datu.
11.	[No. 293] PR-1451-T05576 **Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :- (a) adakah terdapat sebarang kajian terhadap kebolehpasaran graduan baharu sepanjang tempoh pandemik COVID-19 melanda negara; dan (b) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam memastikan graduan mendapat perkerjaan yang seiring dengan ijazah yang dimiliki.
12.	[No. 336] PR-1451-T05838 **Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah Kementerian akan mempertimbangkan untuk mengurangkan yuran pengajian universiti awam sejak kebanyakan universiti sudah mula mengaplikasikan pembelajaran secara atas talian dari rumah.
13.	[No. 349]

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	PR-1451-T05821 **Dr. Ong Kian Ming [Bangi]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pinjaman PTPTN yang diberikan kepada IPTS dan IPTA pada tahun 2020 dan 2021.
14.	**[No. 350]** **PR-1451-T05822** **Dr. Ong Kian Ming [Bangi]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah dan kadar bayaran balik pinjaman PTPTN mengikut IPTS dan IPTA pada tahun 2020 dan 2021.
15.	**[No. 371]** **PR-1451-T05835** **Datuk Rozman bin Isli [Labuan]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan silibus pengurusan kewangan dan perniagaan yang lebih realistik kepada setiap pelajar di universiti bagi memastikan persediaan yang lebih lengkap apabila mereka memasuki alam pekerjaan dan perniagaan.
16.	**[No. 411]** **PR-1451-T05402** **Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh [Sri Gading]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah model '*Teaching Factory*' telah dilaksanakan dalam industri TVET.
17.	**[No. 412]** **PR-1451-T05403** **Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh [Sri Gading]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan komitmen Kementerian dalam melindungi kebebasan bersuara dan berpolitik mahasiswa di dalam dan luar kampus.

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
18.	[No. 464] PR-1451-T05705 **Tuan Teh Kok Lim [Taiping]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah bilangan pelajar asing yang sedang melanjutkan pendidikan tinggi di negara kita dan jumlah kutipan fi yang bakal dikutip untuk tahun 2022.
19.	[No. 468] PR-1451-T05612 **Puan Teo Nie Ching [Kulai]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada KPT sudi bertemu Pasukan Petugas Dasar Sijil Peperiksaan Bersepadu (PPDUEC) untuk berbincang tentang laporan mereka.
20.	[No. 476] PR-1451-T05682 **Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan dengan secara terperinci jumlah graduan daripada universiti tempatan sejak tahun 2015 dan berapa ramai kalangan mereka yang kekal menganggur 12 bulan selepas bergraduasi.
21.	[No. 538] PR-1451-T05924 **Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mempertimbangkan samada Kementerian akan meminta Institut Pengajian Tinggi untuk memberikan pilihan kepada mahasiswa menjalankan pembelajaran secara atas talian memandangkan kes COVID-19 varian Omicron yang semakin meningkat.
22.	[No. 549] PR-1451-T05935 **Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof [Alor Gajah]** minta **Menteri Pengajian**

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tinggi menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk menambah biasiswa bagi pelajar-pelajar yang mengambil sijil professional sebagai cara menambah jumlah kepakaran tempatan.

WAKTU PERTANYAAN MENTERI (MQT)

24 MAC 2022 (KHAMIS) - 1 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 3] PR-1451-MQT1744 **Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah inisiatif pengajian sepanjang hayat melalui kaedah APEL (Akreditasi Pembelajaran Pengalaman Terdahulu) mendapat sambutan di kalangan masyarakat memandangkan ianya telah lama diwujudkan dan setakat mana pengiktirafan diberikan kepada mereka yang mengambil jalur ini untuk mendapat ijazah sarjana dan kedoktoran.

MESYUARAT PERTAMA DEWAN RAKYAT TAHUN 2022

JAWAPAN BAGI PERTANYAAN LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM (BALING)
TARIKH	:	3 MAC 2022 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 9

DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM (BALING) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif dan bantuan Kementerian untuk membantu mahasiswa dan mahasiswi golongan B40 yang terkesan dengan musibah banjir baru-baru ini.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Banjir yang berlaku baru-baru ini sudah semestinya memberi kesan kepada negara. Dalam hal ini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sangat prihatin terutamanya terhadap mahasiswa, warga IPT dan komuniti yang terkesan dengan banjir pada tahun lepas dan juga yang terkini di Terengganu dan di Kelantan.

Dalam hubungan ini, KPT telah mengambil beberapa tindakan awal bagi memantau dan menyelaras penyaluran bantuan kepada warga IPT yang terlibat. Antara usaha yang telah diambil adalah untuk mengaktifkan Bilik Gerakan KPT. Malah, KPT juga menyeru dan memastikan pihak Universiti Awam (UA) turut mengaktifkan Bilik Gerakan dan talian hotline di universiti masing-masing.

Warga IPT yang terlibat sebagai mangsa banjir adalah berjumlah 8,570 orang mangsa banjir yang terdiri daripada 7,264 pelajar dan 1,306 kakitangan KPT.

Secara umumnya, operasi bantuan banjir KPT melibatkan tujuh buah negeri, iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Pahang, Johor dan Sabah dengan kira-kira 76 buah daerah disantuni, termasuk dua daerah angkat yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan kepada KPT, iaitu Kuala Langat di Selangor dan Temerloh di Pahang.

KPT bersama Majlis Kesukarelawan Universiti Awam (MASKUM) telah menggerakkan **seramai 23,745 sukarelawan** yang terdiri daripada pelajar dan warga UA di seluruh negara untuk menghulurkan bantuan pasca banjir.

Pelbagai bentuk bantuan bagi menyokong keperluan mangsa banjir telah disumbangkan oleh pihak KPT. Sehingga 7 Februari 2022, antara bantuan yang telah diberikan termasuklah:

(i) **52,406 kotak sumbangan dengan nilai RM4.14 juta** yang merangkumi makanan dan keperluan asas;

(ii) **Bantuan komputer riba** kepada para pelajar yang mengalami kerosakan dan kehilangan komputer riba akibat musibah banjir;

(iii) **Sumbangan berbentuk kewangan berjumlah RM385,903 kepada mahasiswa dan warga KPT juga telah disediakan dan diagihkan** kepada mangsa banjir. Jumlah ini tidak termasuk bantuan-bantuan yang diberikan secara terus oleh IPT dan juga Politeknik kepada mangsa banjir;

(iv) **Penangguhan bayaran balik pinjaman PTPTN selama tiga (3) bulan bermula 28 Disember 2021 sehingga 31 Mac 2022** kepada peminjam yang terjejas dan terkesan disebabkan bencana banjir;

(v) **Bantuan penyelenggaraan motosikal/ kereta, pendawaian elektrik di rumah dan pembaikan peralatan elektrik secara berterusan**;

(vi) **IPT sebagai pusat pelindungan sementara banjir**; dan

(vii) Menyediakan kemudahan **klinik bergerak dan klinik bergerak veterinar**.

KPT ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak sama ada agensi-agensi Kerajaan, sukarelawan-sukarelawan, NGO, warga KPT dan IPT serta individu-individu yang telah bertungkus-lumus membantu menjayakan misi bantuan banjir KPT.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL KARIM (BATANG LUPAR)
TARIKH	:	3 MAC 2022 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 17

DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL KARIM (BATANG LUPAR) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pendekatan dan pemahaman Matlamat Pembangunan Lestari diketengahkan dalam kalangan pelajar di Institut Pendidikan Tinggi sama ada dalam subjek mata pelajaran mahupun aktiviti ko-kurikulum.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) sentiasa menyokong usaha Kerajaan bagi mencapai Matlamat Pembangunan Lestari menjelang tahun 2030. Justeru, kekuatan dan sumber kepakaran di IPT terus diperkukuh dan digunakan secara optimum ke arah keseimbangan persekitaran, masyarakat dan ekonomi.

Untuk itu, KPT telah memperkenalkan beberapa inisiatif, antaranya ialah program Service Learning Malaysia – University for Society (SULAM) dan "University for Society@Keluarga Malaysia atau UNiTY". Di samping itu, kementerian turut memberikan penekanan kepada Education for Sustainable Development atau ESD

sebagai pemboleh daya utama dalam mencapai Sustainable Development Goals (SDG). IPT juga secara berterusan melaksanakan pembangunan program akademik baharu, membuat semakan kurikulum secara berkala serta melaksanakan pemetaan program akademik agar selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari. Usaha-usaha ini adalah bagi memastikan kurikulum di IPT kekal relevan dalam melahirkan graduan yang berpengetahuan, berkemahiran dan bertanggungjawab selari dengan kehendak semasa.

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), seiring dengan aspirasi Technical and Vocational Education and Training – Education for Sustainable Development (TVET-ESD) negara turut menyokong penuh usaha merealisasikan Matlamat Pembangunan Lestari dengan melaksanakan beberapa inisiatif seperti berikut:

i. Menterjemahkan Sustainable & Development Goals (SDG) di peringkat global dan Dasar Teknologi Hijau Kebangsaan (DTH) di peringkat kebangsaan melalui Blueprint POLYGreen 2015 – 2020 dan Blueprint Smartgreen POLYCC 2021 – 2026 sebagai garis panduan pelaksanaan amalan hijau;

ii. Menawarkan kursus "Pematuhan Teknologi Hijau" (Green Technology Compliance);

iii. Menerapkan amalan hijau (green practices) dalam semua kurikulum program pengajian politeknik;

iv. Menerapkan elemen tanggungjawab dan peranan insan dalam memelihara alam sekitar melalui kursus wajib Mata Pelajaran Umum (MPU), iaitu Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan NIlai Masyarakat;

v. Menawarkan kursus pilihan bagi MPU Kategori U4 (kelab) seperti Kelab Alam Sekitar, Kelas 5S serta Kelab Inovasi dan Reka Cipta supaya dapat memupuk pembudayaan amalan lestari dalam kalangan pelajar; dan

vi. Menerapkan elemen lestari dalam aktiviti kesukarelawanan yang melibatkan pelajar politeknik dan kolej komuniti melalui badan sukarelawan di institusi seperti YES Politeknik dan BriSK Kolej Komuniti.

Selain itu, bagi menjamin kualiti program yang ditawarkan, KPT melalui Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA), menekankan pembentukan kurikulum program berasaskan kepada lima (5) kluster hasil

pembelajaran seperti yang terkandung dalam dokumen Kerangka Kelayakan Malaysia (Edisi Kedua).

Antaranya termasuklah pengetahuan dan pemahaman (knowledge and understanding), kemahiran kognitif (cognitive skills) dan lain-lain. Aspek amalan lestari (sustainable practices) juga turut dimasukkan sebagai salah satu elemen hasil pembelajaran yang perlu dicapai di bawah kluster Etika dan Profesionalisme, selain turut diselaras dalam dokumen jaminan kualiti yang lain seperti Kod Amalan Akreditasi Program TVET, Standard Ijazah Sarjana dan Kedoktoran (Edisi Kedua) dan Standard-Standard Program edisi yang terkini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM (TAMPIN)

TARIKH : 3 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 22

DATUK DR. HASAN BIN BAHROM (TAMPIN) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan hasil penyelidikan yang dilakukan oleh ahli akademik, berapa jumlah telah dipatenkan, bolehkah Kementerian memberikan beberapa contoh pembangunan negara yang berjaya hasil daripada penyelidikan akademik tempatan dan sejauh mana hasil penyelidikan itu telah dimanfaatkan oleh negara luar.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada Data Malaysia Research Assessment (MyRA)® sepanjang Rancangan Malaysia Ke-11(RMKe-11), iaitu dari tahun 2016 hingga 2020, sebanyak 938 paten telah diperoleh bagi patent granted tempatan, manakala patent granted antarabangsa adalah sebanyak 83 paten.

Dalam hal berkaitan, terdapat projek penyelidikan yang telah diluluskan di bawah Dana Penyelidikan Fundamental (DPF) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang telah dipatenkan di peringkat antarabangsa, iaitu Molecular Diagnostic Method for Rapid and Accurate Identification of Malaria Parasite Species. Projek ini diterajui oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Universiti Monash Malaysia, Universiti Malaya (UM) dan Jabatan Hidupan Liar Sabah (Sabah

Wildlife Department) sebagai rakan strategik. Projek ini memberikan fokus kepada faktor-faktor penyumbang risiko serta strategi pengawalan Zoonotic Malaria.

Hasil penyelidikan ini telah menyumbang kepada penyediaan garis panduan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) untuk rawatan dan pengurusan Plasmodium Knowlesi, iaitu parasit yang menyebabkan malaria pada manusia dan kumpulan monyet (primates). Projek penyelidikan ini juga telah mendapat tajaan daripada Majlis Penyelidikan UK (London School of Hygiene & Tropical Medicine) dengan jumlah kira-kira RM1.26 juta.

Selain itu, sebuah projek penyelidikan di bawah DPF KPT pada tahun 2015, iaitu Green Technology and Nanomaterial Applications for the Mitigation of Greenhouse Gases (GHGs) juga telah dimanfaatkan oleh universiti luar negara. Projek ini diterajui oleh Universiti Sains Malaysia (USM) dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Monash Malaysia.

Syarikat Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) terlibat sebagai kolaborator strategik bersama-sama beberapa kolaborator antarabangsa terkemuka seperti Universiti Teknologi Wuhan, Universiti Osaka dan University of New South Wales. Hasil kolaborasi projek ini, satu perjanjian usaha sama antara USAINS (syarikat milik USM) dan NANOMALAYSIA telah ditandatangani dan menyumbang kepada rangka Dasar dan Strategi Nanoteknologi Negara (DSNN) 2021 – 2030.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD (KUALA SELANGOR)
TARIKH	:	3 MAC 2022 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 26

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD (KUALA SELANGOR) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah kursus-kursus dan kurikulum yang ditawarkan di universiti awam dan swasta telah melalui 'pengubahsuaian' mengikut kehendak pasaran.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dari semasa ke semasa sentiasa mengambil langkah yang proaktif bagi memastikan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) menawarkan program akademik yang selari dengan keperluan semasa. Dalam hubungan ini, IPT diberi fleksibiliti membangunkan kurikulum baharu atau menambah baik kurikulum sedia ada.

Pada 15 Oktober 2021 yang lepas, KPT telah melancarkan inisiatif *Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape* (EXCEL). Inisiatif ini merupakan satu kerangka transformasi program akademik yang mengintegrasikan elemen industri, komuniti, penyelidikan dan fleksibiliti (*personalised*) dalam menghasilkan graduan yang mempunyai atribut dan kemahiran, yang diperoleh daripada pembelajaran berasaskan pengalaman dan pendidikan berasaskan kompetensi.

KPT berharap kerangka EXCEL ini dapat terus memacu usaha untuk menghasilkan graduan yang mempunyai daya tahan dan keupayaan menghadapi serta menerima perubahan (*Resilient and Change-Ready Talent*). Ini termasuk juga aspirasi untuk melahirkan graduan yang memiliki ciri-ciri pengamal pembelajaran sepanjang hayat (*lifelong learners*), usahawan inovatif (*innovative entrepreneurs*), pengamal kreatif (*creative practitioners*) dan pengaruh perubahan (*change-makers*).

Selain itu, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) juga adalah bertanggungjawab melaksanakan penambahbaikan yang berterusan melalui 'pengubahsuaian' mengikut kehendak pasaran bagi memastikan kualiti kursus pengajian dan kurikulum adalah mantap serta pengalaman pelajar dapat lebih diperkaya. Selaras dengan peruntukan Akta 555 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, IPTS perlu mendapat kelulusan ketua pendaftar dan membuat permohonan pembaharuan mengendalikan kursus pengajian tidak lewat daripada enam (6) bulan sebelum tamat tempoh sah laku kursus secara dalam talian melalui sistem e-IPTS.

Dari aspek jaminan kualiti pula, setiap IPT dikehendaki melaksanakan semakan kurikulum sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) hingga lima (5) tahun bagi setiap program yang ditawarkan. Ini bagi memastikan kandungan kurikulum program sentiasa terkini dan memenuhi keperluan perubahan industri semasa. Dalam hal ini, IPT dibenarkan untuk membuat perubahan kurikulum sehingga 30 peratus melibatkan komponen teras secara dalaman tanpa perlu mendapatkan kelulusan dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) kecuali, program-program di bawah seliaan badan profesional yang mana kelulusannya adalah daripada badan profesional yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB (PULAI)
TARIKH	:	3 MAC 2022 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 38

DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB (PULAI) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah terdapat data atau maklumat mengenai jumlah mahasiswa keciciran atau menangguhkan pengajian bagi Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/IPTS) ekoran menanggung bebanan status sosioekonomi keluarga atau terkait dengan kesihatan mental.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan data Sistem MyMoheS Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), pada tahun 2021, seramai 17,613 pelajar telah direkodkan sebagai tercicir daripada melanjutkan pengajian di Universiti Awam (UA), sementara sejumlah 5,165 orang pelajar di UA yang menangguhkan pengajian tanpa sebab yang khusus. Bagi pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) pula, data Sistem e-IPTS sehingga 31 Disember 2021 menunjukkan seramai 20,577 orang pelajar menangguhkan pengajian tanpa sebab yang khusus.

Antara faktor yang dikenal pasti menyumbang kepada pelajar menangguh pengajian adalah:

i. Penangguhan pengajian atas masalah kesihatan;

ii. Penangguhan pengajian atas kepentingan perkhidmatan (terutamanya bagi pelajar yang bekerja);

iii. Penangguhan pengajian atas sebab masalah kesihatan ahli keluarga terdekat;

iv. Penangguhan pengajian atas sebab masalah keluarga (selain masalah kesihatan);

v. Penangguhan pengajian atas sebab masalah kewangan; dan

vi. Penangguhan pengajian atas sebab pelajar yang menghadapi masalah lain (masalah peribadi selain daripada yang dinyatakan di atas).

Berhubung perkara ini, KPT amat prihatin dan sentiasa mengambil langkah bagi membantu pelajar yang menghadapi masalah dalam pelaksanaan PdP. Antaranya adalah dengan memberikan IPT fleksibiliti dalam menentukan kaedah PdP serta pentaksiran dan penilaian yang bersesuaian.

Selain itu, KPT turut menyediakan kemudahan biasiswa dan bantuan kewangan kepada golongan sasar tertentu termasuk B40. Kemudahan ini diberikan kepada pelajar yang layak.

Selain itu juga, KPT menerusi Unit Kaunseling dan Bimbingan di UA turut menyediakan perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikososial kepada mahasiswa yang terkesan dari segi tekanan emosi atau mental. Terdapat hampir 150 kaunselor dan pakar psikologi yang bersedia untuk membantu pelajar yang memerlukan melalui perkhidmatan yang diadakan secara fizikal di kampus masing-masing, secara dalam talian (e-kaunseling), dan juga dengan menghubungi talian *hotline* (tele-kaunseling).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID (KAPAR)
TARIKH	:	**3 MAC 2022 (KHAMIS)**
SOALAN	:	NO. 44

YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID (KAPAR) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah terdapat perancangan merangka garis panduan untuk golongan mahasiswa dalam melibatkan diri dalam aktiviti politik selari dengan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) pada 2019 yang membuang Seksyen 15(2)(c).

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Pewujudan Akta Universiti dan Kolej Universiti Tahun 1971 (AUKU) bertujuan untuk menubuhkan, menyelenggara dan mentadbir universiti serta kolej universiti dan bagi perkara yang berkenaan dengannya. Antara komponen yang terkandung dalam AUKU termasuk pelantikan pengurusan tertinggi universiti, tadbir urus universiti serta aktiviti pelajar.

Selaras dengan hasrat Kementerian untuk memastikan AUKU kekal relevan, beberapa pindaan terhadap AUKU telah dilakukan. Antara pindaan yang melibatkan aktiviti pelajar adalah pindaan pada tahun 2012 bagi membolehkan mahasiswa menyertai kegiatan parti politik di luar kampus, dan pindaan pada tahun 2019 untuk memberikan kebebasan kepada pelajar menyertai aktiviti parti politik dalam kampus.

Kedua-dua pindaan ini telah memberikan impak yang signifikan dalam memberikan kebebasan serta menyediakan ruang untuk pelajar menyertai aktiviti politik.

Sehubungan dengan itu, Kementerian telah melihat semula peruntukan berkaitan aktiviti politik dalam Kaedah Tatatertib Universiti Awam (UA) bagi memberikan kebenaran penglibatan pelajar dalam aktiviti politik. Pada masa yang sama, pihak universiti dan Kementerian sedang membangunkan garis panduan bersesuaian sebagai panduan kepada golongan mahasiswa dalam menyertai kegiatan politik di dalam dan luar kampus agar keharmonian UA tetap terpelihara.

Amnya, garis panduan yang disediakan meletakkan kepentingan dan kebajikan pelajar sebagai keutamaan. Kementerian juga yakin bahawa garis panduan ini kelak dapat memperkasakan kebebasan bersuara dan semangat autonomi yang diberikan kepada pelajar, yang seterusnya boleh membentuk generasi pelapis pemimpin negara yang bersikap lebih terbuka, matang dan bertanggungjawab ke atas setiap keputusan yang diambil.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	YB TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD NASIR (JOHOR BAHRU)
TARIKH	:	3 MAC 2022 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 69

YB TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD NASIR (JOHOR BAHRU) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan garis masa pelaksanaan hasil sumbang saran beberapa libat urus berkaitan penambahbaikan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 yang dijalankan oleh Kementerian.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] atau lebih dikenali dengan AUKU, merupakan suatu akta untuk membuat peruntukan bagi menubuh, menyelenggara dan mentadbir Universiti dan Kolej Universiti serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya. Selain daripada perkara berkaitan tadbir urus universiti, AUKU turut merangkumi hal berkaitan aktiviti pelajar, persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar.

Dalam perkara ini, Kementerian sentiasa prihatin dan responsif ke atas aspirasi pelbagai pihak yang inginkan supaya AUKU ditambah baik dari semasa ke semasa. Atas dasar ini, AUKU telah mengalami proses pindaan sebanyak tujuh (7) kali sejak diwartakan pada tahun 1971 hingga pindaan terakhir pada tahun 2019 yang

memansuhkan Seksyen 15(2)(c) AUKU bagi memberikan lebih ruang dan kebebasan kepada pelajar untuk bersuara dan berpolitik di dalam kampus.

Sesi libat urus yang berkaitan dengan penambahbaikan AUKU 1971 merupakan langkah penting dalam usaha memperkasakan AUKU khususnya dalam mendapatkan pandangan dan cadangan daripada pihak berkepentingan. Sepanjang sesi libat urus yang telah diadakan dengan pihak-pihak yang berkepentingan, tiga (3) isu utama telah dibangkitkan, iaitu melibatkan aktiviti pelajar, tadbir urus universiti dan kebebasan akademik berkaitan dengan kakitangan akademik di universiti awam.

Susulan daripada itu, beberapa cadangan dan sumbang saran telah dikemukakan kepada Kementerian khususnya dari aspek pengurusan universiti oleh Majlis Presiden Persatuan Akademik (MPPK) dan aspek hal ehwal pengurusan pelajar oleh Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK).

Kementerian memandang serius permohonan cadangan penambahbaikan ini dan telah mengemukakan cadangan tersebut kepada semua universiti awam bagi mendapatkan maklum balas dalam mengenal pasti mekanisme terbaik memperkasakan dan menghak upaya pelajar. Hasil maklum balas tersebut telah dikemukakan kepada wakil pelajar universiti awam dalam satu sesi libat urus pada 1 Mac 2022 untuk mendapatkan persetujuan bersama bagi pelaksanaan cadangan penambahbaikan tersebut sebelum dibentangkan di peringkat pengurusan tertinggi Kementerian untuk persetujuan dasar.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD (KANGAR)

TARIKH : 9 MAC 2022 (RABU)

SOALAN : NO. 18

TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD (KANGAR) minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah rasional penggabungan fakulti dan kolej kediaman yang sedang dilaksanakan di beberapa buah universiti ketika ini.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggabungan fakulti dan juga kolej kediaman yang sedang dilaksanakan di beberapa buah universiti ketika ini telah mengambil kira pertimbangan pelbagai aspek termasuk keberhasilan, kewangan semasa universiti, dan sebagainya.

Dalam konteks fakulti, rasional penggabungannya termasuklah bagi:

i. Mewujudkan sinergi positif antara fakulti dengan menggabungkan kekuatan dalam penawaran program serta penyelidikan dalam bidang nic (*niche area*) yang lebih kompetitif;

ii. Membentuk simbiosis yang lebih berkesan antara staf akademik, pentadbiran, dan teknikal dalam memastikan keberhasilan aktiviti pengajaran dan

pembelajaran, penyelidikan, dan inovasi yang impaknya merentas pelbagai disiplin ilmu;

iii. Mengukuhkan inisiatif penjanaan pendapatan oleh universiti melalui penganjuran program eksekutif dan perkhidmatan perundingan;

iv. Mengoptimumkan penggunaan atau perkongsian fasiliti dan peralatan makmal secara lebih efisien dan bersasar, sekaligus meningkatkan penghasilan penyelidikan yang berkualiti dan berimpak tinggi di peringkat prasiswazah dan pascasiswazah;

v. Membolehkan penyelarasan penempatan tenaga akademik dibuat mengikut kelayakan bidang atau disiplin masing-masing bagi memastikan kepakaran dan sumber guna tenaga dioptimumkan, seterusnya menyediakan laluan kerjaya yang lebih berfokus kepada setiap staf yang berkenaan; dan

vi. Mengurangkan kos pelbagai urusan, di samping menghasilkan impak yang lebih signifikan dalam melonjakkan keberkesanan pengurusan dan operasi, khususnya fakulti.

Manakala bagi penggabungan kolej kediaman pula, rasionalnya adalah bagi:

i. Memantapkan penganjuran aktiviti oleh pelajar agar dapat lebih baik dan memberikan impak kepada kumpulan sasaran di samping mencapai objektif penganjuran;

ii. Mempertingkatkan kualiti perkhidmatan setiap kolej kediaman melalui pengurusan pusat tanggungjawab yang lebih mampan dan berkesan;

iii. Mewujudkan ruang komunikasi kerja yang kondusif dengan mengambil kira fungsi utama setiap kolej kediaman;

iv. Menguruskan sumber manusia dengan lebih efisien agar dapat digunakan secara optimum serta mengurangkan pertindihan proses kerja dan perkhidmatan kepada pelajar; dan

v. Memberikan penjimatan dari aspek kewangan yang melibatkan operasi kerja dan pengurusan pejabat di setiap kolej kediaman.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI (SIBUTI)
TARIKH	:	9 MAC 2022 (RABU)
SOALAN	:	NO. 35

TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI (SIBUTI) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk membuka Kolej Komuniti di luar bandar Parlimen Sibuti dan apakah proses permohonan dibuka.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum sesebuah universiti awam, politeknik atau kolej komuniti dibangunkan, pelbagai aspek seperti pertumbuhan ekonomi, strategi pembangunan negara dan wilayah serta keperluan guna tenaga perlu dipertimbangkan.

Ini selari dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Julai 2000 yang bersetuju dengan pandangan bahawa keutamaan penubuhan kolej komuniti hendaklah bertumpu kepada kawasan-kawasan yang tiada institusi-institusi latihan lain seperti Pusat Giat MARA, Institut Kemahiran MARA dan sebagainya. Selain itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 September 2004 juga bersetuju agar penubuhan kolej komuniti baharu adalah berdasarkan keperluan sesebuah kawasan.

Dalam hubungan ini, penubuhan sesebuah kolej komuniti turut bergantung kepada kriteria-kriteria lain seperti peruntukan kewangan, dasar perjawatan kejat yang sedang berkuat kuasa, kehendak industri, unjuran guna tenaga negara serta keperluan-keperluan lain yang relevan.

Sehingga November 2021, terdapat tiga (3) buah politeknik dan tujuh (7) buah kolej komuniti yang sedang beroperasi di Sarawak. Kesemua institut ini menawarkan pelbagai program pengajian dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) seperti keusahawanan; kejuruteraan; teknologi; perdagangan; perkhidmatan; dan pendidikan, yang berdaya saing serta menyokong keperluan tenaga kerja mahir dan profesional bagi pembangunan ekonomi setempat dan negara.

Berdasarkan jumlah institut dan bidang-bidang yang ditawarkan tersebut, ia adalah mencukupi bagi menampung keperluan semasa. Walau bagaimanapun, pihak KPT akan sentiasa mengkaji perkara ini dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO SRI TIONG KING SING (BINTULU)**
TARIKH	:	**9 MAC 2022 (RABU)**
SOALAN	:	**NO. 73**

DATO SRI TIONG KING SING (BINTULU) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:

(a) Statistik pelajar asing dari Republik Rakyat China yang belajar di institusi pengajian tinggi Malaysia bagi tahun 2021.

(b) Apakah perancangan Kementerian dalam meningkatkan bilangan pelajar asing dari Republik Rakyat China untuk belajar di institusi pengajian tinggi Malaysia di bawah norma baharu?

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

(a) Berdasarkan Sistem MyMoheS dan e-IPTS yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada tahun 2021, jumlah pelajar asing (antarabangsa) yang sedang melanjutkan pendidikan tinggi di Malaysia adalah seramai 97,235 orang. Jumlah ini merangkumi 39,172 orang pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan 58,063 orang pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS).

Daripada jumlah tersebut, jumlah pelajar asing dari Republik Rakyat China (China, Hong Kong, Macau, Taiwan) yang belajar di IPT di Malaysia adalah **seramai 28,816 orang pelajar, iaitu 29.6 peratus** daripada jumlah keseluruhan pelajar asing di Malaysia.

(b) Dalam usaha untuk meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa yang menyambung pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia, termasuk dari Republik Rakyat China, KPT telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama-sama pihak-pihak berkepentingan seperti:

i. Kementerian Dalam Negeri (KDN);
ii. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM);
iii. *Education Malaysia Global Services* (EMGS);
iv. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
v. Majlis Keselamatan Negara (MKN);
vi. Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA); dan
vii. pihak IPT

Siri perbincangan ini adalah bertujuan untuk memudah cara urusan kemasukan pelajar antarabangsa selaras dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan. SOP bagi urusan kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia yang lengkap telah disediakan sejak Oktober 2020 dan sentiasa dikemas kini mengambil kira peraturan dan arahan daripada pihak Kerajaan.

Dalam hal yang berkaitan, KPT juga telah mengadakan sesi libat urus dan perbincangan bersama Kementerian Pelancongan (MOTAC), MATRADE, Kementerian Luar Negeri (KLN) dan *Tourism* Malaysia untuk menyelaras dan mempergiat program promosi dan eksport pendidikan tinggi negara melalui inisiatif di bawah Pasukan Petugas Kebangsaan Pemudahcara IPTS (PEMUDAH IPTS) – *Technical Working Group* (TWG) 4: Pengantarabangsaan dan Promosi, dan Jawatankuasa Koordinasi Eksport (JK-X) yang diterajui oleh MATRADE di bawah *National Trade Blueprint* (NTBp).

KPT melalui pejabat *Education Malaysia* Beijing dengan kerjasama EMGS selaku agensi yang bertanggungjawab mempromosikan pendidikan tinggi negara di negara China telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti. Ini bertujuan

untuk meneroka pasaran baharu serta menambah baik hubungan diplomasi melalui kerjasama strategik antara IPT Malaysia dan IPT atau pihak syarikat di luar negara yang seterusnya meningkatkan keterlihatan jenama pendidikan tinggi negara. Antara inisiatif utama yang turut dibangunkan ialah *flagship MyAlumni@EducationMalaysia4U*, *EducationMalaysia4U*, dan *i-EducationMalaysia4U.*

Promosi pendidikan tinggi Malaysia ini dijalankan secara strategik dan berterusan melalui kempen secara fizikal dan virtual seperti penyertaan dalam acara-acara pameran, mesyuarat-mesyuarat perniagaan, seminar dan lawatan, libat urus bersama persatuan-persatuan pelajar antarabangsa dan program bersama alumni antarabangsa.

Kerjasama strategik dengan Malaysia China Business Council (MCBC) turut dimeterai bagi menarik lebih ramai pelajar antarabangsa dari negara China untuk menyambung pengajian di Malaysia di samping penganjuran *Malaysia-China Higher Education Dialogue.*

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB (PULAI)

TARIKH : 9 MAC 2022 (RABU)

SOALAN : NO. 78

DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB (PULAI) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah status sebenar pembayaran elaun latihan praktikal kepada mahasiswa, kerana dalam RMKe-12 hanya dinyatakan Kerajaan akan menyeru majikan berbuat demikian tetapi belum diwartakan sepenuhnya menyebabkan masih banyak industri tidak memperuntukkan elaun.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam Bilangan 10 Tahun 2011 mengenai Elaun Latihan Amali Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Agensi Kerajaan, pelajar yang sedang menjalani latihan praktikal di agensi kerajaan dibenarkan menerima bayaran elaun sebanyak RM15 sehari untuk tempoh maksimum tiga bulan. Atas dasar cakna terhadap kelangsungan hidup pelajar yang sedang menjalani latihan industri (LI), selain sebagai langkah penambahbaikan, Kerajaan telah mula membayar elaun sebanyak RM900 sebulan kepada pelajar yang menjalani LI di sektor awam sejak tahun 2019.

Kementerian sentiasa menyokong dan menggalakkan penyertaan syarikat serta industri untuk menerima pelajar menjalani LI. Ini bagi memberikan peluang kepada pelajar menimba pengalaman pekerjaan, selain membantu syarikat mengenal pasti bakat-bakat baharu yang boleh diambil bekerja selepas mereka tamat LI.

Kerajaan melalui Belanjawan 2022 yang dibentang pada 29 Oktober 2021 juga telah menyeru pihak swasta untuk turut membayar elaun kepada pelajar yang menjalani LI di syarikat atau pun organisasi mereka. Berdasarkan rekod, terdapat seramai 55,897 orang pelajar yang dikenal pasti menjalani LI di syarikat swasta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 68.5 peratus (atau 38,277 orang pelajar) menerima purata bayaran elaun LI antara RM300 hingga RM500 sebulan.

Untuk makluman, terdapat juga pendekatan LI secara berstruktur yang dilaksanakan oleh KPT bagi menangani masalah elaun pelajar semasa tempoh LI. Contohnya program 2u2i, *Work Based Learning* (WBL) dan *Structured Internship Programme* (SIP). Memorandum persetujuan dibuat antara pihak IPT dan syarikat, yang menyatakan dengan jelas peranan, fungsi dan tanggungjawab bersama yang dipersetujui, termasuk penetapan elaun pelajar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. MASZLEE BIN MALEK (SIMPANG RENGGAM)

TARIKH : 9 MAC 2022 (RABU)

SOALAN : NO. 82

DR. MASZLEE BIN MALIK [SIMPANG RENGGAM] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan H-index, G-index dan i10- Index setiap Naib Canselor di Universiti Awam (UA) yang telah dilantik bermula April 2020, dan bandingkannya dengan Naib Canselor sebelum mereka.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Dalam proses pemilihan seorang Naib Canselor, kriteria utama pemilihan adalah berdasarkan kepada kemampuan, daya kepimpinan serta pengalaman pentadbiran institusi yang menjadi kayu ukur dan indikasi ketokohan calon dalam memimpin universiti.

Bersesuaian dengan waran perjawatan Naib Canselor yang terbuka kepada semua skim perkhidmatan termasuk dari kalangan industri, maka kurang sesuai H-Index dijadikan sebagai kriteria utama pelantikan Naib Canselor. Namun begitu, tidak dapat dinafikan sekiranya Naib Canselor mempunyai H-Index yang tinggi, maka ia merupakan satu nilai tambah kepada kesarjanaan Naib Canselor tersebut sebagai seorang ahli akademik dan boleh dijadikan sebagai tempat rujukan *peers* dalam bidang kepakaran.

Berdasarkan perbandingan H-Index antara Naib Canselor terkini dan sebelumnya, boleh disimpulkan bahawa terdapat sembilan (9) orang Naib Canselor yang mempunyai prestasi H-Index lebih baik berbanding Naib Canselor sebelumnya. Manakala, bagi tiga (3) orang Naib Canselor lagi, tiada maklumat perbandingan kerana ada antara mereka merupakan Naib Canselor dari industri dan Angkatan Tentera Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR (PERMATANG PAUH)
TARIKH	:	15 MAC 2022 (SELASA)
SOALAN	:	NO. 12

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR (PERMATANG PAUH) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:

a) status penubuhan majlis TVET termasuk perincian punca kuasa; dan

b) usaha terkini Kementerian menggalakkan pengambilan kursus TVET dan kursus kemahiran pendek ("*micro credentials*") dalam kalangan lepasan sekolah untuk meningkatkan kebolehpasaran anak muda, dan secara tidak langsung meringankan beban hutang PTPTN.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

a)

Majlis TVET Negara (MTVET) telah ditubuhkan pada 18 Disember 2020 hasil keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri dan berperanan sebagai badan tertinggi pembuat keputusan berkaitan hala tuju TVET negara selain menyelaras ekosistem TVET merentasi Kementerian, penyedia TVET awam dan swasta serta industri.

MTVET dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan dianggotai oleh 4 Menteri Kanan dan 9 Menteri Kementerian Strategik dan Kementerian berkaitan TVET, tokoh industri dan wakil akademia serta wakil pimpinan pelajar. Kementerian Pengajian Tinggi telah dilantik sebagai sekretariat MTVET.

Mesyuarat Majlis TVET Negara Bil. 1/2022 terkini telah diadakan pada 3 Februari 2022 bagi membincangkan isu-isu TVET Negara seperti penubuhan Badan Koordinasi TVET-Industri (GITC) dan pelaksanaan TVET *Collaboration Hub (*TCH). Pemerkasaan Agenda TVET dilaksanakan melalui 5 fokus utama iaitu tadbir urus, industri, kualiti, pembiayaan dan penjenamaan.

Bagi mengikis persepi negatif bahawa TVET merupakan pilihan kedua pelajar, satu *blueprint* untuk meningkatkan reputasi dan menjenamakan semula TVET secara komprehensif sedang dirangka. Ia mengandungi strategi promosi jenama TVET, memperkasa advokasi pendidikan kerjaya, mengiktiraf sumbangan individu dan industri serta membuka seluas-luasnya akses dan peluang bagi semua golongan rakyat untuk memasuki bidang TVET.

Bagi mengatasi isu ketidakpadanan atau *mismatch* pula, kerajaan telah memperaku penubuhan Badan Koordinasi TVET Kerajaan-Industri atau *Government-Industry TVET Coordination Body* (GITC) yang diterajui oleh industri bagi memberi input terhadap pembangunan TVET mengikut sektor ekonomi. Untuk makluman Yang Berhormat, Tan Sri Soh Thian Lai yang merupakan Presiden *Federation of Malaysian Manufacturers* (FMM) bersetuju untuk mengetuai penubuhan GITC dan setakat ini 12 Persatuan Induk Industri bersetuju untuk bersama-sama di dalam GITC.

Disamping itu pelaksanaan (TCH) yang menjadi platform perkongsian kepakaran, peralatan dan teknologi di antara pemain TVET dan industri bakal menjadi pemangkin kepada kolaborasi bersinergi di antara penyedia TVET dan pihak industri. Kedua-dua inisiatif utama TCH dan GITC diharap bakal mentransformasi landskap dan ekosistem TVET yang lebih mampan dan berdaya saing.

b)

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui politeknik dan kolej komuniti adalah komited dalam memainkan peranan untuk menyediakan akses yang meluas kepada program TVET yang berkualiti dan diiktiraf; memperkasa komuniti melalui Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH); serta melahirkan graduan yang bersifat holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

Kursus pendek atau program PSH yang ditawarkan di politeknik dan kolej komuniti adalah terbuka kepada orang awam termasuk pelajar lepasan sekolah, universiti, ibu tunggal, suri rumah dan persatuan-persatuan lain tertakluk kepada permintaan. Bagi tempoh tiga (3) tahun terkini, lebih 25,000 kursus PSH telah dilaksanakan di politeknik dan kolej komuniti di seluruh negara menerima penyertaan melebihi 500,000 peserta. Para peserta juga mampu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang tertentu dan membantu mereka menjana pendapatan.

Penyertaan pelajar dalam kursus pendek juga merangkumi modul-modul yang membolehkan kelayakan *micro-credential* mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Pelaksanaan *micro-credential* ini diperkenal untuk membantu meningkatkan kebolehpasaran anak muda, yang secara tidak langsung dapat membantu meringankan beban hutang PTPTN melalui inisiatif seperti berikut:

i. Mempergiatkan IPT/ pelaksana TVET memperbanyakkan penawaran kursus pendek (*micro-credentials*)/ TVET kepada masyarakat khususnya kepada lepasan sekolah;

ii. Memberi akreditasi MQA melalui *Code of Practice* TVET Program Akreditasi (COPTPA) untuk tujuan pindah kredit dan pengiktirafan pekerjaan; dan

iii. Bekerjasama dengan PTPTN untuk bantuan kewangan kepada mereka yang mengambil kursus-kursus pendek.

Sehingga 31 Januari 2022, sebanyak 11,117 kursus daripada 594 program yang mendapat akreditasi telah ditawarkan secara *micro-credential* daripada peringkat Sijil sehingga ke peringkat Sarjana, dengan peningkatan penawaran kursus secara *micro-credential* dalam kalangan IPT, usaha ini dilihat mampu menyokong usaha memperhebat pembangunan bakat untuk kemajuan negara dan mempelbagai pembelajaran secara lebih fleksibel.

Sekian, terima kasi

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)

TARIKH : 15 MAC 2022 (SELASA)

SOALAN : NO. 24

TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan statistik graduan institusi pengajian tinggi awam serta swasta dan lepasan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi tempoh lima tahun terkini mengikut pecahan negeri serta bidang pengajian masing-masing. Perincikan juga unjuran graduan institusi-institusi berkaitan untuk tempoh lima tahun akan datang mengikut pecahan sebagaimana di atas.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), jumlah keluaran graduan bagi tahun 2020 secara keseluruhan yang merangkumi graduan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) termasuk Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) adalah seramai **318,593 orang graduan**. Daripada jumlah tersebut, seramai **127,334 orang graduan Universiti Awam (UA) (40%)** dan **110,797 orang graduan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) (34.8%)** dikeluarkan pada tahun 2020.

Data menunjukkan **dua (2) kelompok terbesar keluaran graduan tahun 2020 bagi Universiti Awam (UA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) adalah**

graduan dalam bidang sains sosial, perniagaan dan perundangan dengan masing-masing menyumbang kepada 33.5% keluaran graduan bagi UA dan 44.4% keluaran graduan bagi IPTS, **diikuti oleh graduan bidang kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan** dengan masing-masing menyumbang kepada 23.4% keluaran graduan bagi UA dan 14.2% keluaran graduan bagi IPTS.

Dalam perkara yang berkaitan, **jumlah graduan Politeknik bagi program sepenuh masa bagi tempoh lima (5) tahun (2016 hingga 2020)** adalah seperti berikut:

i) **Tahun 2016, 2017, 2019 dan 2020:**

37,535 graduan pada tahun 2016, 38,300 graduan pada tahun 2017, 40,730 graduan pada tahun 2019 dan 37,450 graduan pada tahun 2020 dengan **negeri Perak menyumbang kepada peratusan graduan tertinggi** bagi keempat-empat tahun tersebut; dan

ii) **Tahun 2018:**

38,595 graduan dengan **negeri Selangor menyumbang kepada peratusan graduan tertinggi** iaitu seramai 3,965 graduan (10.27%).

Manakala **jumlah graduan Kolej Komuniti bagi program sepenuh masa bagi tempoh lima (5) tahun (2016 hingga 2020)** adalah seperti berikut:

i) **Tahun 2016, 2017, 2019 dan 2020:**

20,635 graduan pada tahun 2016, 22,893 graduan pada tahun 2017, 16,948 graduan pada tahun 2019 dan 15,861 graduan pada tahun 2020 dengan **negeri Johor menyumbang kepada peratusan graduan tertinggi** bagi keempat-empat tahun tersebut; dan

ii) **Tahun 2018:**

21,519 graduan dengan **negeri Perak menyumbang kepada peratusan graduan tertinggi** iaitu seramai 3,170 graduan (14.73%).

Selaras dengan perkara ini, di peringkat Politeknik dan Kolej Komuniti, KPT menyasarkan unjuran kemasukan pelajar bagi tempoh lima (5) tahun akan datang

mengikut negeri adalah melebihi 30 ribu pelajar di Politeknik dan purata 20 ribu pelajar untuk Kolej Komuniti.

Dalam hal ini, penawaran bidang TVET adalah dijangkakan tertumpu dalam bidang teknologi maklumat, kejuruteraan, sajian dan katering serta pelbagai bidang TVET lain yang diperlukan oleh industri. Antara pertimbangan dalam pembangunan program dan kurikulum tersebut adalah dengan merujuk kepada laporan berkaitan dengan keperluan industri serta guna tenaga negara/ serantau/ global dalam membangunkan kurikulum dengan mengambilkira permintaan tinggi pada masa depan sejajar dengan ledakan Revolusi Industri 4.0 (4IR).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
(BATU GAJAH)

TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)

SOALAN : NO. 12

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU (BATU GAJAH) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah APEL (Akreditasi Pembelajaran Pengalaman Terdahulu) mendapat pengiktirafan daripada pelbagai sektor. Apakah usaha-usaha Kementerian untuk mempromosikan APEL dan bagaimanakah sambutan yang diterima daripada masyarakat secara umumnya dan golongan pendidik secara khususnya terhadap mekanisme ini.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Sebagai menyokong agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) negara serta agenda global berkenaan Matlamat Pembangunan Mapan, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) telah memperkenalkan Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (*Accreditation of Prior Experiential Learning*, APEL) bagi tujuan akses (APEL.A) semenjak tahun 2011. APEL.A merupakan satu daripada pilihan laluan kepada individu yang berpengalaman tetapi tiada atau kurang kelayakan akademik untuk melanjutkan pengajian ke program di Institusi Pendidikan Tinggi.

Untuk memperluas pelaksanaan APEL, pelbagai inisiatif promosi dan libat urus telah dilaksanakan secara berterusan melibatkan pelbagai pihak dan pelbagai lapisan masyarakat di seluruh negara. Secara keseluruhannya, sebanyak 174 aktiviti berbentuk taklimat, pameran, siaran media dan latihan berkaitan APEL dilaksanakan sepanjang tahun 2021 dan 2022. Aktiviti tersebut melibatkan sesi libat urus bersama golongan guru, pelajar, komuniti, agensi kerajaan, badan profesional, pertubuhan bukan kerajaan dan pihak industri. Pihak MQA juga telah mengadakan 30 pameran serta 367 liputan saluran media massa dan media sosial secara langsung dan tidak langsung mengenai APEL. Dalam pada itu juga sebanyak 55 program libat urus dianjurkan yang melibatkan warga pendidikan tinggi termasuk 42 sesi latihan khusus berkaitan APEL melibatkan 638 peserta.

Sepanjang tahun 2021 dan sehingga Mac 2022, MQA telah menerima sebanyak 5,685 permohonan. Daripada jumlah tersebut, MQA telah mengenal pasti sebanyak 4,111 daripada jumlah permohonan tersebut merupakan permohonan daripada sektor-sektor seperti Kerajaan, Badan Berkanun, Swasta Multinasional, Swasta Tempatan, Perusahaan Sendiri, Syarikat Berkaitan Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan lain-lain. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 1,282 calon telah lulus penilaian APEL.A untuk menyambung pengajian ke program pendidikan tinggi.

Di samping itu, terdapat tiga badan profesional yang telah menerima APEL sebagai salah satu syarat kemasukan ke program pengajian. Badan profesional tersebut adalah Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT), Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) dan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LBPM).

Susulan daripada sambutan yang menggalakkan oleh masyarakat terhadap APEL.A, MQA juga telah memperkenalkan APEL.C pada tahun 2016 yang membolehkan pengalaman kerja dipindah kredit sewaktu pengajian. APEL.Q pula diperkenalkan pada tahun 2021 yang membolehkan pengalaman kerjaya membawa penganugerahan kelayakan setelah melepasi penilaian dan syarat yang ditetapkan.

Berikutan peningkatan graduan laluan APEL, MQA telah mengeluarkan *Advisory Note* berkaitan Panduan Lantikan Staf Akademik Graduan APEL pada 7 Disember 2021. Panduan ini merupakan salah satu pendekatan untuk meluaskan peluang kerjaya dan penerimaan graduan APEL khususnya dalam sektor pendidikan.

Untuk merancakkan lagi pelaksanaan APEL, MQA telah melantik beberapa orang personaliti sebagai ikon APEL seperti:

i. Y.M. Raja Zulkarnain bin Raja Mohd Yusof, Presiden Persatuan Gambus Malaysia.

ii. Eizaz Datuk Azhar Mansor, usahawan dan perunding yang juga merupakan anak pelayar negara.

iii. Dr. Jamsari Atan, (Orang Kurang Upaya, OKU), pemilik syarikat JBA Training & HRD Consultancy.

Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa komited memperluas dan memperkasa pelaksanaan APEL bagi memastikan ianya dimanfaatkan sebaik mungkin oleh masyarakat Malaysia dalam memajukan diri dengan mempertingkatkan ilmu pengetahuan. Selain daripada pasaran domestik, MQA juga telah melebarkan pelaksanaan APEL ke luar negara melalui kerjasama dengan negara-negara seperti berikut:

i. United Arab Emirates;
ii. Australia;
iii. Hong Kong;
iv. Perancis;
v. United Kingdom; dan
vi. Negara-negara ASEAN di bawah *ASEAN Quality Assurance Network* (AQAN).

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU (TUARAN)
TARIKH	:	21 MAC 2022 (ISNIN)
SOALAN	:	NO. 18

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU (TUARAN) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan dasar tiada peperiksaan awam di IPTA/IPTS dan IPG pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Secara umumnya, tiada peperiksaan awam yang diselia oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) khususnya di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) mahupun Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS). Walau bagaimanapun, Kementerian mengakui terdapat sebahagian pelajar yang perlu menghadiri peperiksaan akhir pada setiap semester pada hujung minggu.

Pelaksanaan peperiksaan akhir dalam kalangan pelajar di IPTA dan IPTS lazimnya dibuat pada hujung minggu berikutan kekangan minggu peperiksaan yang pendek dan jumlah kursus/ subjek yang tinggi. Selain itu, pihak institusi perlu mengatur dengan lebih optimum penggunaan fasiliti dewan atau kelas semasa tempoh peperiksaan berlangsung bagi memastikan kelancaran takwim akademik bagi sesi

berikutnya tidak terganggu. KPT yakin dan percaya bahawa semua IPTA dan IPTS telah menyelaras pelaksanaan peperiksaan dengan sebaik mungkin serta mengambil kira kebajikan pelajar dan pensyarah masing-masing.

Untuk makluman Yang Berhormat, Institusi Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) adalah terletak di bawah KPM. Oleh itu, menurut maklumat yang dikongsikan oleh KPM, Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti KPM-MQA Bil. 1/2011 telah menetapkan dasar berkaitan sistem semester iaitu satu (1) tahun pengajian bersamaan maksimum 43 minggu pelaksanaan penyampaian kurikulum dan pentaksiran di IPGM. Justeru IPGM akur dengan dasar pelaksanaan penyampaian kurikulum dan pentaksiran tersebut dengan melaksanakan 14 minggu kuliah, satu (1) minggu ulangkaji dan dua (2) minggu peperiksaan bagi satu semester. Sesi peperiksaan akhir semester dalam tempoh dua (2) minggu yang ditetapkan adalah merujuk kepada 14 hari peperiksaan dengan 28 sesi peperiksaan iaitu sesi pagi dan sesi petang pada hari Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis sahaja.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, peperiksaan tidak boleh ditadbir sekiranya jatuh pada hari cuti umum (kelepasan am/ kelepasan negeri). Justeru, peperiksaan perlu ditadbir pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad. Jika terdapat keperluan untuk kursus-kursus elektif, pertambahan hari peperiksaan akan dilanjutkan ke minggu ketiga peperiksaan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, KPT sentiasa prihatin dan mengambil berat akan keperluan serta kebajikan para pelajar. Sehubungan itu, Kementerian kini sedang mengadakan perbincangan terperinci dengan pihak IPT yang terlibat dalam perkara ini agar para pelajar dapat menduduki peperiksaan dengan sela masa yang bersesuaian antara kertas peperiksaan bagi memastikan kualiti dan prestasi pelajar sewaktu menduduki peperiksaan tidak terganggu.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI (DUNGUN)
TARIKH	:	21 MAC 2022 (ISNIN)
SOALAN	:	NO. 33

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perancangan Kementerian bagi membantu universiti awam seluruh negara agar mempunyai dana dan peruntukan kewangan yang secukupnya pada waktu ini.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa komited dalam membantu Universiti Awam (UA) memiliki dana dan peruntukan kewangan yang mapan dalam usaha memastikan akses yang berterusan kepada pendidikan tinggi yang berkualiti selaras dengan piawai antarabangsa.

Justeru, lima (5) Universiti Penyelidikan (RU) iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah diberi kelulusan 100% peruntukan mengurus oleh Kementerian Kewangan berjumlah **RM2.657bilion** untuk keperluan emolumen.

Bagi Universiti Bukan Penyelidikan (NON-RU) pula, peruntukan mengurus tahun 2022 sebanyak **RM4.304bilion** telah diluluskan bagi menampung 100% keperluan emolumen dan non-emolumen seperti amalan tahun-tahun sebelum ini. Keperluan emolumen dan non emolumen bagi UA ini akan diteliti secara terperinci setiap tahun bersama Kementerian Kewangan semasa Mesyuarat Pemeriksaan Bajet.

Selain itu, Kerajaan melalui Ucapan Bajet 2022 telah mengumumkan beberapa inisiatif bagi menyokong Pelan Pemulihan Negara (PPN) melalui pendekatan secara holistik bagi melindungi rakyat serta sektor ekonomi yang terjejas sepanjang tahun 2022. Dalam hal ini, Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM 40 juta** kepada KPT bagi membaik pulih infrastruktur dan peralatan usang di UA, Politeknik dan Kolej Komuniti.

Bagi membantu UA agar mempunyai dana dan peruntukan kewangan yang mencukupi, KPT melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) di bawah Lonjakan ke 5 "Kemampanan Kewangan", telah menggariskan beberapa strategi seperti menggalakkan UA memperkukuh kewangan sendiri, mewujudkan tabung endowmen dan waqaf, mengoptimumkan kos dalam sistem pendidikan dan mempelbagaikan sumber pendapatan dalaman tanpa menjejaskan kualiti pendidikan sedia ada. Semua strategi yang dinyatakan merupakan strategi yang dapat membantu UA untuk terus beroperasi secara optimum selari dengan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan UA kepada dana Kerajaan.

Selain itu, KPT juga telah menyediakan buku garis panduan *University Transformation Programme*, *Purple Book* (*Enhancing University Income Generation, Endowment & Waqf*). Buku panduan ini menawarkan panduan praktikal untuk membantu Universiti Awam dalam melaksanakan program transformasi melalui peningkatan amalan sedia ada dalam bidang kritikal terutamanya mempelbagaikan sumber pendapatan untuk meningkatkan kualiti program secara berterusan, lebih berhemat, inovatif dalam penggunaan sumber dan mewujudkan sumber penjanaan pendapatan alternatif seperti endowmen, wakaf, penggalangan dana (*fund raising*), perikatan korporat untuk perniagaan, program akademik dan penyelidikan, pengewangan aset, peruncitan dan perkhidmatan (*asset monetisation and retailing and services*) serta aktiviti pengurusan kewangan dan pelaburan.

Kementerian juga sentiasa memberi perhatian dalam memastikan peruntukan mengurus untuk pengoperasian UA adalah mencukupi dengan menyalurkan

peruntukan tambahan kepada UA berdasarkan penjimatan dalaman akhir tahun Kementerian tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kewangan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DR. MASZLEE BIN MALIK (SIMPANG RENGGAM)
TARIKH	:	21 MAC 2022 (ISNIN)
SOALAN	:	NO. 43

DR. MASZLEE BIN MALIK (SIMPANG RENGGAM) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kriteria dan merit seseorang yang dilantik ke Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (KPT) yang telah dilantik semenjak Mac 2020 menepati kriteria-kriteria tersebut.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Jawatan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (KPPT) merupakan salah satu jawatan strategik Kementerian Pengajian Tinggi sebagaimana diperuntukkan di bawah Subseksyen 4C (1), Akta Universiti dan Kolej Universiti [Akta 30]. Jawatan ini juga merupakan jawatan terbuka yang diwujudkan untuk membolehkan KPT mendapatkan perkhidmatan pegawai berkelayakan dan sesuai untuk melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan dalam sesuatu jangka masa serta pengisiannya tidak ditentukan untuk skim perkhidmatan yang khusus.

Berhubung perkara ini, pelantikan KPPT semenjak Mac 2020 adalah mematuhi tatacara pelantikan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta 30 dan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, Ceraian-Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap. Di samping itu, pelantikan KPPT turut dibuat berdasarkan merit dan kriteria pegawai seperti berikut:

(i) mempunyai kualiti kepimpinan yang tinggi serta mendapat pendedahan secukupnya dalam governan Institusi Pendidikan Tinggi termasuk pengalaman menjawat jawatan Naib Canselor atau jawatan pengurusan tertinggi yang lain;

(ii) memiliki pengetahuan yang luas dalam lanskap pendidikan tinggi negara bagi merealisasikan aspirasi Kerajaan berhubung pelaksanaan dasar Kerajaan dan Kementerian termasuk Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi); dan

(iii) mempunyai kesarjanaan/ akademik atau kepakaran dalam bidang tujahan Universiti dan penyelidikan serta berpengalaman menjalin kerjasama di peringkat antarabangsa.

Kementerian ini amat menekankan kepentingan pelantikan KPPT dan mana-mana jawatan strategik Kementerian yang lain dibuat dalam kalangan calon yang mempunyai daya tahan dan daya saing yang tinggi, pemikiran yang rasional, terbuka dan berpandangan jauh serta berketrampilan dan berkeyakinan.

Jawatan strategik Kementerian ini juga memerlukan calon yang mempunyai kredibiliti dengan kemahiran pengurusan yang tinggi dan berkebolehan untuk menggalas amanah Kerajaan dalam memperkasa pendidikan tinggi negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB (TANJONG MANIS)
TARIKH	:	21 MAC 2022 (ISNIN)
SOALAN	:	NO. 51

TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah perancangan untuk membina sebuah Kolej Komuniti di Pulau Bruit yang menjadi keperluan kepada penduduk di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penubuhan kolej komuniti adalah selaras dengan perenggan 34(1)(d) Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] dan Memorandum Jemaah Menteri berkenaan Penubuhan Kolej Komuniti pada 5 Julai 2000.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada ketika itu bersetuju dengan pandangan bahawa keutamaan penubuhan kolej komuniti hendaklah diberi kepada kawasan-kawasan yang tiada institusi-institusi latihan lain seperti Pusat Giat MARA, Institut Kemahiran MARA dan sebagainya. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 September 2004 juga telah bersetuju supaya cadangan penubuhan kolej komuniti baharu adalah berdasarkan keperluan di sesebuah kawasan.

Sehingga November 2021, terdapat tiga (3) buah politeknik dan tujuh (7) buah kolej komuniti yang sedang beroperasi di Sarawak. Institusi-institusi ini menawarkan pelbagai program pengajian dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan

Vokasional (TVET). Program-program yang ditawarkan ini dapat menyokong keperluan tenaga kerja mahir dan profesional bagi pembangunan ekonomi setempat dan negara.

Oleh itu, penubuhan kolej komuniti adalah bergantung kepada kajian keperluan semasa dan kriteria-kriteria lain antaranya peruntukan kewangan, dasar perjawatan kejat yang sedang berkuatkuasa, kehendak industri dan unjuran guna tenaga negara serta keperluan-keperluan lain.

Pihak Kementerian juga akan terus berusaha memperluas akses TVET bagi menyumbang kepada kemajuan sosio-ekonomi melibatkan masyarakat setempat melalui pendidikan yang relevan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN (HANG TUAH JAYA)
TARIKH	:	21 MAC 2022 (ISNIN)
SOALAN	:	NO. 82

DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN (HANG TUAH JAYA) minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan mengenai kajian susulan mengenai teknologi Thohira yang mampu membantu penternak dalam mengawal kos. (Thohira adalah sejenis dedak ternakan suci dan bersih, teknologi berasaskan formulasi daripada sisa industri tempatan iaitu isirung kelapa sawit bersama mikrokapsul mikroorganisma) yang dilakukan oleh sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM).

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Teknologi Thohira daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) telah melalui pelbagai siri kajian susulan bermula di peringkat makmal sehingga ke peringkat industri. Sehingga kini, teknologi ini telah dikomersialkan oleh syarikat tempatan Halways Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat *start-up* daripada bimbingan program *InnoHub, Putra Science Park* UPM.

Syarikat ini mempunyai kepakaran dalam teknologi formulasi dedak dan menawarkan khidmat untuk menghasilkan formula dedak melalui penggunaan teknologi Thohira yang membantu mengurangkan kebergantungan kilang dedak

terhadap bahan mentah import soya dan jagung. Selain itu, teknologi Thohira ini juga ditawarkan kepada penternak-penternak di ladang-ladang untuk meningkatkan prestasi tumbesaran ternakan sekaligus membantu penternak mengawal kos.

Syarikat Halways Sdn Bhd dan UPM telah mengambil inisiatif mengkomersialkan teknologi Thohira dengan menjalankan beberapa siri kursus kepada penternak dan pengilang dedak. Dalam hal ini, pihak syarikat pengeluar dedak dan penternak digalakkan untuk hadir ke kursus tersebut agar penggunaan teknologi Thohira ini dapat diperluaskan, sekaligus membantu kilang dedak dan penternak mengawal kos melalui teknologi tempatan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI (LUMUT)
TARIKH	:	24 MAC 2022 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 6

DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [LUMUT] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan senarai jumlah pengambilan calon pasca siswazah (Sarjana dan Doktor Falsafah) mengikut tahun bagi universiti awam dari tahun 2018-2022.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan Sistem MyMoheS yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), secara keseluruhannya **bilangan kemasukan pelajar ke Universiti Awam (UA) pada tahun 2021** adalah seramai 181,901 pelajar, meningkat sebanyak 2.4% berbanding tahun 2020 (177,710 pelajar).

Manakala **bilangan kemasukan pelajar ke UA bagi pelajar pasca siswazah di peringkat Doktor Falsafah dari tahun 2018 hingga 2022** menunjukkan peningkatan setiap tahun. Pada tahun **2018**, seramai 6,855 pelajar menyambung pengajian dalam bidang Doktor Falsafah. Pada tahun **2019**, terdapat peningkatan sebanyak 6.3% pelajar menyambung pengajian dalam bidang Doktor Falsafah berbanding tahun 2018, manakala pada tahun **2020**, meningkat sebanyak 7.5% berbanding tahun 2019 dan pada tahun **2021**, terdapat peningkatan sebanyak 44% berbanding tahun 2020.

Manakala **bilangan kemasukan pelajar ke UA bagi pelajar pasca siswazah di peringkat Sarjana pada tahun 2018** adalah seramai 20,081 pelajar, manakala pada tahun **2019** seramai 20,108 pelajar. Pada tahun **2020**, terdapat penurunan sebanyak 9.7% berbanding tahun 2019 (18,162 pelajar). Namun demikian, pada tahun **2021**, terdapat peningkatan sebanyak 16.9% (21,235) berbanding tahun 2020.

Secara keseluruhannya, kemasukan pelajar bagi kedua-dua peringkat pasca siswazah ini menunjukkan peningkatan pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya dengan pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah masing-masing meningkat sebanyak 16.9 peratus dan 44.0 peratus.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	YB DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN (KINABATANGAN)
TARIKH	:	24 MAC 2022 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 25

YB DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN (KINABATANGAN) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula yuran-yuran pengajian di institusi pengajian tinggi ataupun memberikan pengurangan atau pengecualian pembayaran yuran-yuran pengajian bagi membantu meringankan beban kewangan keluarga pelajar yang terjejas ekoran pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengambil berat hal ehwal kebajikan para pelajar yang telah menghadapi pelbagai dugaan sejak bermulanya episod pandemik COVID-19 pada tahun 2020 yang lalu. Untuk makluman, bagi Semester Pertama, Sesi Akademik 2021/2022 khususnya, KPT telah menyediakan inisiatif pengurangan yuran secara *one-off* sebanyak 20% kepada semua pelajar warganegara yang mendaftar dengan Universiti Awam (UA) dengan melibatkan implikasi kewangan keseluruhan UA berjumlah RM 123.9 juta yang memberi manfaat kepada 518,326 orang pelajar. Bagi tempoh tiga (3) semester sebelum ini iaitu di peringkat awal penularan COVID-19, jumlah kos yang ditanggung menggunakan sumber dalaman UA bagi maksud pengurangan yuran adalah berjumlah RM 1857.7 juta untuk manfaat 386,142 orang pelajar.

Mengambil kira faktor semasa di mana negara akan mula beralih ke Fasa Peralihan Endemik bermula 1 April 2022, sesi pengajaran dan pembelajaran di UA

akan kembali berlangsung seperti sediakala dengan pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Maka, bagi Semester Kedua Sesi Akademik 2021/2022, pihak KPT mengambil ketetapan untuk mengekalkan kadar yuran sedia ada dan pihak UA tidak dibenarkan untuk menaikkan sebarang yuran yang dikenakan ke atas pelajar.

Tan Sri Yang di-Pertua,

Sungguhpun tiada pengurangan yuran diberikan kepada para pelajar bagi Semester Kedua Sesi Akademik 2021/2022 ini, namun atas semangat #KPTPRIHATIN, pihak UA akan tetap membantu para pelajar yang terkesan sepanjang tempoh Fasa Peralihan Endemik ini berlangsung melalui sumber dalaman masing-masing dalam menyalurkan bantuan kepada para pelajar yang terlibat. Antaranya:

i. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah menyalurkan bantuan makanan kepada pelajar dalam kampus yang dikenakan Perintah kuarantin (Sekatan Pergerakan Keluar Masuk) pada 30 Januari 2022 sehingga 16 Februari 2022 lalu melibatkan 1,877 orang pelajar dengan kos berjumlah RM173,700.

ii. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pula memberikan Sumbangan Khairat kepada 454 orang pelajar yang disahkan positif COVID-19 sepanjang Julai 2021 sehingga 7 Mac 2022 dengan kos berjumlah RM71,300.

iii. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menyalurkan sumbangan makanan & minuman sebanyak 22,427 pek kepada Pelajar Kuarantin & Kontak Rapat COVID-19 sepanjang 25 April 2021 sehingga 10 Mac 2022 dengan kos berjumlah RM323,690.00

Pihak KPT mengucapkan terima kasih kepada para ibubapa, para sukarelawan, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di Universiti Awam (UA) dan semua UA atas sokongan padu yang telah diberikan kepada KPT sepanjang mendepani pandemik COVID-19 ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW (WANGSA MAJU)
TARIKH	:	24 MAC 2022 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 40

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pihak industri berkepentingan didedahkan dengan penemuan kajian saintifik yang dihasilkan oleh penyelidik IPT. Senaraikan projek-projek kerjasama antara IPT dan industri swasta.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Penyelidikan Fundamental di bawah Dana Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (DP KPT) yang diselia oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dilaksanakan bagi menyokong dan menggalakkan penyelidikan asas yang berkualiti tinggi bagi meneroka penemuan ilmu baharu beracuan Malaysia yang mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi.

Menyedari kepentingan jalinan kolaborasi bersama industri, semua permohonan geran di bawah DP KPT disyaratkan serta digalakkan untuk mempunyai kerjasama penyelidikan dengan industri bermula tahun 2020. Untuk makluman, antara projek-projek di bawah DP KPT yang mempunyai kerjasama strategik dengan pihak industri adalah:

i. projek bertajuk "*Early Warning and Real-Time Monitoring System of Landslide Using Distributed Optical Fibre Strain Sensing*". Projek ini diketuai oleh penyelidik dari Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan telah memperoleh perjanjian perlesenan (*Licencing agreement*) daripada *Smart Sensing Technology Sdn. Bhd.*

ii. projek "Kesan perubahan suhu dan tekanan kepada prestasi elektrolisis air penghasilan hidrogen bertekanan tinggi" dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), *Petronas Research* Sdn. Bhd telah menganugerahkan geran penyelidikan bernilai RM 8 juta kepada UKM untuk projek penyelidikan kolaboratif.

iii. projek bertajuk "*Scaling-up the extraction of anti-cancer Zingiberaceae bioactives from hot compressed water and sonic-assisted water extraction*" dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pula telah menjalinkan kerjasama dengan Syarikat Am Zaideen Ventures Sdn. Bhd. bagi tujuan pengkomersialan.

iv. projek bertajuk "*Caiser: Complex Event Processing Development Tool for Engineering and Scientific Application*" dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) juga telah berjaya dikomersialkan dan memperoleh perjanjian perlesenan dari Enomatrix *Solutions* Sdn. Bhd. dan Data Intelek Sdn. Bhd.

Selain itu, data *Malaysia Research Assessment* (MyRA) bagi tahun 2019 hingga 2020 menunjukkan terdapat sebanyak 802 kerjasama di antara Universiti Awam (UA) dan industry. Bilangan kerjasama ini melibatkan penyelidikan oleh UA dan industri swasta yang direkodkan berdasarkan kepada bilangan *Memorandum of Agreement* (MoA) yang ditandatangan dan disetem.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KPT juga telah menjalankan satu program inovatif yang dinamakan *Public-Private Research Network* (PPRN) yang merupakan satu model kerjasama strategik antara industri dan akademia dengan sokongan perantara yang terdiri daripada KPT dan agensi-agensi Kerajaan yang lain. PPRN bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan pertumbuhan ekonomi Malaysia melalui program inovasi dan pengkomersialan yang berpacukan

permintaan. PPRN dibiayai oleh geran yang dikeluarkan oleh kerajaan dan dipadankan dengan sumbangan daripada syarikat Perusahaan Mikro, Kecil & Sederhana (PMKS) atau industri yang ingin menyelesaikan masalah teknologi yang dihadapi oleh mereka. PMKS akan dibantu oleh penyelidik daripada Institusi pendidikan tinggi (IPT) serta Institusi Penyelidikan Awam (PRI).

Semenjak tahun 2015 sehingga kini, sebanyak 667 projek kerjasama melibatkan syarikat daripada pelbagai sektor industri dan kumpulan penyelidik telah dilaksanakan di bawah inisiatif PPRN. Daripada 667 projek, sebanyak 471 projek telah ditamatkan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU (SARIKEI)

TARIKH : 24 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 50

TUAN WONG LING BIU (SARIKEI) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah jumlah maksimum dan minimum yang boleh dipinjam oleh seorang pelajar dari pihak PTPTN. Adakah terdapat perubahan dalam kriteria pada waktu pandemik COVID-19 ini.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan kadar atau jumlah pembiayaan PTPTN telah ditentukan *(predetermined)* berdasarkan pendapatan keluarga, peringkat pengajian, mod pengajian, serta jenis institusi pendidikan tinggi (IPT) sama ada Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), yang tidak bersandarkan kepada kadar yuran pengajian yang dikenakan oleh IPT.

Secara umumnya, jumlah minimum dan maksimum pinjaman PTPTN adalah di antara RM2,380 (program Diploma IPTA) sehingga RM50,000 (program Sarjana Muda Perubatan IPTS). Pada masa kini, kadar atau jumlah pinjaman PTPTN adalah masih kekal sebagaimana sedia ada.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DR. MASZLEE BIN MALIK (SIMPANG RENGGAM)
TARIKH	:	24 MAC 2022 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 66

DR. MASZLEE BIN MALIK (SIMPANG RENGGAM) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan: -

(a) apakah usaha bersama KPT dan KPM untuk mengeratkan hubungan antara IPT dengan sekolah seperti yang pernah dilakukan oleh pihak KPM pada tahun-tahun 2018-2019 melalui inisiatif bersama pelbagai; dan

(b) apakah adanya usahasama antara kedua-dua Kementerian melalui *single entry admittance* (jalan kemasukan tunggal) untuk memastikan peluang dan permohonan kemasukan para pelajar ke IPT dapat diselaraskan agar dapat dielakkan sebarang pertindihan permohonan oleh para pelajar.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

(a)

Bagi mengeratkan hubungan antara sekolah dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), terdapat beberapa inisiatif dilaksanakan bersama antara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Antara inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan ke atas sekolah oleh Universiti Awam (UA) adalah seperti berikut:

i. **Penganjuran program-program atau aktiviti-aktiviti yang diselaraskan oleh *MySTEM Ambassador* di UA sempena Bulan STEM Kebangsaan.**

ii. **Pelaksanaan Program Sekolah Angkat** di mana UA seperti Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), UniSZA dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menggunakan kepakaran masing-masing untuk melaksanakan inisiatif dengan sekolah terpilih bagi menyumbang kepada pembangunan sekolah serta perpindahan ilmu;

iii. **Pelaksanaan program/ aktiviti bersama pelajar sekolah bagi mengeratkan hubungan antara universiti dan sekolah** seperti:

a. **Kuiz Literasi Kelautan** oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT); dan

b. ***Program 3T(Teen Tuition Teen)*** melibatkan aktiviti pengajaran oleh mahasiswa UniSZA kepada pelajar-pelajar sekolah komuniti miskin bandar di Kuala Terengganu.

Selain itu, KPT dengan kerjasama KPM juga turut melaksanakan program-**program promosi kemasukan ke politeknik dan kolej komuniti kepada pelajar-pelajar sekolah** seperti Program Gerak Gempur SPM, dan Sembang Santai Halatuju Selepas SPM (secara dalam talian).

(b)

Pada sesi akademik 2020/2021, Kementerian telah melaksanakan konsep *Single Window Single Offer* (SWSO) bersama Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA),KPT, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Bahagian Matrikulasi di bawah KPM dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) melalui platform *UPUOnline* selaras dengan keputusan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 8/2019 pada 12 Jun 2019.

Berhubung perkara ini, KPM telah memperincikan cabaran yang dihadapi oleh IPGM dan Bahagian Matrikulasi (BMKPM) melalui dasar kemasukan tunggal SWSO

pada pengambilan tahun 2020. Sehubungan itu, Mesyuarat Pasca Kabinet KPM pada 9 November 2020 telah memutuskan agar pengambilan pelajar ke IPG dilaksanakan oleh IPGM dan tidak melalui sistem *UPUonline*. Keputusan ambilan IPG dan KM secara berasingan ini telah mendapat sokongan YB Menteri Kanan Pendidikan pada 18 Januari 2021.

Selain itu, BMKPM telah melaksanakan pengurusan penawaran dan pengambilan murid ke Program Matrikulasi KPM mulai tahun 2021 untuk memberi pilihan yang lebih luas kepada murid lepasan SPM meneruskan pengajian ke peringkat pra-universiti. KPM dan KPT sentiasa berkerjasama dalam memastikan semua murid pra-universiti di Institusi Pendidikan KPM berpeluang untuk meneruskan pengajian ke IPT mengikut kelayakan dan minat mereka.

Justeru, bermula sesi akademik 2021/2022, pengambilan pelajar bagi mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di IPG Dan Program Matrikulasi KPM adalah melalui KPM iaitu dilaksanakan secara berasingan daripada *UPUOnline* di KPT selaras dengan pengasingan dua Kementerian ini pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL (KUALA KEDAH)

TARIKH : 24 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 73

DR. AZMAN BIN ISMAIL (KUALA KEDAH) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan komitmen Kementerian untuk memastikan bahawa semua kursus-kursus di institusi pendidikan tinggi kita mencapai tahap yang memuaskan bagi pengiktirafan di persada antarabangsa.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Awam (UA) melalui penubuhan Jawatankuasa Transformasi Program Akademik Universiti Awam telah melaksanakan transformasi penawaran program akademik UA. Transformasi ini bertujuan untuk memastikan program akademik yang hendak ditawarkan merupakan program yang relevan, terkini dan mempunyai kadar kebolehpasaran graduan yang tinggi selari dengan IR 4.0 seperti 2u2i *Work Based Learning* dan sebagainya.

Transformasi program akademik ini juga dapat menjadikan UA sebagai universiti yang menyediakan pendidikan kelas dunia melalui struktur kurikulum yang berkualiti serta berdaya saing bagi memenuhi keperluan pasaran, pembangunan sosial dan menggalakkan kemakmuran global. Dalam hal berkaitan, program kerjasama boleh dijalankan antara UA dengan institut pengajian dalam dan juga luar negara secara model pesisir, francais, Ijazah Bersama, Ijazah Dual, dan Ijazah Berganda.

Pelaksanaan program kerjasama melalui model ini merupakan satu pengiktirafan bagi program akademik di peringkat antarabangsa dan dapat menonjolkan reputasi kesarjanaan UA khususnya melalui penerokaan penyelidikan, penemuan dan pengembangan ilmu serta menghasilkan teknologi dan inovasi untuk mencapai kemakmuran masyarakat dan kemajuan negara.

Selain itu, Politeknik dan Kolej Komuniti juga tidak terkecuali dalam melaksanakan transformasi penawaran program pengajian. Program-program pengajian ini diiktiraf dan diperaku oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan juga badan professional iaitu Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM). Pengiktirafan di peringkat nasional, program TVET yang ditawarkan di Politeknik dan Kolej Komuniti juga mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Pengiktirafan ini dilaksanakan melalui kerjasama Lembaga Jurutera dengan badan pengiktirafan antarabangsa iaitu *Sydney Accord* dan *Dublin Accord* yang juga secara tidak langsung menjadi pemangkin kepada pembangunan bakat graduan TVET yang setanding dengan kualiti antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

MESYUARAT PERTAMA DEWAN RAKYAT TAHUN 2022

JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BUKAN LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
(PASIR MAS)

SOALAN : NO. 16

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI (PASIR MAS) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bersedia mengarahkan universiti untuk merombak silibus dan mengutamakan bidang-bidang yang lebih menguntungkan selepas Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dikuatkuasakan.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Dalam usaha memastikan program akademik yang ditawarkan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) sentiasa terkini dan kekal relevan, proses penambahbaikan secara berterusan dilaksanakan di peringkat IPT. Antaranya, IPT perlu menyemak semula kurikulum sedia ada dalam tempoh tiga (3) hingga lima (5) tahun bagi memastikan program yang ditawarkan kekal relevan, berdaya saing serta menyumbang kepada kebolehpasaran graduan yang tinggi.

Penawaran program akademik baharu di peringkat Universiti Awam (UA) juga perlu melalui saringan awal yang ketat dan dibawa ke peringkat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Melalui proses saringan ini, setiap penawaran dan pembangunan program akademik baharu perlu melalui kajian analisis yang terperinci. Selain itu, pihak UA perlu mengenalpasti keperluan pekerjaan di sektor awam dan swasta bagi tempoh lima (5) tahun, jenis pekerjaan yang berkaitan dengan program akademik dan jumlah keperluan industri serta kebolehpasaran graduan bagi program sedia ada yang telah ditawarkan. Pihak UA juga perlu melihat

faktor perkembangan dan perubahan teknologi selaras dengan pembangunan program tersebut bagi memastikan program akademik yang ditawarkan mengikut keperluan industri masa kini selain kekal relevan di pasaran semasa.

Bagi penawaran program akademik baharu di peringkat Diploma dan Sarjana Muda, peringkat saringan awal yang ketat diwujudkan melalui Mesyuarat Saringan Awam dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Tinggi (JKPT). Program sedia ada yang ditawarkan di UA juga perlu melalui semakan kurikulum di peringkat Mesyuarat JKPT.

Kedua-dua mesyuarat ini turut melibatkan panel daripada luar seperti wakil daripada *Malaysian Investment Development Authority*, TalentCorp, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perangkaan Malaysia, *Malaysian Digital Economic Corporation*, Agensi Kelayakan Malaysia, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) serta badan profesional yang berkaitan. Panel-panel ini akan melihat dan memberi pandangan terhadap program akademik yang dipohon oleh UA bagi memastikan hanya program yang berkualiti dan memenuhi keperluan industri masa kini akan diterima untuk penawaran.

Bagi memastikan kurikulum yang dibangunkan oleh IPT mampu menyediakan kaedah pengajaran yang memenuhi keperluan industri secara optimum dan memberi impak yang tinggi, inisiatif *Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape* (EXCEL) turut diperkenalkan. Inisiatif EXCEL ini merupakan satu kerangka transformasi program akademik yang mengintegrasi elemen industri, komuniti, penyelidikan dan fleksibiliti (*personalised*) dalam menghasilkan graduan yang mempunyai atribut dan kemahiran yang diperoleh dari pembelajaran berasaskan pengalaman dan pendidikan berasaskan kompetensi.

Usaha KPT dalam membangunkan program yang berinovasi dan berimpak tinggi tidak terhenti setakat ini sahaja. Pihak KPT sentiasa mencari ruang dan peluang bagi tujuan penambahbaikan terhadap program akademik di IPT dan proses ini juga akan mengambil kira peluang-peluang yang dapat dimanfaatkan melalui Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL (LEMBAH PANTAI)
SOALAN	:	NO. 23

TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL (LEMBAH PANTAI) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah graduan baru yang gagal mendapatkan pekerjaan selepas penamatan pengajian tinggi mereka.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada tahun 2020, jumlah keluaran graduan (warganegara) bagi tahun 2020 adalah seramai 305,301 graduan, namun demikian kadar responden bagi mendapatkan status pekerjaan mereka adalah seramai 260,701 graduan (85.4%).

Daripada jumlah tersebut, seramai 156,525 graduan (60%) telah bekerja; 46,278 graduan (17.8%) sedang melanjutkan pengajian; 5,282 graduan (2%) sedang berusaha meningkatkan kemahiran; 12,066 graduan (4.6%) sedang mendapatkan penempatan pekerjaan; dan baki 40,550 graduan (15.6%) masih belum bekerja.

Bagi meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan, Kementerian telah menggariskan beberapa strategi terutamanya bagi fasa pasca pandemik COVID-19 seperti berikut:

i. memantapkan pelaksanaan program *reskilling* dan *upskilling*;

ii. memudah cara pelajar untuk melanjutkan pengajian;

iii. melaksanakan padanan pekerjaan kepada graduan yang masih belum bekerja; dan

iv. meningkatkan pelaksanaan program-program keusahawanan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR (JOHOR BAHRU)
SOALAN	:	NO. 41

TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR (JOHOR BAHRU) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang keciciran pengajian dengan menangguhkan atau berhenti pengajian akibat kesan daripada pandemik COVID-19 dalam tempoh Mac 2020 sehingga Disember 2021.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan Sistem MyMoheS, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada tahun 2021, seramai 17,613 pelajar telah direkodkan sebagai tercicir dari melanjutkan pengajian di Universiti Awam (UA) berbanding seramai 13,291 pelajar pada tahun 2020.

Berhubung isu keciciran ini, KPT amat prihatin dan sentiasa mengambil langkah-langkah yang bersesuaian bagi membantu pelajar yang menghadapi masalah dalam pelaksanaan PdP. Antaranya adalah dengan memberikan IPT fleksibiliti dalam menentukan kaedah PdP serta pentaksiran dan penilaian yang bersesuaian. Selain itu, KPT turut menyediakan kemudahan biasiswa dan bantuan kewangan kepada golongan sasar tertentu termasuk B40 yang layak.

Seterusnya, KPT menerusi Unit Kaunseling dan Bimbingan di UA turut

menyediakan perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikososial kepada mahasiswa yang terkesan dari segi tekanan emosi atau mental. Terdapat hampir 150 kaunselor dan pakar psikologi yang bersedia untuk membantu pelajar yang memerlukan melalui perkhidmatan yang diadakan secara fizikal di kampus masing-masing, secara dalam talian (e-kaunseling), dan juga dengan menghubungi talian *hotline* (tele-kaunseling).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAJI HAMZAH (KUBANG PASU)
SOALAN	:	NO. 54

DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAJI HAMZAH (KUBANG PASU) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam memurnikan lagi ekosistem pendidikan latihan teknikal dan vokasional khususnya dalam mendepani COVID-19 ketika ini selaras dengan Agenda Pemerkasaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) negara.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian komited dalam menyediakan akses dan meningkatkan penawaran program TVET yang berkualiti kepada pelajar di seluruh negara. Bagi menambah baik ekosistem pendidikan TVET khususnya dalam mendepani COVID-19, Kementerian telah membangunkan Agenda Pemerkasaan TVET terutamanya dari sudut penambahbaikan kurikulum, TVET digital, peningkatan kemahiran dan jaminan kualiti.

Agenda pemerkasaan TVET disokong melalui penubuhan Majlis TVET Negara (MTVET) yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan. Majlis ini berperanan sebagai badan tertinggi pembuat keputusan berkaitan hala tuju TVET negara serta berperanan menyelaras ekosistem TVET merentasi Kementerian, penyedia TVET awam dan swasta serta industri. MTVET yang dipengerusikan oleh YAB Perdana

Menteri turut dianggotai oleh 13 Kementerian dan agensi yang menawarkan program TVET, serta tokoh industri dan wakil akademia.

Mesyuarat Majlis TVET Negara Bil. 1/2022 pada 3 Februari 2022 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah bersetuju dan meluluskan tiga (3) agenda utama pemerkasaan TVET iaitu melalui penubuhan:

i. *TVET Collaboration Hub*: Naratif Baharu Kolaborasi Bersinergi bagi Agenda Pemerkasaan Negara;

ii. Pemerkasaan TVET dipacu Industri melalui Penubuhan Badan Koordinasi TVET Kerajaan-Industri (GIC); dan

iii. Penarafan Tunggal Program TVET.

Inisiatif lain yang turut diteliti adalah rasionalisasi program TVET dan Data Raya TVET.

Di dalam era Revolusi Perindustrian 4.0 dan kemajuan teknologi digital, permintaan pasaran atau industri turut melibatkan penggunaan teknologi seperti realiti maya (*virtual reality)*, kecerdasan pembuatan (*artificial intelligence*) serta kebolehan menganalisa dan mengolah data raya (*big data*). Justeru, TVET yang kompetitif harus terus diperkasa bagi mendukung dasar pendigitalan pendidikan dan Dasar Industry4wrd.

Agenda pemerkasaan ekosistem TVET negara merupakan agenda utama pembangunan bakat dan tenaga kerja di dalam negara. Adalah dijangkakan impak pelaksanaan dasar ini dapat dilihat dalam satu tempoh yang panjang kerana memerlukan sokongan pelbagai pihak selain penyelarasan dan pelaksanaan secara holistik, sekaligus melahirkan rakyat yang berpengetahuan dan berkemahiran demi menambah baik taraf hidup rakyat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON (TEBRAU)
SOALAN	:	NO. 116

TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON (TEBRAU) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan graduan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) di IPTA dan IPTS pada tahun 2019 dan 2020 mengikut bidang pengajian serta sektor mana mereka bekerja sekarang dan adakah graduan Ijazah PhD akan menambah peluang untuk mendapatkan kerja yang bergaji tinggi.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), pada tahun 2019 terdapat 2,483 graduan (warganegara) dan pada tahun 2020 terdapat 2,266 graduan (warganegara) berjaya menamatkan pengajian di peringkat Ph.D di Universiti Awam. Graduan (warganegara) yang berjaya menamatkan pengajian peringkat Ph.D di IPTS pula adalah seramai 353 orang pada tahun 2019 dan 288 orang pada tahun 2020.

Jika dilihat dari segi jenis institusi dan bidang pengajian pula, terdapat dua (2) kelompok bidang pengajian yang menjadi pilihan ramai graduan Ph.D iaitu bidang kejuruteraan, pembinaan dan pembuatan diikuti oleh bidang sains sosial, perniagaan dan perundangan.

Graduan Ph.D Universiti Awam yang bekerja di sektor Kerajaan yang merangkumi Kerajaan Persekutuan dan Badan Berkanun adalah masing-masing 34.9% dan 34.2%. Manakala bagi graduan Ph.D dari IPTS, 63.3 peratus daripadanya bekerja di sektor swasta (termasuk syarikat multinasional).

Dalam mengambil inisiatif membantu para graduan mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan akademik mereka, KPT melalui Pusat Kerjaya IPT sentiasa membantu graduan melalui usaha secara berterusan seperti mengadakan perbincangan dan kerjasama dengan industri berkaitan. Sebagai contoh, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan kerjasama strategik *Top Glove Corporation Bhd.* menawarkan peluang pekerjaan kepada 26 orang graduan PhD untuk bekerja di dalam bidang '*research and development*' dengan gaji permulaan yang lumayan. Selain itu, syarikat *Top Glove* juga akan mengadakan perbincangan dengan Majlis Dekan Fakulti dalam bidang perniagaan, teknologi maklumat dan kejuruteraan bagi membuka peluang lebih ramai graduan PhD. untuk bekerja dengan mereka.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS (HULU LANGAT)
SOALAN	:	NO. 141

DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS (HULU LANGAT) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan** menerangkan adakah Kementerian mempunyai pelan khusus untuk memperkasa majlis perundingan pelajar kebangsaan.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) merupakan salah satu badan penghubung di antara mahasiswa dengan pihak Kerajaan amnya dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) khususnya. Bagi tujuan pemerkasaan MPPK, pelbagai program pembangunan pelajar telah dirancang oleh Kementerian seiring dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM (PT)).

Mesyuarat Perdana Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan merupakan salah satu program tahunan utama yang menjadi platform untuk mahasiswa menyuarakan aspirasi, menyampaikan pandangan serta mengetengahkan idea bagi pertimbangan pihak Kerajaan untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan atau pelaksanaan sesuatu inisiatif. Melalui platform ini pelajar dapat menyalurkan idea dan pandangan kepada pihak Kerajaan ke arah pembangunan negara. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri ini turut dihadiri oleh perwakilan mahasiswa daripada Universiti Awam (UA), institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik, Kolej Komuniti, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Menteri-

Menteri Kabinet, pengurusan tertinggi Kementerian, Jabatan dan agensi Kerajaan yang berkaitan.

Selain itu, pelbagai program lain juga telah dirancang bagi memperkasa MPPK termasuk pelaksanaan:

i) Latihan Kepimpinan Mahasiswa Nasional (LAKSAMANA) yang merupakan satu program bermodul di peringkat nasional untuk memartabat dan memperkasa kepimpinan mahasiswa termasuk MPPK sebagai usaha untuk melahirkan mahasiswa yang mempunyai jati diri yang mantap dan kemahiran kendiri yang tinggi;

ii) Konvensyen Pemerkasaan Kepimpinan Mahasiswa yang menghimpunkan pemimpin mahasiswa terutamanya ahli-ahli MPPK serta kepimpinan mahasiswa IPT lain daripada pelbagai bidang pendidikan bagi membincangkan hala tuju dan peranan pemimpin mahasiswa demi kemaslahatan komuniti. Pada tahun ini, konvensyen ini dirancang untuk dilaksanakan pada bulan September 2022;

iii) Parlimen Mahasiswa iaitu platform yang memberi ruang kepada mahasiswa terutamanya ahli-ahli MPPK dan MPP bagi membahaskan usul-usul berkaitan pendidikan nasional yang menjadi pemacu kepada pembangunan negara. Program yang dilaksanakan menyerupai format persidangan Parlimen sebenar ini memberi pengalaman berbahas dan peluang kepada mahasiswa dalam menyuarakan pendapat secara berhemah kepada Kerajaan. Pada tahun ini, Parlimen Mahasiswa dirancang untuk diadakan pada bulan Jun 2022; dan

iv) Persidangan Antarabangsa Pembangunan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi dan Konvensyen Pemimpin Mahasiswa (ICSDHE) 2022 yang menghimpunkan perwakilan pelajar termasuk MPPK dan pelajar antarabangsa bagi membincangkan dan berkongsi pendapat berhubung perkara-perkara berkaitan pembangunan mahasiswa. Persidangan ini dijangka akan diadakan oleh KPT pada bulan Oktober 2022 dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) selaku sekretariat bersama.

Pemerkasaan MPPK turut dilaksanakan melalui jalinan kerjasama yang erat antara MPPK dan KPT. Tahun 2021 melakarkan kejayaan yang sangat baik dalam jalinan kerjasama ini melibatkan pelaksanaan 11 inisiatif yang disyorkan MPPK kepada Kerajaan melalui KPT, di mana hampir kesemua inisiatif ini telah selesai dilaksanakan. Kerjasama sebegini akan diteruskan bagi tahun 2022 dan tahun-tahun seterusnya.

Kesimpulannya, KPT sentiasa komited dalam pembentukan sahsiah pemimpin mahasiswa. Usaha-usaha pemerkasaan MPPK yang dilaksanakan tidak lain adalah bagi melahirkan pemimpin mahasiswa yang berperibadi unggul dan mempunyai daya kepimpinan yang tinggi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	TUAN KHALID BIN ABD SAMAD (SHAH ALAM)
SOALAN	:	NO. 198

TUAN KHALID BIN ABD SAMAD (SHAH ALAM) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah pelan Kementerian dalam membantu mahasiswa dalam mengurangkan ketidakpadanan pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa prihatin berhubung isu ketidakpadanan pekerjaan mahasiswa ini. Dalam hal ini, KPT telah membangunkan beberapa pelan serta program bagi menangani isu ketidakpadanan pekerjaan dengan keluaran graduan IPT.

Antara platform yang membincangkan isu tersebut adalah Majlis Pekerjaan Negara (NEC) yang merangkumi Pasukan Petugas Khas: *National Education* (STF: NE) dan Pasukan Petugas Khas: TVET (STF: TVET). Di samping itu, Majlis TVET Negara (MTVET) yang turut melibatkan pihak industri juga ditubuhkan. Penubuhan MTVET bertujuan untuk meneliti secara keseluruhan ekosistem serta pembangunan modal insan TVET negara yang merangkumi 13 kementerian dan agensi yang menawarkan program-program TVET. Melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, KPT juga menubuhkan Majlis Penasihat Industri yang merupakan platform peneraju kepada industri untuk memberikan maklum balas dan cadangan yang berkaitan dengan penambahbaikan ekosistem TVET.

Selain itu, KPT turut bekerjasama dengan industri dalam usaha untuk memperkasakan graduan melalui program-program usaha sama contohnya seperti pelaksanaan Program Industry@University, CEO@Faculty, 2u2i (2 Tahun di Universiti dan 2 Tahun di Industri) dan *Stuructured Internship Programme* (SIP). Program-program ini bertujuan untuk mempersiapkan graduan dengan kemahiran yang diperlukan seiring dengan keperluan industri semasa.

Bagi pelan jangka masa panjang, KPT melalui Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 – 2025 menekankan elemen pengukuhan kolaborasi dalam bidang pembangunan akademik serta kebolehpasaran graduan yang berimpak tinggi melibatkan pelbagai pihak berkepentingan. Ini digariskan dengan jelas di bawah strategi keempat dalam pelan ini yang secara spesifiknya memfokuskan kepada pemerkasaan hubungan industri. Dengan pendekatan "quadruple helix" yang sinergistik antara graduan; akademik; industri; kerajaan dan komuniti, strategi ini dijangka dapat meningkatkan penglibatan industri secara berstruktur di samping penerapan aktiviti pengajian dengan pensijilan profesional.

Kementerian juga melaksanakan program padanan pekerjaan kepada graduan melalui Portal *Graduates Reference Hub for Employment and Training* atau ringkasnya melalui Modul *Jobmatching@GREaT* sebagai platform untuk memudahkan pihak industri mengenal pasti graduan yang memenuhi kriteria dan keperluan untuk ditawarkan peluang pekerjaan. Modul ini memadankan kriteria keperluan bakat oleh industri secara langsung dengan data graduan dalam Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dikawal selia oleh kementerian. Dengan itu, graduan tidak perlu lagi memohon untuk mengisi kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh industri. Sebaliknya padanan dilakukan secara automatik oleh sistem berdasarkan kriteria keperluan yang dikunci masuk oleh industri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	YB TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN (JULAU)
SOALAN	:	NO. 207

TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN (JULAU) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-

(a) berapakah jumlah kutipan yang dapat dikutip semula bagi peminjam-peminjam anak Sarawak di bawah insentif PTPTN anak Sarawak yang mula diperkenalkan oleh Kerajaan negeri bermula pada tahun 2020; dan

(b) tahap kutipan yang telah berjaya dikutip menerusi insentif ini, sama ada ianya bagus, sederhana atau kurang memuaskan.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

(a)

Melalui insentif bayaran balik pinjaman PTPTN kepada anak Sarawak, Kerajaan negeri menawarkan pengurangan baki hutang pinjaman sebanyak 30% kepada peminjam yang menyelesaikan sekurang-kurangnya 30% daripada baki pinjaman. Melalui inisiatif ini, PTPTN telah berjaya mengutip sebanyak RM123.15 juta bayaran balik daripada seramai 9,899 peminjam yang menerima manfaat tersebut melibatkan peruntukan berjumlah RM32.68 juta.

(b)

Berdasarkan prestasi bayaran balik ke atas 9,899 peminjam yang mendapat manfaat ini, pelaksanaan insentif oleh Kerajaan Negeri Sarawak ini boleh dianggap sebagai berjaya, di mana seramai 1,837 peminjam (18.56%) telah mengambil peluang menyelesaikan baki pinjaman mereka dengan jumlah bayaran balik sebanyak RM27.88 juta. Manakala seramai 8,062 peminjam (81.44%) yang sebelumnya tidak konsisten membayar balik telah melaksanakan bayaran balik secara konsisten dengan jumlah bayaran balik sebanyak RM95.26 juta.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	TUAN MA'MUM BIN SULAIMAN (KALABAKAN)
SOALAN	:	NO. 235

TUAN MA'MUM BIN SULAIMAN (KALABAKAN) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha yang diambil oleh Kementerian untuk menggesa Universiti Teknologi Mara (UiTM) kampus Tawau menawarkan program-program peringkat Diploma selain daripada hanya tertumpu kepada program pra Diploma sahaja selepas lebih 10 tahun kampus ini diwujudkan. Usaha ini bakal memberi kelebihan penjimatan kos perjalanan kepada pelajar-pelajar yang berasal dari Kalabakan, Tawau, Kunak, Semporna dan Lahad Datu.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

UiTM Kampus Tawau telah diisytiharkan sebagai Kampus Kota di mana ia berperanan sebagai *feeder campus* untuk kursus-kursus diploma yang ditawarkan oleh UiTM seluruh Malaysia khususnya UiTM Cawangan Sabah, Kampus Kota Kinabalu. Namun demikian, menjelang tahun 2025, UiTM Kampus Tawau akan dinaiktaraf dan beroperasi sebagai *full-fledged campus*.

Berdasarkan kedudukan strategik Kampus Tawau yang dikelilingi oleh sektor pertanian/ perladangan, program-program yang berteraskan pertanian/ perladangan dan logistik dilihat sangat bersesuaian dan mampu menjadi menyumbang utama dalam sektor tersebut. Antara program-program yang telah dikenalpasti untuk ditawarkan adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Program	Tahun Dijangka Ditawarkan	Unjuran Pelajar
1.	Diploma Pengurusan Perladangan	2023	120
2.	Diploma Pengurusan Perniagaan (Pengangkutan)	2023	60
3	Diploma Keusahawanan Tani	2023	120

Berdasarkan Pelan Strategik UiTM 2020–2025, UiTM Cawangan Sabah memainkan peranan penting dalam memastikan UiTM mencapai sasaran sebagai *Globally Renowned University* menjelang tahun 2025. Selaras dengan pengembangan operasi kampus, pihak kampus sedang dalam usaha menambahbaik kemudahan pelajar, terutama kapasiti akademik kampus dan kemudahan kolej.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA (PARIT)
SOALAN	:	NO. 293

DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA (PARIT) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:

(a) adakah terdapat sebarang kajian terhadap kebolehpasaran graduan baharu sepanjang tempoh pandemik COVID-19 melanda negara; dan

(b) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam memastikan graduan mendapat pekerjaan yang seiring dengan ijazah yang dimiliki.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

(a)

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) telah membuat **Kajian Kesan COVID-19 Terhadap Kebolehpasaran Graduan** pada tahun 2021. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji kesan COVID-19 terhadap kebolehpasaran graduan dan mencadangkan tindakan intervensi untuk menangani kesan ini. Melalui kajian ini, terdapat sembilan (9) strategi intervensi jangka pendek dan dua (2) strategi intervensi jangka panjang

telah diperkenalkan bagi mengurangkan impak COVID-19 ke atas kebolehpasaran graduan.

(b)

Antara usaha Kementerian dalam memastikan graduan mendapat pekerjaan yang seiring dengan ijazah yang dimiliki adalah dengan mempergiat kerjasama dengan industri dalam usaha untuk memperkasakan graduan melalui program-program usaha sama contohnya seperti pelaksanaan Program *Industry@University*, *CEO@Faculty*, 2u2i (2 Tahun di Universiti dan 2 Tahun di Industri) dan *Stuructured Internship Programme* (SIP). Program-program ini bertujuan untuk mempersiapkan graduan dengan kemahiran yang diperlukan seiring dengan keperluan industri semasa.

Bagi pelan jangka masa panjang, KPT melalui Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 – 2025 menekankan elemen pengukuhan kolaborasi dalam bidang pembangunan akademik serta kebolehpasaran graduan yang berimpak tinggi melibatkan pelbagai pihak berkepentingan. Elemen ini digariskan dengan jelas di bawah strategi keempat dalam pelan ini yang secara spesifiknya memfokuskan kepada pemerkasaan hubungan industri.

Dengan pendekatan "*quadruple helix*" yang sinergistik antara graduan; akademik; industri; kerajaan dan komuniti, strategi ini dijangka dapat meningkatkan penglibatan industri secara berstruktur di samping penerapan aktiviti pengajian dengan pensijilan profesional.

Kementerian juga turut melaksanakan program padanan pekerjaan kepada graduan melalui Portal *Graduates Reference Hub for Employment and Training* atau ringkasnya melalui Modul *Jobmatching@GREaT* sebagai platform untuk memudahkan pihak industri mengenal pasti graduan yang memenuhi kriteria dan keperluan untuk ditawarkan peluang pekerjaan. Modul ini memadankan kriteria keperluan bakat oleh industri secara langsung dengan data graduan dalam Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dikawal selia oleh kementerian. Dengan itu, graduan tidak perlu lagi memohon untuk mengisi kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh industri. Sebaliknya padanan dilakukan secara automatik oleh sistem berdasarkan kriteria keperluan yang dikunci masuk oleh industri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP (MERBOK)
SOALAN	:	NO. 336

PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP (MERBOK) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah Kementerian akan mempertimbangkan untuk mengurangkan yuran pengajian universiti awam sejak kebanyakan universiti sudah mula mengaplikasikan pembelajaran secara atas talian dari rumah.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengambil berat hal ehwal kebajikan para pelajar yang telah menghadapi pelbagai dugaan sejak bermulanya episod pandemik COVID-19. Untuk makluman, bagi Semester Pertama, Sesi Akademik 2021/2022 khususnya, KPT telah menyediakan inisiatif pengurangan yuran secara *one-off* sebanyak 20% kepada semua pelajar warganegara yang mendaftar dengan UA dengan melibatkan implikasi kewangan keseluruhan Universiti Awam (UA) berjumlah RM 123.9 juta yang memberi manfaat kepada 518,326 orang pelajar. Bagi tempoh tiga (3) semester sebelum ini iaitu di peringkat awal penularan COVID-19, jumlah kos yang ditanggung menggunakan sumber dalaman UA bagi maksud pengurangan yuran adalah sebanyak RM 1857.7 juta untuk manfaat 386,142 orang pelajar.

Mengambil kira faktor semasa di mana negara akan mula beralih kepada Fasa Peralihan Endemik bermula 1 April 2022, sesi pengajaran dan pembelajaran di UA akan kembali berlangsung seperti sediakala dengan pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Maka, bagi Semester Kedua Sesi Akademik 2021/2022, pihak KPT mengambil ketetapan untuk mengekalkan kadar yuran sedia ada dan pihak UA tidak dibenarkan untuk menaikkan sebarang yuran yang dikenakan ke atas pelajar.

Sungguhpun tiada pengurangan yuran diberikan kepada para pelajar bagi Semester Kedua Sesi Akademik 2021/2022 ini, namun atas semangat #KPTPRIHATIN, pihak UA akan tetap membantu para pelajar yang terkesan sepanjang tempoh Fasa Peralihan Endemik ini berlangsung. Untuk makluman, pihak UA telah menggunakan sumber dalaman masing-masing dalam menyalurkan bantuan kepada para pelajar yang terlibat, antaranya:

i. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah menyalurkan bantuan makanan kepada pelajar dalam kampus yang dikenakan Perintah kuarantin (Sekatan Pergerakan Keluar Masuk) pada 30 Januari 2022 sehingga 16 Februari 2022 lalu melibatkan 1,877 orang pelajar dengan kos berjumlah RM173,700;

ii. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pula memberikan Sumbangan Khairat kepada 454 orang pelajar yang disahkan positif COVID-19 sepanjang Julai 2021 sehingga 7 Mac 2022 dengan kos berjumlah RM71,300; dan

iii. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menyalurkan sumbangan makanan & minuman sebanyak 22,427 pek kepada Pelajar Kuarantin & Kontak Rapat COVID-19 sepanjang 25 April 2021 sehingga 10 Mac 2022 dengan kos berjumlah RM323,690.00.

Kementerian juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada para ibubapa, para sukarelawan, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di UA dan semua UA atas sokongan padu yang telah diberikan kepada KPT sepanjang mendepani pandemik COVID-19.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	DR. ONG KIAN MING (BANGI)
SOALAN	:	NO. 349

DR. ONG KIAN MING (BANGI) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pinjaman PTPTN yang diberikan kepada IPTS dan IPTA pada tahun 2020 dan 2021.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2020, seramai 150,567 peminjam telah diluluskan pinjaman dengan peruntukan sebanyak RM RM3,593.22 juta. Daripada jumlah ini, seramai 82,640 (54.89%) peminjam dengan peruntukan sebanyak RM1,559.97 juta di IPTA dan baki 67,927 (45.11%) peminjam dengan peruntukan sebanyak RM2,033.25 juta di IPTS.

Manakala bagi tahun 2021 pula, seramai 140,977 peminjam telah diluluskan pinjaman dengan peruntukan sebanyak RM3,513.05 juta. Daripada jumlah ini, seramai 78,089 (55.39%) peminjam dengan peruntukan sebanyak RM1,516.90 juta di IPTA dan baki 62,888 (44.61%) peminjam dengan peruntukan sebanyak RM1,996.15 juta di IPTS.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	DR. ONG KIAN MING (BANGI)
SOALAN	:	NO. 350

DR. ONG KIAN MING (BANGI) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah dan kadar bayaran balik pinjaman PTPTN mengikut IPTS dan IPTA pada tahun 2020 dan 2021.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya, jumlah kutipan bayaran balik yang diterima pada tahun 2020 adalah sebanyak RM1,352.72 juta merangkumi bayaran balik daripada peminjam IPTA sebanyak RM778.11 juta (57.52%) dan bayaran balik daripada peminjam IPTS sebanyak RM574.61 juta (42.48%)

Manakala bagi tahun 2021 pula, sebanyak RM1,271.82 juta (53.87%) kutipan bayaran balik pinjaman telah diterima daripada peminjam IPTA dan RM1,089.12 juta (46.13%) diterima daripada IPTS menjadikan keseluruhan kutipan bayaran balik pada tahun 2021 adalah sebanyak RM2,360.94 Juta.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	DATUK ROZMAN BIN ISLI (LABUAN)
SOALAN	:	NO. 371

DATUK ROZMAN BIN ISLI (LABUAN) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan silibus pengurusan kewangan dan perniagaan yang lebih realistik kepada setiap pelajar di universiti bagi memastikan persediaan yang lebih lengkap apabila mereka memasuki alam pekerjaan dan perniagaan.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui penawaran Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) telah mewajibkan subjek Asas Keusahawanan kepada semua pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Kursus ini diwajibkan bagi memberi pengenalan kepada pelajar untuk mempelajari konsep dan teori keusahawanan. Kursus ini merangkumi komponen utama dalam aspek perniagaan yang melibatkan aktiviti perniagaan sebenar berskala kecil. Kemahiran pengurusan perniagaan dan pembudayaan keusahawanan juga diberi penekanan melalui kursus ini.

Modul-modul seperti kreatitiviti dan inovasi dalam perniagaan, menilai peluang perniagaan, perancangan perniagaan dan mengurus projek perniagaan dapat meningkatkan literasi pelajar dalam pengurusan kewangan dan perniagaan. Ilmu yang diperolehi oleh pelajar melalui kursus diharap dapat membantu mereka apabila memasuki dunia pekerjaan atau apabila memulakan perniagaan setelah bergraduat.

Di samping itu, KPT juga telah menerbitkan *MOHE Guide to Entrepreneurship Integrated Education (EIE)* yang berfungsi sebagai rujukan dan garis panduan bagi semua IPT di Malaysia untuk memacu program dan aktiviti keusahawanan, selain memupuk ilmu pengetahuan berhubung pengurusan kewangan dan perniagaan dalam kalangan pelajar di IPT. KPT juga meneruskan usaha penerapan elemen perniagaan di peringkat pengajian sarjana melalui agenda Memperkasakan *Top Business School* (TBS). Melalui inisiatif ini, KPT berhasrat menjadikan pusat Pengajian Siswazah Perniagaan/ Pengurusan (PPSP) Universiti Awam lebih berdaya saing dengan melonjakkan prestasi program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) yang ditawarkan di dalam Negara agar setanding dengan program MBA di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH (SRI GADING)
SOALAN	:	NO. 411

DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH (SRI GADING) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah model '*Teaching Factory*' telah dilaksanakan dalam industri TVET.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Dalam memastikan graduan yang dihasilkan menjadi pilihan industri TVET, Kementerian telah melaksanakan pelbagai inisiatif antaranya menjalin kerjasama dengan pihak industri dalam pelbagai aspek iaitu input industri dalam kurikulum, penempatan bagi latihan industri serta penyelidikan bersama pihak industri. Bagi memperkasa kualiti pendidikan TVET, kerjasama dengan pihak industi terus diperkukuh melalui inisiatif *industry on campus* (IOC). Konsep pelaksanaan IOC adalah mirip dengan penubuhan *teaching factory* di mana pihak industri beroperasi di dalam kampus. Inisiatif pelaksanaan IOC dibuat dalam skala yang lebih kecil dalam kampus politeknik Metro atau kolej komuniti yang mana ia juga disesuaikan dengan kapasiti kampus agar pengoperasian kedua-dua pihak berjalan dengan lancar.

Objektif utama penubuhan IOC ini adalah bagi memanfaatkan perkongsian simbiotik yang telah dijalin dengan industri dalam pembangunan bakat dan tenaga kerja masa hadapan melalui pemindahan teknologi, kajian dan inovasi serta latihan dalam bidang bagi memenuhi keperluan industri dan pembangunan negara.

Melalui IOC, pelajar telah didedahkan dengan budaya kerja kemahiran dan pengetahuan melalui kaedah pembelajaran di industri sebenar yang telah memberi manfaat besar terutama dalam memastikan kebolehpasaran graduan. Pendekatan aplikasi industri ini dapat mengurangkan jurang di antara institusi pendidikan dengan industri dan dapat memberi nilai tambah kepada kemahiran graduan serta kakitangan, komuniti setempat dan pekerja industri.

IOC yang dilaksanakan merangkumi empat elemen iaitu pengurusan dan kewangan, mod pembelajaran, kolaborasi dan infrastruktur. Pada masa ini, IOC secara rintis sedang dilaksanakan di dua politeknik METrO dan dua kolej komuniti iaitu di Politeknik METrO Johor Bahru dalam bidang keusahawanan yang memfokuskan kepada *food & beverage*, Politeknik METrO Tasek Gelugor dalam bidang video dan filem, Kolej Komuniti Selayang dalam bidang *Games Art* dan Kolej Komuniti Sungai Petani dalam bidang *food & beverage.*

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH (SRI GADING)
SOALAN	:	NO. 412

DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH [SRI GADING] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan komitmen Kementerian dalam melindungi kebebasan bersuara dan berpolitik mahasiswa di dalam dan luar kampus.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Pewujudan Akta Universiti dan Kolej Universiti Tahun 1971 (AUKU) bertujuan untuk menubuh, menyelenggara dan mentadbir universiti dan kolej universiti dan bagi perkara yang berkenaan dengannya. Antara komponen yang terkandung dalam AUKU adalah berhubung tadbir urus universiti dan pengurusan aktiviti pelajar.

Selaras dengan hasrat Kementerian untuk memastikan AUKU kekal relevan, beberapa pindaan terhadap AUKU telah dilakukan. Antara pindaan yang melibatkan aktiviti pelajar adalah pindaan pada tahun 2012 untuk membolehkan mahasiswa menyertai kegiatan parti politik di luar kampus dan pindaan pada tahun 2019 untuk memberikan kebebasan kepada pelajar menyertai aktiviti parti politik di dalam kampus. Kedua-dua pindaan ini telah memberikan impak yang signifikan dalam memberi kebebasan serta menyediakan ruang untuk pelajar menyertai aktiviti parti politik.

Dalam hubungan ini, pihak Kementerian dan universiti awam (UA) sedang membangunkan garis panduan bersesuaian untuk memberi panduan dan bimbingan kepada para pelajar dalam menyertai kegiatan politik di dalam dan luar kampus agar

keharmonian UA terpelihara. Kementerian juga yakin bahawa garis panduan ini kelak dapat memperkasa kebebasan bersuara, berpolitik dan semangat autonomi yang diberikan kepada pelajar, justeru mampu membentuk generasi pelapis pemimpin negara yang bersikap lebih terbuka, matang dan bertanggungjawab ke atas setiap keputusan yang diambil.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	PUAN TEO NIE CHING (KULAI)
SOALAN	:	NO. 468

PUAN TEO NIE CHING (KULAI) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada KPT sudi bertemu Pasukan Petugas Dasar Sijil Peperiksaan Bersepadu (PPDUEC) untuk berbincang tentang laporan mereka.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Bertepatan dengan Aspirasi Keluarga Malaysia dan selaras dengan penerapan budaya kebahagiaan, warga berkasih sayang dan hormat menghormati yang diamalkan oleh semua warga Kementerian Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), maka pihak KPT sentiasa mengalu-alukan kehadiran Pasukan Petugas Dasar Sijil Peperiksaan Bersepadu (PPDUEC) untuk berbincang tentang laporan mereka.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE (SANDAKAN)
SOALAN	:	NO. 476

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE (SANDAKAN) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan dengan secara terperinci jumlah graduan daripada universiti tempatan sejak tahun 2015 dan berapa ramai kalangan mereka yang kekal menganggur 12 bulan selepas bergraduasi.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada tahun 2020, seramai 260,701 graduan telah memberikan respons dalam kajian tersebut. Daripada jumlah tersebut, 72.0 peratus adalah terdiri daripada graduan IPTA dan IPTS. Jumlah graduan IPTA dan IPTS yang belum bekerja pada tahun 2020 adalah seramai 31,031 graduan di mana 44.8 peratus adalah dalam kalangan graduan IPTA manakala 55.2 peratus terdiri daripada graduan IPTS. Jumlah graduan belum bekerja dilihat semakin menurun berbanding pada tahun 2015 di mana seramai 49,523 graduan IPTA dan IPTS yang belum bekerja pada tahun tersebut.

Sebagai usaha untuk mengatasi masalah pengangguran graduan universiti di negara ini serta bagi melahirkan graduan-graduan universiti yang menepati kehendak pasaran, KPT melaksanakan beberapa langkah utama antaranya adalah seperti berikut:

i. Melaksanakan program latihan berbentuk *reskilling* dan *upskillling.*
ii. Melaksanakan Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE).

iii. Melaksanakan *Structured Internship Programme (SIP).*

iv. Menyemak dan menambahbaik secara berkala kandungan modul dan program akademik yang ditawarkan.

v. Membangunkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD (KUALA SELANGOR)
SOALAN	:	NO. 538

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD (KUALA SELANGOR) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mempertimbangkan sama ada Kementerian akan meminta Institut Pengajian Tinggi untuk memberikan pilihan kepada mahasiswa menjalankan pembelajaran secara atas talian memandangkan kes COVID-19 varian Omicron yang semakin meningkat.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa mengutamakan keselamatan dan kebajikan pelajar yang akan meneruskan pengajian di kampus. Oleh itu, KPT telah membenarkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara hibrid bermula Julai 2020 di mana Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dibenarkan untuk mengenal pasti pelajar yang berkeperluan bagi meneruskan pengajian secara hibrid di kampus, manakala selebihnya meneruskan pengajian secara dalam talian di lokaliti masing-masing.

Terkini, KPT melalui keputusan Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah meluluskan kemasukan pelajar secara berperingkat mulai 1 Mac 2022 yang melibatkan semua IPT termasuk Universiti Awam, Politeknik, Kolej Komuniti dan IPT Swasta. Kemasukan pelajar adalah dibenarkan sebanyak 70% hingga 100% mengikut kapasiti IPT masing-masing serta pematuhan SOP yang sedang berkuat kuasa. Selaras dengan keputusan tersebut, IPT turut diberi kebebasan untuk menentukan kaedah pelaksanaan PdP yang kesesuaian iaitu program pengajian dilaksanakan secara fizikal

sepenuhnya, atau secara dalam talian sepenuhnya atau boleh dilaksanakan secara hibrid.

Mengambil kira situasi semasa, IPT juga telah diberi tanggungjawab untuk menentukan keutamaan pelajar yang akan kembali ke kampus. Namun demikian, pelajar yang telah dikenalpasti boleh memilih untuk tidak kembali ke kampus dengan kebenaran IPT dan meneruskan PdP secara dalam talian di rumah masing-masing. Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar yang mengikuti PdP secara dalam talian adalah tertakluk kepada ketetapan yang telah ditetapkan oleh IPT bagi memenuhi syarat-syarat graduasi dan memastikan tiada implikasi terhadap pengajian yang sedang berjalan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	DATUK SERI MOHD REDZUAN MD YUSOF (ALOR GAJAH)
SOALAN	:	NO. 549

DATUK SERI MOHD REDZUAN MD YUSOF [ALOR GAJAH] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk menambah biasiswa bagi pelajar-pelajar yang mengambil sijil profesional sebagai cara menambah jumlah kepakaran tempatan.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Dalam usaha memastikan akses pengajian tinggi kepada semua, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menyediakan pelbagai kemudahan pembiayaan pendidikan dalam bentuk biasiswa dan bantuan kewangan kepada calon-calon berkelayakan melanjutkan pelajaran di peringkat persediaan, sijil, diploma, ijazah sehinggalah ke peringkat pasca siswazah. Antara program biasiswa yang diuruskan oleh KPT adalah program biasiswa Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPT (SLAI) yang mensasarkan peningkatan akademik di universiti awam melalui pewujudan tenaga pengajar yang berpendidikan tinggi. Selain itu, biasiswa MyBrainScience iaitu penajaan kepada orang awam di peringkat ijazah pertama dan pasca ijazah dalam bidang pengajian sains tulen turut ditawarkan. Biasiswa juga ditawarkan kepada para pelajar terpilih (tokoh siswa) dan atlet cemerlang IPT. Manakala program bantuan kewangan pula terdiri daripada Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK), Bantuan Kewangan Asasi (BKA) dan Bantuan Kewangan Orang Kurang Upaya (BKOKU).

Pada masa ini, KPT tidak mempunyai program biasiswa yang ditawarkan kepada orang awam bagi membiayai pengajian di peringkat sijil profesional seperti Sijil Amalan Guaman (CLP), Chartered Financial Analyst (CFA), Certified Public Accountants (CPA), Chartered Islamic Financial Professional (CIFP), sijil Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) dan sebagainya. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2022, KPT menerima peruntukan sebanyak RM3 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe12) bagi membiayai kursus pentauliahan profesional kepada tenaga pengajar politeknik, Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) dan kolej komuniti. Program ini bertujuan meningkatkan kemahiran (*reskilling and upskilling*) dan memastikan tahap profesionalisme yang relevan dengan keperluan semasa dan teknologi terkini dengan tempoh tajaan antara 3 hingga 12 bulan.

Berhubung perkara ini juga, Majlis Amanah Rakyat (MARA) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) menyediakan kemudahan pinjaman pelajaran boleh ubah untuk semua peringkat pengajian termasuk profesional. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), MARA telah menetapkan sasaran sebanyak 10% pelajar tajaan di peringkat pengajian profesional dalam pelbagai bidang profesional dan berimpak tinggi.

MARA sejak tahun 2020 telah giat meningkatkan penyertaan bumiputera berkelayakan menceburi bidang-bidang kritikal, professional dan spesialis. Program ini dikhususkan untuk melahirkan akauntan, jurutera dan arkitek bertauliah serta spesialis perubatan dan pergigian dengan pengiktirafan keahlian Badan Profesional yang diiktiraf di dalam dan luar negara. Antara program yang dilaksanakan adalah:

i. Profesional perakaunan seperti Association of Chartered Certified Accountant (ACCA), Certificate Professional Account (CPA), Institute of Chartered Accountant (ICAEW), Chartered Institute of Management Accounting (CIMA).

ii. Spesialis bidang Kardiotorasik Surgeri untuk peningkatan kepakaran di dalam kesihatan jantung dengan kerjasama UiTM - Institut Jantung Negara (IJN).

iii. Spesialis atau sub-kepakaran dalam bidang perubatan atau pergigian di Sektor Penjagaan Kesihatan di dalam dan luar negara dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

iv. Program kompetensi teknikal dengan pensijilan antarabangsa dalam program latihan Elektrikal Technical Officer (ETO), Dynamic Positioning

Officer (DPO) dan Remote Operated Vehicle Training (ROV) dalam industri logistik dan pengangkutan laut.

v. Licensed Aircraft Maintenance Engineer (LAME) di Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

Sekian, terima kasih.

MESYUARAT PERTAMA DEWAN RAKYAT TAHUN 2022

WAKTU PERTANYAAN MENTERI (*Ministry Question Time* - MQT)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	WAKTU PERTANYAAN MENTERI
DARIPADA	:	DATUK SERI HAJI SHAMSUL ISKANDAR BIN HAJI MOHD AKIN (HANG TUAH JAYA)
TARIKH	:	24 MAC 2022 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 3

DATUK SERI HAJI SHAMSUL ISKANDAR BIN HAJI MOHD AKIN (HANG TUAH JAYA) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah inisiatif pengajian sepanjang hayat melalui kaedah APEL (Akreditasi Pembelajaran Pengalaman Terdahulu) mendapat sambutan di kalangan masyarakat memandangkan ianya telah lama diwujudkan dan setakat mana pengiktirafan diberikan kepada mereka yang mengambil jalur ini untuk mendapat ijazah sarjana dan kedoktoran.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Sejak penubuhan Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) pada tahun 2007, MQA telah menjalankan pelbagai peranan penting dalam menyelaras kualiti dan memperaku setiap ijazah, diploma dan sijil yang telah dikeluarkan oleh semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di negara ini.

Selaras dengan agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) serta agenda global berkenaan Matlamat Pembangunan Lestari, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui MQA telah memperkenalkan satu medium pengiktirafan yang fleksibel untuk pekerja yang telah lama bekerja di alam pekerjaan. Medium pengiktirafan yang fleksibel ini dinamakan sebagai Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman

Terdahulu (*Accreditation of Prior Experiential Learning*, APEL). Dalam hal ini, akses (APEL.A) telahpun bermula semenjak tahun 2011.

Sepanjang tahun 2021 hingga Mac 2022, MQA telah melaksanakan pelbagai program dan promosi melibatkan PSH melalui APEL. Sebanyak 367 promosi di media cetak, media elektronik dan siri wawancara dengan 14 daripadanya berkaitan APEL telah dilaksanakan. Hasilnya, sambutan yang diterima adalah sangat menggalakkan dan MQA telah menerima sebanyak 5,737 permohonan secara keseluruhannya. Daripada jumlah tersebut, 4,111 permohonan adalah daripada sektor-sektor seperti Kerajaan, Badan Berkanun, Swasta Multinasional, Swasta Tempatan, Perusahaan Sendiri, Syarikat Berkaitan Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan lain-lain.

Dalam tempoh yang sama sebanyak 1,302 calon telah lulus penilaian APEL.A dalam pelbagai tahap kemasukan iaitu Tahap 3 (Sijil), Tahap 4 (Diploma), Tahap 6 (Ijazah Sarjana Muda) dan tahap 7 (Ijazah Sarjana). Daripada jumlah ini, seramai 447 merupakan calon tahap 7 (Ijazah Sarjana).

Antara kejayaan penting yang KPT boleh kongsikan di dalam dewan ini, pertama; terdapat tiga badan profesional yang telah menerima APEL sebagai salah satu syarat kemasukan ke program pengajian. Badan profesional tersebut adalah Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT), Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) dan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LBPM). Secara tidak langsung, ini menunjukkan bahawa program ini mendapat sambutan di kalangan pemegangtaruh dan masyarakat umum.

Kedua, susulan daripada sambutan yang menggalakkan oleh masyarakat terhadap APEL.A, maka MQA juga telah memperkenalkan APEL.C pada tahun 2016 yang membolehkan pengalaman kerja dipindah kredit sewaktu pengajian. Sepanjang tahun 2021 sahaja, seramai 1,407 pelajar telah mengemukakan permohonan pemindahan kredit melalui mekanisma APEL.C di institusi masing-masing dengan jumlah kredit yang diluluskan adalah sebanyak 1,883 kredit.

Dan yang ketiga, MQA telah melaksanakan APEL bagi tujuan penganugerahan kelayakan akademik (APEL.Q) bermula pada Julai 2021. Pelaksanaan ini adalah berdasarkan kejayaan dalam pelaksanaan APEL.A dan APEL.C sebelumnya, selain bagi melengkapkan kitaran APEL.

Satu *Advisory Note* berkaitan Panduan Lantikan Staf Akademik Graduan APEL juga telah dikeluarkan pada 7 Disember 2021 sejajar dengan peningkatan bilangan graduan APEL ini. Untuk makluman Dewan juga, MQA telah melantik beberapa orang personaliti sebagai ikon APEL seperti:

i. Y.M Raja Zulkarnain bin Raja Mohd Yusof
Presiden Persatuan Gambus Malaysia

ii. En. Eizaz Datuk Azhar Mansor
Usahawan dan perunding (Anak pelayar negara)

iii. YBrs. Dr. Jamsari Atan (Orang Kurang Upaya)
Pemilik Syarikat JBA Training & HRD Consultancy

Akhir sekali, selain daripada pasaran domestik, MQA juga telah berjaya melebarkan pelaksanaan APEL ke luar negara melalui kerjasama dengan negara-negara seperti United Arab Emirates, Australia, Hong Kong, Perancis, United Kingdom dan Negara-negara ASEAN di bawah *ASEAN Quality Assurance Network* (AQAN).

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA PARLIMEN KE-14 TAHUN 2022
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

[18 JULAI HINGGA 4 OGOS 2022]

ATURAN URUSAN MESYUARAT
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA
PENGGAL KELIMA PARLIMEN KE-14
18 JULAI HINGGA 4 OGOS 2022

PERTANYAAN LISAN: MINGGU PERTAMA

18 JULAI 2022 (ISNIN)

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

19 JULAI 2022 (SELASA)

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

20 JULAI 2022 (RABU) – 7 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 8] PR-1452-L15793 **Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah usaha di kampus bagi memberikan mahasiswa pendedahan mengenai isu-isu sivik dan politik selari dengan pengenalan Undi18.
2.	[No. 11]

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	PR-1452-L15569 **Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pendekatan Kementerian untuk menggalakkan penyertaan dan kerjasama yang tinggi dari pihak pemain industri untuk memastikan pelajar di bawah Program Dermasiswa TVET B40 mendapat pendedahan yang mencukupi.
3.	**[No. 38]** PR-1452-L16565 **Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengapa universiti awam utama di Malaysia, terutamanya Universiti Malaya, secara konsisten telah mengalami penurunan dalam kedudukan global mereka seperti yang diterbitkan oleh QS World University Rankings.
4.	**[No. 71]** PR-1452-L15841 **Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah respon Kementerian mengenai dakwaan bidang Sains Tulen yang ditawarkan di pengajian tinggi kurang mendapat penghargaan dan sukar untuk mendapat pekerjaan di negara ini. Adakah sebarang statistik yang boleh membidas kenyataan tersebut dan membuktikan bahawa bidang Sains Tulen masih lagi relevan bagi para pelajar di Malaysia.
5.	**[No. 74]** PR-1452-L16450 **Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk menubuhkan sebuah kolej komuniti dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di kawasan Parlimen Igan.

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
6.	[No. 106] PR-1452-L15485 **Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa masih terdapat ramai pelajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang masih tidak mempunyai komputer dan apakah rancangan untuk membantu mereka.
7.	[No. 107] PR-1452-L16596 **Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bila Kerajaan akan mansuhkan AUKU.

21 JULAI 2022 (KHAMIS)

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

PERTANYAAN LISAN: MINGGU KEDUA

25 JULAI 2022 (ISNIN)

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

26 JULAI 2022 (SELASA) – 8 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 10] PR-1452-L16504 **Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang berhenti atau ditamatkan pembelajaran mereka, jika ada, sejak Mac 2020 hingga Mac 2022. Berapa jumlah (dalam peratusan) mengikut sebab-sebab berhenti atau ditamatkan pembelajaran ini.
2.	[No. 32] PR-1452-L16335 **Datuk Dr. Shahruddin bin Md. Salleh [Sri Gading]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam menyelesaikan isu peningkatan kadar pengangguran graduan Bumiputera secara berterusan beberapa tahun ini.
3.	[No. 36] PR-1452-L16102 **Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status terkini penubuhan universiti Jepun di Malaysia yang pernah diusahakan semenjak tahun 2019.
4.	[No. 53] PR-1452-L15327 **Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perancangan dan persedian Kementerian untuk menyarankan kepada pengurusan Universiti Teknologi Mara (UiTM) agar segera dapat menawarkan kursus-kursus peringkat diploma dan ijazah sarjana muda di kampus Tawau selain dari hanya kursus-kursus Pra Perdagangan dan Pra Sains yang sedia ditawarkan sekarang walaupun kampus ini telah diwujudkan lebih 15 tahun. Dengan penawaran kursus-kursus tersebut ibu bapa pelajar dari sekitar Lahad Datu, Kunak , Semporna, Tawau dan Kalabakan dapat berjimat daripada menanggung kos tambang perjalanan anak-anak yang agak tinggi jika mereka melanjutkan pembelajaran di Semenanjung Malaysia.

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
5.	[No. 77] PR-1452-L15752 **Tuan Baru Bian [Selangau]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah proses pemilihan program biasiswa TVET Dermasiswa B40 untuk pelajar B40 yang melanjutkan pengajian dalam pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) akan dilaksanakan. Adakah terdapat kuota untuk Sabah dan Sarawak.
6.	[No. 79] PR-1452-L15638 **Tuan Ahmad bin Hassan [Papar]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi melahirkan 'Future Proof University & Graduates' di universiti tempatan dan universiti swasta di seluruh negara.
7.	[No. 82] PR-1452-L15621 **Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan hasil dapatan dan langkah ke hadapan yang dapat dirangka sepanjang lawatan Menteri ke Turki, Amerika Syarikat, United Kingdom dan negara-negara luar lain sebelum ini.
8.	[No. 88] PR-1452-L16046 **Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pendirian Kementerian untuk meminda AUKU untuk memberikan lebih banyak autonomi kepada persatuan-persatuan mahasiswa di setiap universiti termasuk universiti awam.

27 JULAI 2022 (RABU)

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan

	Tiada Pertanyaan

28 JULAI 2022 (KHAMIS)

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

PERTANYAAN LISAN: MINGGU KETIGA

1 OGOS 2022 (ISNIN) – 6 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 11] PR-1452-L15317 **Dato' Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan dan kadar graduan yang menganggur bagi tempoh 2020, 2021 dan terkini 2022 dan nyatakan langkah berterusan Kementerian bagi mengurangkan kadar pengangguran di kalangan graduan khususnya dalam melahirkan graduan yang mempunyai pelbagai bakat dan skill (multi talents and skills) bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan.
2.	[No. 18] PR-1452-L16549 **Tuan Mordi Bimol [Mas Gading]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah cabaran dan usaha Kementerian untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan TVET menyambung pelajaran ke peringkat pengajian tinggi kerana masih ramai graduan TVET berhadapan kesukaran menyambung pelajaran.
3.	[No. 30]

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	PR-1452-L16189 **Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :- (a) jumlah pengambilan siswa-siswi ke universiti awam mengikut jurusan dan kaum mulai tahun 2015 hingga tahun 2021; dan (b) syarat yang ditetapkan dan didasarkan oleh universiti tempatan yang di mana menganugerahi beribu-ribu PhD setiap tahun.
4.	**[No. 45]** PR-1452-L15426 **Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha Kementerian bagi menggalakkan lebih ramai lepasan sekolah menyertai program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi mengatasi isu kekurangan sumber tenaga dalam bidang industri kini. Apakah insentif tambahan Kementerian selain skim pinjaman sedia ada yang mana realitinya ia hanya menambah beban hutang pinjaman pelajaran sedia ada.
5.	**[No. 78]** PR-1452-L15932 **Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status kes kejutan elektrik di asrama UUM yang meragut nyawa mangsa Vinosiny Sivakum serta langkah-langkah memastikan litar elektrik di universiti kita selamat.
6.	**[No. 106]** PR-1452-L16203 **Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah statistik terkini kebolehpasaran graduan selepas pelbagai program seperti My Future Jobs, PENJANA dan usaha telah dilaksanakan dan dilakukan oleh pihak Kementerian untuk memastikan

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	graduan-graduan mendapat pekerjaan yang bersesuaian.

2 OGOS 2022 (SELASA)

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

3 OGOS 2022 (RABU)

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tiada Pertanyaan

4 OGOS 2022 (KHAMIS) – 15 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[No. 2] PR-1452-L16001 **Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian dan universiti awam untuk membantu mahasiswa universiti yang tercicir termasuk yang tidak dapat meneruskan pengajian atau terpaksa menangguhkan pengajian akibat dampak pandemik COVID-19.
2.	[No. 11]

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	PR-1452-L16103 **Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perbelanjaan Kementerian bagi penarafan universiti dalam ranking dunia dan relevansi penarafan ranking dunia ini mempengaruhi pengeluaran kualiti graduan, termasuk pelajar dari luar negara.
3.	**[No. 17]** PR-1452-L16564 **Tan Sri Haji Idris bin Jusoh [Besut]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian mereka sebagai hab pendidikan tinggi pilihan di peringkat global.
4.	**[No. 30]** PR-1452-L15337 **Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar yang memasuki IPTA pada setiap tahun dan agihan purata mengikut kaum.
5.	**[No. 33]** PR-1452-L16092 **Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status kemampuan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dalam memberi pinjaman kepada para pelajar di kala masih ramai peminjam yang sudah menamatkan pengajian belum melunaskan hutang sepenuhnya kepada PTPTN.
6.	**[No. 34]** PR-1452-L15572

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil untuk memastikan mutu profesor supaya tiada profesor kangkung di universiti tempatan.
7.	**[No. 37]** PR-1452-L15888 **Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil serta jumlah peruntukan terlibat bagi membantu siswa-siswi, pelajar B40 di semua institusi di bawah Kementerian untuk tahun 2021 dan tahun 2022. Nyatakan juga usaha kebolehpasaran graduan dan kejayaan-kejayaannya.
8.	**[No. 42]** PR-1452-L15993 **Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah dan strategi yang diambil Kementerian selepas mengadakan beberapa sesi libat urus bersama mahasiswa dan kakitangan akademik dalam usaha menambah baik Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 termasuk cadangan memberikan kebebasan menguruskan kewangan kepada persatuan mahasiswa.
9.	**[No. 47]** PR-1452-L15511 **Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk membantu lebih 70 ribu lepasan SPM 2021 yang gagal mendapatkan sijil SPM dan adakah mereka dapat disalurkan ke bidang TVET bagi memenuhi keperluan pasaran buruh semasa.
10.	**[No. 50]** PR-1452-L15582 **Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]** minta **MENTERI PENGAJIAN**

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	TINGGI menyatakan perancangan Kementerian untuk memperhalusi senarai program dan kursus yang ditawarkan oleh kolej-kolej dan universiti swasta bagi memastikan tahap keboleh pasaran graduan yang lebih tinggi.
11.	[No. 60] PR-1452-L15919 **Dr. Ong Kian Ming [Bangi]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan pemohon yang berjaya untuk program Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan program Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) di setiap universiti penyelidikan awam di Malaysia bagi tahun 2020 dan 2021.
12.	[No. 73] PR-1452-L16093 **Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha memperkenalkan kursus-kursus baharu di IPTA selari dengan tuntutan pasaran kerja di masa hadapan yang lebih berasaskan Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0) dan apakah usaha Kementerian untuk mengarusperdanakan kursus-kursus TVET demi mengelakkan pengangguran di kalangan graduan terutamanya di kalangan bangsa Melayu dan India.
13.	[No. 94] PR-1452-L16320 **Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tindakan yang diambil bagi menangani isu kebocoran soalan dalam peperiksaan di IPT.
14.	[No. 96] PR-1452-L16608 **Tuan Moktar Radin [Kinabatangan]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula dan memberikan sedikit kelonggaran terhadap syarat-syarat kemasukan ke pusat pengajian tinggi awam memandangkan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Tahun 2021 merupakan kohort pertama yang mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) serta pelajar juga terkesan dengan pembelajaran secara bersemuka yang terhad.
15.	**[No. 110]** PR-1452-L15448 **Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha Kerajaan bagi menyelesaikan masalah kekurangan sumber tenaga kerja perlu dalam negara membabitkan pelbagai sektor kini. Perincikan juga pendekatan bagi melahirkan graduan berkualiti demi memenuhi keperluan industri kini dengan berkongsi statistik berkaitan (jumlah graduan, institusi pengajian, bidang pembelajaran dan kerjaya diceburi selepas menamatkan pelajaran) sejak tahun 2018 hingga kini.

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

15 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	**[No. 33]** PR-1452-T06324 **Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah graduan IPTA dan IPTS sejak 2018 yang berjaya peroleh pekerjaan, yang dalam pekerjaan tenaga tidak penuh (underemployment), yang menganggur dan tidak bekerja dan jumlah hutang pendidikan yang ditanggung graduan-graduan tersebut mengikut kategori-kategori di atas.
2.	**[No. 194]** PR-1452-T06252 **Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :- (a) kandungan silibus pendidikan sivik di institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta dari segi pengajaran asas demokrasi, sistem pemerintahan dan perundangan, tanggungjawab pengundi dan Kerajaan; dan (b) pelan tindakan untuk mengintegrasikan Program Pendidikan Pengundi dalam silibus IPT.
3.	**[No. 212]** PR-1452-T06164 **Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan secara terperinci :- (a) berapa jumlah pinjaman yang telah diluluskan dan dibelanjakan oleh PTPTN bagi tiga tahun terkini bermula dari tahun 2020, 2021 dan 2022; dan (b) jumlah terkini pembayaran semula yang telah berjaya dikutip dan juga jumlah pinjaman yang gagal dibayar bagi tempoh bermula tiga tahun bermula tahun 2020, 2021 dan 2022.

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
4.	**[No. 266]** PR-1452-T06348 **Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah wujud usaha sama di antara Kementerian dengan KPM untuk penyelarasan data murid-murid sedari sekolah rendah sehingga ke sekolah menengah demi memastikan mereka memilih kursus-kursus di IPT yang sesuai dengan pencapaian, kecenderungan, bakat dan kelayakan mereka.
5.	**[No. 285]** PR-1452-T06091 **Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof [Alor Gajah]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah biasiswa bagi pelajar-pelajar yang mengambil sijil profesional sebagai cara menambah jumlah kepakaran tempatan.
6.	**[No. 303]** PR-1452-T06043 **Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :- (a) berapa jumlah graduan tajaan luar negara yang tidak kembali pulang berkhidmat ke dalam negara setelah tamat belajar; dan (b) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengatasi perkara ini.
7.	**[No. 347]** PR-1452-T06142 **Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan butiran kegagalan pembayaran hutang PTPTN setiap tahun antara 2015 hingga 2021 dari segi jumlah kewangan dan bilangan peminjam.
8.	**[No. 372]** PR-1452-T06199

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	Dr. Ong Kian Ming [Bangi] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan hutang terkini PTPTN, jumlah pinjaman yang dijangka akan dipinjam oleh PTPTN pada tahun 2022 dan rancangan PTPTN untuk menaikkan kadar bayaran balik pinjaman tertunggak pada tahun 2022.
9.	**[No. 381]** PR-1452-T06443 **Tuan Pang Hok Liong [Labis]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk menyediakan sebuah IPT di kawasan Parlimen Labis sebagai salah suatu langkah untuk memajukan kawasan luar bandar.
10.	**[No. 382]** PR-1452-T06444 **Tuan Pang Hok Liong [Labis]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bahawa pada tahun 2021 Malaysia telah menjadi bahan ketawa di mata dunia apabila seramai 8,000 graduan telah diberikan PhD dan pada tahun ini mungkin seramai 6,000 graduan akan diberikan PhD. Apakah sistem atau langkah yang sedia ada untuk memastikan keluaran jumlah PhD adalah bertaraf antarabangsa sebelum isu ini teruk menjadi bahan ketawa dunia.
11.	**[No. 389]** PR-1452-T06004 **Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah dengan Penubuhan Majlis TVET Negara (MTVET) dapat memastikan bahawa bilangan pelajar dalam pengkhususan vokasional dan teknikal di negara ini adalah tinggi, sebagaimana di Jerman apabila TVET dianggap salah satu sistem pendidikan utama sehingga 70 peratus pelajarnya memasuki aliran tersebut.
12.	**[No. 456]** PR-1452-T06105 **Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kadar keciciran pelajar-pelajar di IPTA dan IPTS dalam tempoh 5 tahun yang lalu. Apakah tindakan Kementerian untuk mencari punca keciciran tersebut dan langkah-langkah strategik untuk menanganinya.

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
13.	[No. 493] PR-1452-T06482 **Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :- (a) universiti dan kolej awam yang mengiktiraf dan menerima pelajar yang mempunyai kelulusan peperiksaan A Levels dan Unified Examination Certificate (UEC); dan (b) bilangan pelajar warga asing di setiap universiti awam di Malaysia.
14.	[No. 497] PR-1452-T06469 **Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan dengan secara terperinci :- (a) jumlah pelajar-pelajar sedia ada ketika ini yang belajar di Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kampus Sandakan yang dikategorikan mengikut pelajar tempatan Sabah, bukan orang Sabah dan pelajar dari luar negara; dan (b) apakah rancangan pihak kementerian untuk menggunakan sepenuhnya kemudahan sedia ada di kampus Sungai Batang, Sandakan.
15.	[No. 533] PR-1452-T06125 **Puan Wong Shu Qi [Kluang]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan punca utama bagi pelajar dalam fakulti kejuruteraan gagal untuk memperoleh ijazah sarjana muda di universiti tempatan.

MESYUARAT KEDUA DEWAN RAKYAT TAHUN 2022

JAWAPAN BAGI PERTANYAAN LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD (SETIAWANGSA)
TARIKH	:	20 JULAI 2022 (RABU)
SOALAN	:	NO. 8

TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD (SETIAWANGSA) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah usaha di kampus bagi memberikan mahasiswa pendedahan mengenai isu-isu sivik dan politik selari dengan pengenalan Undi18.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Penurunan had umur mengundi kepada 18 tahun oleh Kerajaan Malaysia telah meningkatkan lagi bilangan pengundi muda dalam pilihan raya akan datang termasuk daripada golongan mahasiswa. Menyedari kepentingan Inisiatif Undi 18 ini, Kerajaan komited dalam memastikan golongan mahasiswa diberi pendedahan berhubung demokrasi, pilihan raya dan politik negara. Dalam hubungan ini, pelbagai program pemerkasaan literasi politik dan pendidikan pengundi dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama aktif Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), Akademi Pilihan Raya (APR), dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian melalui UA telah pun menjalankan pelbagai program berkaitan kesedaran politik di semua UA seperti berikut:

(i) Pengenalan Asas Kesedaran Mengundi kepada Pelajar Baru IPT;

(ii) Kursus, ceramah, forum, bual bicara, taklimat, bengkel, seminar berkaitan Undi 18;

(iii) Penerbitan dan hebahan digital berkaitan Pendidikan Pengundi;

(iv) Pendedahan terhadap simulasi sebenar pilihan raya;

(v) *APR Associate Trainer* (AAT) / *Training of Trainers* (ToT);

(vi) Jelajah Perpaduan Negara; dan

(vii) Program Mahasiswa Cakna Undi 18.

Program ini memberi pendedahan kepada perlembagaan persekutuan, demokrasi, proses pilihanraya umum dan kepentingan mengundi yang merupakan naratif yang relevan kepada mahasiswa. Usaha ini akan dapat melahirkan pengundi dari kalangan mahasiswa yang lebih matang dan bertanggungjawab serta memahami kepentingan keluar mengundi dan hak mereka sebagai pengundi.

Bagi tujuan pelaksanaan program yang lebih tersusun, KPT aktif bekerjasama dengan SPR. Dalam hubungan ini, pihak Kementerian dengan kerjasama SPR telah memulakan usaha untuk menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama 20 UA untuk memberi pendedahan dan literasi politik kepada mahasiswa. Dalam hubungan ini, kerjasama ini telah pun dimulakan dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang merupakan perintis MoU bersama SPR ini, dan ini akan disusuli oleh 19 universiti awam yang lain dalam masa terdekat. Melalui kerjasama ini juga, pihak UA dapat memanfaatkan kepakaran APR dalam melaksanakan program-program pemerkasaan literasi politik kepada mahasiswa.

Selain itu bagi memberi pendedahan mengenai isu-isu sivik, penerapan sivik dan kenegaraan juga ditekankan di dalam matapelajaran umum atau MPU, melalui Penghayatan Etika dan Peradaban serta Falsafah dan Isu Semasa yang merupakan matapelajaran wajib di semua IPTA.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM (BALING)
TARIKH	:	20 JULAI 2022 (RABU)
SOALAN	:	NO. 11

DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM (BALING) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pendekatan Kementerian untuk menggalakkan penyertaan dan kerjasama yang tinggi dari pihak pemain industri untuk memastikan pelajar di bawah Program Dermasiswa TVET B40 mendapat pendedahan yang mencukupi.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Sejajar dengan hasrat Kerajaan memastikan akses terbaik kepada peluang pendidikan seperti yang ditekankan dalam pelaksanaan RMKe-12 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, KPT telah mewujudkan penajaan baharu yang dapat memberikan peluang kepada semua golongan, terutamanya kepada golongan B40, untuk meneruskan pendidikan di peringkat pengajian tinggi khususnya dalam bidang TVET.

Dalam hal ini, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan Program Dermasiswa Kumpulan B40 Bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (Program Dermasiswa B40 TVET) sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri di Majlis Perasmian Minggu TVET Negara 2022 pada 20 Jun 2022.

Peruntukan sebanyak RM36.41 juta telah diluluskan bagi membiayai 1000 ambilan pelajar peringkat diploma dan ijazah sarjana muda di IPT di bawah seliaan KPT bermula pada sesi ambilan 2022/2023. Pemilihan pelajar-pelajar ini adalah berdasarkan kategori pelajar dalam kalangan B40 atau miskin tegar yang mana data ini diperoleh melalui data e-kasih di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menawarkan pelbagai program TVET dalam peringkat kursus pendek, sijil, diploma dan ijazah sarjana muda. Pembangunan program di politeknik dan kolej komuniti direka berdasarkan keperluan industri dan memenuhi jaminan kualiti program. Justeru kerjasama dengan pihak industri terus diperkasa dalam pelbagai aspek antaranya tadbir urus, perkongsian maklumat, perkongsian teknologi dan perkongsian pintar dalam pembangunan program bagi memastikan kurikulum TVET yang digunakan adalah terkini dan selaras dengan keperluan semasa industri.

Usaha pemantapan kolaborasi bersama industri tidak hanya tertumpu kepada para pelajar di bawah Program Dermasiswa TVET B40 malah ia turut dimanfaatkan kepada semua pelajar di politeknik dan kolej komuniti. Melalui pemerkasaan TVET, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bersama pihak industri iaitu:

i. Pemerkasaan ekosistem TVET negara melalui pengukuhan **kolaborasi industri** di peringkat nasional di bawah **inisiatif Majlis TVET Negara (MTVET) iaitu** ***Government-Industry Coordination Body*** **(GITC)**;

ii. Menubuhkan **Majlis Penasihat Industri** Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) yang berperanan dalam memberi input berkaitan keperluan industri dalam pembangunan kurikulum dan program pengajian;

iii. Pelaksanaan **program CEO@PolyCC** yang membolehkan CEO industri terkemuka untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan mereka dengan pelajar dan pensyarah institusi TVET;

iv. **Penubuhan Centre of Technology (COT) di politeknik yang mana ia** memanfaatkan perkongsian simbiotik yang telah dijalin dengan industri dalam pembangunan bakat dan tenaga kerja masa hadapan melalui pemindahan teknologi, kajian dan inovasi serta latihan dalam bidang bagi memenuhi keperluan industri dan pembangunan negara;

v. Memperkukuhkan institusi TVET berdasarkan konsep ***Industry on Campus (IOC)*** di kolej komuniti dan ***teaching factory*** di universiti awam;

vi. pendekatan mod pembelajaran ***industry-led training atau Work-Based Learning (WBL)***, 2u2i dan program perantisan yang dilaksanakan di MTUN serta pelaksanaan Structured Internship Programme (SIP) dimana industri memberikan latihan khusus kepada pelajar dan bakal graduan di premis mereka

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE (SANDAKAN)
TARIKH	:	20 JULAI 2022 (RABU)
SOALAN	:	NO. 38

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE (SANDAKAN) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengapa universiti awam utama di Malaysia, terutamanya Universiti Malaya, secara konsisten telah mengalami penurunan dalam kedudukan global mereka seperti yang diterbitkan oleh QS World University Rankings.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Merujuk kepada laporan *Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings (WUR) 2023* yang dikeluarkan pada 09 Jun 2022 yang lalu, Universiti Malaya (UM) masih kekal berada pada kedudukan 100 universiti terbaik di dunia iaitu pada kedudukan ke-70. Walau bagaimanapun, kedudukan ini menurun lima (5) anak tangga berbanding tahun 2022 (ke-65). Dalam hal ini, pihak UM, dengan sokongan daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi, akan terus mengatur strategi untuk bersaing dalam memastikan ianya akan terus memperbaiki kedudukan di dalam ranking 100 universiti terbaik dunia.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi kedudukan sesebuah universiti di dalam penilaian QS WUR ranking. Ianya merangkumi enam petunjuk prestasi utama sebagai skor pemberat yang diukur

iaitu reputasi akademik (40%), reputasi majikan (10%), nisbah pelajar:pensyarah (20%), nisbah sitasi:pensyarah(20%), jumlah pensyarah antarabangsa (5%) dan jumlah pelajar antarabangsa (5%). Sistem ranking ini juga menilai tiga bidang utama iaitu impak penyelidikan, pengajaran dan pengantarabangsaan.

Justeru, bagi memastikan Institut Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia terus bersaing dan berada di dalam kedudukan 100 universiti terbaikdunia, usaha-usaha penambahbaikan IPT di Malaysia sentiasa dilaksanakan secara berterusan dalam menilai kapasiti pengajaran, impak penyelidikan dan tahap pengantarabangsaan. Untuk makluman ahli-ahli Dewan, universiti di Malaysia telah mencapai kemajuan yang positif dalam tempoh enam tahun terkini. Dengan kesungguhan, perancangan yang teliti, dana yang sewajarnya dan strategi yang berkesan, kementerian ini percaya IPT di Malaysia mampu terus bersaing dan berada sebaris dengan universiti terkemuka dunia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB (MACHANG)
TARIKH	:	20 JULAI 2022 (RABU)
SOALAN	:	NO. 71

DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB (MACHANG) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah respon Kementerian mengenai dakwaan bidang Sains Tulen yang ditawarkan di pengajian tinggi kurang mendapat penghargaan dan sukar untuk mendapat pekerjaan di negara ini. Adakah sebarang statistik yang boleh membidas kenyataan tersebut dan membuktikan bahawa bidang Sains Tulen masih lagi relevan bagi para pelajar di Malaysia.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa komited dalam memastikan bidang-bidang pengajian yang ditawarkan di IPT termasuklah bidang Sains Tulen mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi bagi membantu para graduan memasuki sektor pekerjaan selepas menamatkan pengajian.

Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan yang dilaksanakan oleh KPT pada tahun 2021, jumlah keluaran graduan (warganegara) pada dalam bidang Sains adalah seramai 7,675 orang. Daripada jumlah tersebut, **majoriti graduan iaitu 52.8 peratus (4,049 orang) telah bekerja**; manakala baki 26.5 peratus (2,035 orang) sedang melanjutkan pengajian; 3.2 peratus (248 orang) sedang meningkatkan kemahiran;

3.1 peratus (239 orang) sedang menunggu penempatan pekerjaan; dan baki 14.4 peratus (1,104 orang) masih belum bekerja selepas enam (6) bulan menamatkan pengajian. Secara keseluruhannya, **kebolehpasaran graduan bidang Sains pada tahun 2021 adalah 85.6 peratus, meningkat 2.5 peratus berbanding 83.1 peratus pada tahun 2020**.

Dalam usaha kementerian untuk membantu menyelesaikan isu peningkatan kadar pengangguran graduan, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan seperti program-program berbentuk kemahiran dan peningkatan kemahiran (Reskilling and Upskilling). Program-program ini boleh memberikan nilai tambah kepada graduan daripada aspek persijilan kompetensi, mempertingkat ketrampilan diri dan sahsiah, menawarkan graduan kepada pekerjaan yang bersesuaian dengan keperluan industri, memberi peluang kepada graduan untuk berkecimpung di dalam bidang keusahawan dan bidang ekonomi gig.

Selain itu, KPT juga turut menjalinkan kolaborasi strategik dengan agensi-agensi seperti KUSKOP, MIDA, TalentCorp dan PERKESO bagi melatih dan menempatkan graduan yang belum bekerja di industri.

Berdasarkan '*Critical Occupations List 2020/2021*' atau ringkasnya COL yang dikeluarkan oleh pihak TalentCorp pula, sebanyak 57 peratus iaitu 24 daripada 42 kerjaya yang disenaraikan kritikal dan sukar diisi, memerlukan graduan dalam bidang Sains, Matematik dan Teknologi. Oleh itu, bidang pengajian Sains ini secara keseluruhannya dilihat masih lagi relevan untuk ditawarkan di IPT dan para graduan bidang berkenaan juga masih lagi diperlukan oleh pihak industri untuk mengisi kerjaya tertentu yang memerlukan kemahiran khusus dalam bidang Sains.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	TUAN AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI (IGAN)
TARIKH	:	20 JULAI 2022 (RABU)
SOALAN	:	NO. 74

TUAN AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI (IGAN)minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk menubuhkan sebuah kolej komuniti dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di kawasan Parlimen Igan.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Dalam menubuhkan sesebuah Universiti Awam, Politeknik atau Kolej Komuniti, pelbagai aspek akan diberi pertimbangan sewajarnya seperti pertumbuhan ekonomi, strategi pembangunan negara dan wilayah, keperluan guna tenaga serta faktor kewangan semasa. Secara khususnya, terdapat 13 institusi pendidikan tinggi di negeri Sarawak iaitu tiga (3) buah universiti awam (UA); tiga (3) buah Politeknik dan tujuh (7) buah Kolej Komuniti.

Institusi-institusi ini telah menawarkan program-program akademik yang berdaya saing dalam pelbagai bidang termasuk Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di peringkat sijil dan diploma merangkumi bidang Fesyen dan Pakaian; Teknologi Maklumat; Sistem Komputer dan Rangkaian; Kulinari; Pengembaraan Pelancongan; Teknologi Elektrik; Penyenggaraan Industri; Teknologi

Senibina; Kejuruteraan Awam; Kejuruteraan Mekanikal; Kejuruteraan Elektrik; Ukur Bahan; Akauntasi; Pengajian Perniagaan; serta Landskap dan Rekabentuk Dalaman.

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 8 September 2004 telah bersetuju supaya Kolej-Kolej Komuniti dibangunkan mengikut keperluan, sepertimana Politeknik Mukah yang berhampiran dengan kawasan Parlimen Igan iaitu dalam lingkungan 40 km, dan terdapat juga Kolej Komuniti Cawangan Sibu dalam lingkungan 200 km daripada kawasan Parlimen Igan.

Dari masa kesemasa, bila ada keperluan, perkara ini akan dibawa ke Kementerian untuk dibincangkan dan diputuskan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW (WANGSA MAJU)

TARIKH : 20 JULAI 2022 (RABU)

SOALAN : NO. 106

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW (WANGSA MAJU) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa masih terdapat ramai pelajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang masih tidak mempunyai komputer dan apakah rancangan untuk membantu mereka.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa cakna dan peka bahawa terdapat pelajar-pelajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang memerlukan peranti supaya proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Dalam konteks ini, pelbagai bantuan kerajaan berkaitan peranti telah dan akan dihulurkan kepada pelajar yang memerlukan. Terkini, KPT amat menyambut baik inisiatif PerantiSiswa Keluarga Malaysia yang diterajui oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM) di bawah Bajet Belanjawan 2022, dengan kerjasama Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Inisiatif ini bertujuan menyediakan peranti iaitu Tablet kepada mahasiswa IPT yang berada dalam kelompok B40 bagi memastikan proses pembelajaran mereka terpelihara melalui peruntukan sebanyak RM450 juta. Peranti-peranti tersebut masih dalam proses perolehan yang diuruskan oleh K-KOMM dan bilangan penerima manfaat adalah bergantung kepada terma-terma perolehan di bawah kendalian K-KOMM.

Kementerian sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan buat K-KOMM dan MOF atas usaha dan keprihatinan yang ditunjukkan dalam membantu pelajar B40 IPT. Semoga usaha ini, sedikit sebanyak dapat membantu pelajar bagi memastikan kelangsungan proses PdP secara dalam talian berjalan lancar dan tidak terjejas.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN (BATU)

TARIKH : 20 JULAI 2022 (RABU)

SOALAN : NO. 107

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bila Kerajaan akan mansuhkan AUKU.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa terbuka dalam memastikan AUKU kekal relevan dengan keperluan semasa. Justeru, pelbagai sesi libat urus dengan semua pemegang taruh dan pihak berkepentingan termasuk pelajar bagi menyesuaikan Akta ini telah dipergiatkan sejak dari tahun 2021. Antaranya adalah sesi libat urus bersama Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan (MPPK), Majlis Presiden Persatuan Akademik (MPPA) dan Pengurusan Tertinggi universiti awam (UA) secara berkala.

Terkini, pada bulan Februari 2022, Kementerian telah mengadakan beberapa sesi libat urus bersama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Penasihat Undang-Undang universiti awam dan Bendahari universiti awam. Sesi libat urus juga telah diadakan bersama MPPK pada bulan Mac 2022 bagi mengenal pasti kaedah terbaik memperkasa pelajar terutamanya dalam hal pengurusan aktiviti pelajar dan pengurusan kewangan.

Susulan itu, gerak kerja dalam membangunkan mekanisme umum berbentuk garis panduan telah dilaksanakan oleh pihak pengurusan UA yang melibatkan pengurusan kewangan pelajar, pengurusan aktiviti pelajar dan penglibatan pelajar

dalam aktiviti di dalam dan di luar kampus. Garis panduan ini sedang dalam fasa pemurnian di peringkat Kementerian.

KPT sentiasa terbuka dengan sebarang cadangan penambahbaikan AUKU dan akan mempergiat sesi libat urus dengan semua pemegang taruh berkaitan bagi memastikan penambahbaikan yang dilaksanakan adalah bersifat komprehensif dan merangkumi semua pihak berkepentingan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD (KANGAR)

TARIKH : 26 JULAI 2022 (RABU)

SOALAN : NO. 10

TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD (KANGAR) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang berhenti atau ditamatkan pembelajaran mereka, jika ada, sejak Mac 2020 hingga Mac 2022. Berapa jumlah (dalam peratusan) mengikut sebab-sebab berhenti atau ditamatkan pembelajaran ini.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan Sistem MyMoheS Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), pada tahun 2021, seramai 17,613 pelajar (2.99%) daripada keseluruhan 589,879 pelajar sedia ada telah direkodkan sebagai tidak menamatkan pengajian di Universiti Awam (UA). Pada tahun 2020 pula, seramai 13,291 pelajar (2.27%) daripada 584,576 pelajar sedia ada telah direkodkan tidak menamatkan pengajian. Data rasmi bagi tahun 2022 hanya akan diterbitkan secara rasmi pada awal tahun 2023.

Antara faktor utama yang dikenal pasti adalah masalah kesihatan, masalah peribadi, gagal peperiksaan dan gagal mendaftar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPT dan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) amat prihatin dan sentiasa berusaha membantu pelajar yang menghadapi masalah-masalah tersebut. Antara inisiatif di peringkat kementerian ialah menyediakan kemudahan biasiswa dan bantuan kewangan kepada golongan sasar yang layak termasuk pelajar golongan B40.

KPT menerusi IPTA juga turut menyediakan program intervensi akademik seperti sistem penasihat akademik atau PA, dan program intervensi bukan akademik seperti perkhidmatan kaunseling individu dan berkelompok, *buddy system*, program motivasi, program mentor- mentee, *Academic Special Program* dan pelbagai program lagi dari masa ke semasa bagi membantu pelajar-pelajar di IPTA meneruskan pengajian mereka.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH (SRI GADING)
TARIKH	:	26 JULAI 2022 (RABU)
SOALAN	:	NO. 32

DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH (SRI GADING) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam menyelesaikan isu peningkatan kadar pengangguran graduan Bumiputera secara berterusan beberapa tahun ini.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), kadar kebolehpasaran bagi graduan Bumiputera telah meningkat sebanyak 0.8 peratus kepada 85.5 peratus pada tahun 2021 berbanding 84.7 peratus pada tahun 2020. Dapatan kajian ini juga menunjukkan peratusan graduan Bumiputera pada tahun 2021 yang masih belum bekerja selepas enam (6) bulan menamatkan pengajian mereka adalah pada kadar 14.5 peratus atau 31,431 orang graduan, berbanding 15.3 peratus atau 30,134 orang graduan berbanding tahun sebelumnya.

KPT sentiasa komited untuk memastikan para graduan terutamanya graduan bumiputera dapat diserap oleh industri untuk bekerja sebaik sahaja mereka menamatkan pengajian. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh KPT bagi menempatkan graduan di industri adalah:

1. Melaksanakan program reskilling dan upskilling PENJANA KPT.

2. Melaksanakan Program-program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE).

3. Melaksanakan padanan pekerjaan melalui portal MyFUTUREJobs dengan kerjasama PERKESO.

4. Melaksanakan Program MOHE@Intel Elite Internship.

5. Memperkukuhkan agenda keusahawanan atau Job Creator di IPT menerusi Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025.

Selain inisiatif yang dinyatakan tadi, KPT turut meneruskan pelaksanaan program-program untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran para graduan supaya selari dengan kehendak industri seperti **Program *CEO@KPT*** dan ***Industry@University***. Inisiatif-inisiatif seperti ini berupaya menyediakan prasarana pembelajaran yang terbaik; memperkasa pembelajaran dan penyelidikan; menggarap cetusan idea inovatif; menyediakan pengalaman pembelajaran secara hands on serta kemahiran teknologi digital terkini yang berupaya meningkatkan kadar kebolehpasaran pelajar. KPT amat mengalu-alukan lebih banyak industri untuk terlibat dalam menjayakan program ini di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK
(SIMPANG RENGGAM)

TARIKH : 26 JULAI 2022 (RABU)

SOALAN : NO. 36

DR. MASZLEE BIN MALIK (SIMPANG RENGGAM) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status terkini penubuhan universiti Jepun di Malaysia yang pernah diusahakan semenjak tahun 2019.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan penubuhan Kampus Cawangan Universiti Tsukuba di Malaysia telah diusulkan oleh Mantan YAB Perdana Menteri Malaysia pada Jun 2018. Malaysia dan Jepun juga telah mengadakan pelbagai sesi mesyuarat, perbincangan, lawatan dan kunjungan hormat bagi merealisasikan hasrat ini.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengemukakan draf Memorandum Kerjasama (MOC) Penubuhan Kampus Cawangan Universiti Tsukuba di Malaysia kepada pihak Kementerian Pendidikan, Kebudayaan, Sukan, Sains dan Teknologi Jepun (MEXT) pada November 2021. Pada masa ini, pihak Kerajaan Jepun sedang meneliti draf MOC berkenaan dan dijangka mengemukakan draf akhir kepada Malaysia dalam masa terdekat.

YAB Perdana Menteri dalam pertemuan beliau dengan TYT Perdana Menteri Jepun semasa lawatan kerja rasmi ke Jepun pada 25 hingga 28 Mei 2022 juga telah memaklumkan bahawa kelulusan pendaftaran Kampus Cawangan Universiti Tsukuba di Malaysia akan disegerakan dan pemeteraian Memorandum Kerjasama (MoC) antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Jepun berhubung perkara ini dijangka dapat dimeterai pada bulan November 2022.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN (KALABAKAN)
TARIKH	:	26 JULAI 2022 (RABU)
SOALAN	:	NO. 53

TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN (KALABAKAN) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perancangan dan persedian Kementerian untuk menyarankan kepada pengurusan Universiti Teknologi Mara (UiTM) agar segera dapat menawarkan kursus-kursus peringkat diploma dan ijazah sarjana muda di kampus Tawau selain dari hanya kursus-kursus Pra Perdagangan dan Pra Sains yang sedia ditawarkan sekarang walaupun kampus ini telah diwujudkan lebih 15 tahun. Dengan penawaran kursus-kursus tersebut ibu bapa pelajar dari sekitar Lahad Datu, Kunak, Semporna, Tawau dan Kalabakan dapat berjimat daripada menanggung kos tambang perjalanan anak-anak yang agak tinggi jika mereka melanjutkan pembelajaran di Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

UiTM Kampus Tawau telah diisytiharkan sebagai Kampus Kota di mana ia berperanan sebagai feeder campus untuk kursus-kursus diploma yang ditawarkan oleh UiTM seluruh Malaysia khususnya UiTM Cawangan Sabah, Kampus Kota Kinabalu. UITM Kampus Tawau akan menawarkan program-program berikut pada tahun 2023:

i) Diploma Pengurusan Perladangan: Unjuran pelajar 120 orang;

ii) Diploma Pengurusan Perniagaan (Pengangkutan): Unjuran pelajar 60 orang; dan

iii) Diploma Keusahawan Tani: Unjuran pelajar 120 orang.

Ini adalah berdasarkan kedudukan strategik Kampus Tawau yangdikelilingi oleh sektor pertanian/ perladangan, program-program yang berteraskan pertanian/ perladangan dan juga logistik adalah amat sesuai dan mampu menjadi menyumbang utama dalam sektor tersebut. Kementerian dan UITM yakin penawaran program-program diploma ini akan membolehkan pelajar dari sekitar Lahad Datu, Kunak, Semporna, Tawau dan Kalabakan untuk mengikuti pengajian tinggi yang berhampiran dengan rumah mereka tanpa perlu mengeluarkan perbelanjaan yang besar. Disamping itu, berdasarkan Pelan Strategik UiTM 2020–2025, UiTM Cawangan Sabah akan memainkan peranan penting dalam memastikan UiTM mencapai sasaran menjadi *Globally Renowned University* menjelang 2025 melalui penawaran program tambahan ini.

Sekian terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN BARU BIAN (SELANGAU)

TARIKH : 26 JULAI 2022 (RABU)

SOALAN : NO. 77

TUAN BARU BIAN (SELANGAU) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah proses pemilihan program biasiswa TVET Dermasiswa B40 untuk pelajar B40 yang melanjutkan pengajian dalam pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) akan dilaksanakan. Adakah terdapat kuota untuk Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program penajaan pendidkan merupakan satu strategi penting yang menyumbang kepada peluang pendidikan khususnya di peringkat pengajian tinggi. Sejajar dengan hasrat Kerajaan memastikan akses terbaik kepada peluang pendidikan dilaksanakan melalui RMKe-12 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa berusaha mewujudkan program-program penajaan baharu yang dapat memberikan peluang terutamanya kepada golongan B40, untuk meneruskan pendidikan di peringkat pengajian tinggi. Dalam hal ini, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan Program Dermasiswa Kumpulan B40 Bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (Program Dermasiswa B40 TVET) sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri di Majlis Perasmian Minggu TVET Negara 2022 pada 20 Jun 2022.

Program Dermasiswa B40 TVET mensasarkan pelajar B40 yang melanjutkan pengajian di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda dalam bidang TVET di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di bawah seliaan KPT yang merangkumi Universiti Awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti. Menerusi program dermasiswa ini, pelajar yang terpilih akan menerima pembiayaan yuran pengajian dan elaun wang saku sepanjang tempoh pengajian mereka.

Pemilihan pelajar-pelajar sebagai penerima Program Dermasiswa B40 TVET adalah dibuat berdasarkan maklumat pendapatan keluarga yang ditetapkan pada kadar RM4,850 dan ke bawah. Penetapan ini adalah berasaskan kepada had pendapatan isi rumah yang sedang berkuat kuasa sebagaimana yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Pemilihan pelajar yang layak ini dilaksanakan tanpa mengira faktor kaum, ras, agama, kuota negeri dan lokaliti. Selain itu, semakan silang turut dibuat berpandukan data program e-Kasih (Jabatan Perdana Menteri) dan data Bantuan Keluarga Malaysia (Lembaga Hasil Dalam Negeri) bagi memastikan kelayakan penerima.

Terkini, hebahan penawaran Program Dermasiswa B40 TVET ini bagi fasa pertama telah dilaksanakan menerusi platform UPUOnline pada 22 Julai 2022, melibatkan para pelajar yang mengikuti pengajian di peringkat diploma.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN
(PAPAR)

TARIKH : 26 JULAI 2022 (RABU)

SOALAN : NO. 79

TUAN AHMAD BIN HASSAN (PAPAR) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi melahirkan '*Future Proof University & Graduates*' di universiti tempatan dan universiti swasta di seluruh negara.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa memantau kurikulum yang dibangunkan oleh Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) agar memenuhi keperluan industri secara optimum dan memberi impak tinggi kepada masyarakat serta negara dalam usaha melahirkan *Future Proof Graduates*. Antara inisiatif utama yang telah dilaksanakan ialah melalui *Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape* atau lebih dikenali sebagai EXCEL.

EXCEL merupakan satu kerangka transformasi program akademik yang mengintegrasi elemen industri, komuniti, penyelidikan dan fleksibiliti (*personalised*) dalam menghasilkan graduan yang mempunyai atribut dan kemahiran. Kerangka ini memberi penekanan terhadap pembelajaran berasaskan pengalaman dan kompetensi bagi memupuk pembangunan graduan yang lebih holistik. Selain itu, EXCEL bertindak sebagai pemacu transformasi program akademik bagi menghasilkan graduan yang mempunyai daya tahan dan keupayaan untuk menghadapi serta menerima perubahan (*Resilient and Change-Ready Talent*).

Universiti Awam (UA) kini sedang menerapkan kerangka EXCEL dalam kurikulum bagi program akademik yang baharu dan juga melalui semakan kurikulum bagi program akademik sedia ada, agar dapat menghasilkan graduan yang memperoleh kemahiran holistik sebagai pengamal pembelajaran sepanjang hayat (*lifelong learners*), usahawan inovatif (*innovative entrepreneurs*), pengamal kreatif (*creative practitioners*) dan pengaruh perubahan (change-makers). Pada masa yang sama, KPT juga komited untuk memastikan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bergerak ke arah industri berimpak tinggi selaras dengan pengiktirafan IPTS sebagai sebuah industri. Justeru, Kementerian telah melancarkan dokumen *Way Forward for Private Higher Education Institutions Education as an Industry (2020-2025)* yang menjadi dokumen pelan tindakan strategik pemantapan IPTS sebagai sebuah industri seterusnya menjadi universiti yang mampu melahirkan graduan kalis masa hadapan.

Pasukan Petugas Kebangsaan Pemudahcara IPTS Sebagai Industri (PEMUDAH IPTS) juga telah ditubuhkan bagi mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi oleh IPTS dalam usaha untuk memacu pertumbuhan IPTS sebagai sebuah industri dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Sebanyak 37 inisiatif telah dikenal pasti melibatkan pindaan dan penambahbaikan kepada dasar, kriteria, proses, prosedur, akta, serta peraturan-peraturan sedia ada supaya kekal relevan dan seiring dengan perkembangan semasa. Ini adalah merupakan salah satu usaha Kementerian untuk menyediakan pemimpin, kakitangan, pelajar serta graduan IPTS ke arah *future proof university & graduates* di IPTS.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
(LEDANG)

TARIKH : 26 JULAI 2022 (RABU)

SOALAN : NO. 82

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH (LEDANG) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan hasil dapatan dan langkah ke hadapan yang dapat dirangka sepanjang lawatan Menteri ke Turki, Amerika Syarikat, United Kingdom dan negara-negara luar lain sebelum ini.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Secara umumnya, lawatan kerja Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ke luar negara adalah bertujuan untuk memastikan momentum hubungan kerjasama dua hala antara Malaysia dengan negara-negara luar dapat dipertingkat ke tahap yang lebih strategik menerusi peluang kerjasama baharu dalam bidang pendidikan tinggi. Kerjasama dua hala tersebut melibatkan universiti-universiti di Malaysia dengan rakan-rakan universiti di negara-negara yang telah dilawati. Ia merangkumi pertukaran dan mobiliti pelajar, pertukaran kepakaran dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), penyelidikan dan pembangunan kapasiti. Sebanyak 12 Memorandum Persefahaman (MoU)/ Memorandum Perjanjian (MoA) telah dimeterai di peringkat institusi sepanjang lawatan kerja ke India, Qatar, United Kingdom, Romania dan Türkiye.

Dalam usaha untuk memartabatkan sektor pendidikan tinggi negara, Malaysia sentiasa mengambil peluang memperkukuh agenda pengantarabangsaan pendidikan tinggi negara. Salah satunya menerusi komitmen antara Malaysia dengan Qatar berhubung cadangan penubuhan kampus cawangan Universiti Kebangsaan Malaysia

(UKM) di Qatar. Penubuhan kampus cawangan ini akan membuka prospek pasaran yang lebih meluas terhadap jenama pendidikan tinggi Malaysia yang berkualiti di Qatar dan ke pasaran Asia Barat bagi menggalakkan kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia. Pembukaan cawangan UKM di Qatar akan turut meningkatkan penjanaan universiti. KPT juga terus komited dalam memastikan Malaysia terus aktif di peringkat serantau dan antarabangsa menerusi pelbagai persidangan, seminar, bengkel dan mesyuarat. Antaranya adalah melalui penyampaian ucap tama semasa Education World Forum (EWF) 2022 di London, United Kingdom dan EduData Summit (EDS) 2022 di New York, Amerika Syarikat. Penyertaan KPT di dalam persidangan ini dilihat menjadi pemangkin usaha bagi memantapkan lagi sistem pendidikan tinggi negara.

Selain itu, perjumpaan dengan pihak-pihak berkepentingan dalam tempoh lawatan kerja negara-negara tersebut juga turut diadakan. Antaranya termasuklah bersama Pengarah Urusan Quacquarelli Symonds (QS) bagi membincangkan pencapaian keseluruhan institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia, di mana 24 buah IPT telah tersenarai dalam QS World University Ranking 2023 (QS WUR) buat pertama kalinya pada tahun ini. Pihak QS juga telah berkongsi pandangan tentang beberapa kaedah yang boleh dilaksanakan oleh pihak universiti bagi memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh QS dengan lebih berkesan di samping membincangkan bidang-bidang yang perlu diberi fokus utama bagi membantu universiti-universiti untuk disenaraikan dalam ranking QS.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
(BANDAR KUCHING)

TARIKH : 26 JULAI 2022 (RABU)

SOALAN : NO. 88

DR. KELVIN YII LEE WUEN (BANDAR KUCHING) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pendirian Kementerian untuk meminda AUKU untuk memberikan lebih banyak autonomi kepada persatuan-persatuan mahasiswa di setiap universiti termasuk universiti awam.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Dalam usaha memberdaya pelajar universiti awam (UA), pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] atau AUKU telah dilaksanakan pada tahun 2012 dan 2019 bagi memberi lebih kebebasan kepada mahasiswa untuk bersuara dan memberi pendapat. Pindaan yang dilakukan pada tahun 2012 membolehkan mahasiswa menyertai kegiatan parti politik di luar kampus. Manakala pindaan pada tahun 2019 pula telah memberikan kebebasan kepada pelajar menyertai aktiviti parti politik di dalam kampus. Kedua-dua pindaan ini telah memberikan impak yang signifikan dalam memberi kebebasan serta menyediakan ruang untuk pelajar menyertai aktiviti parti politik.

Bagi mengenal pasti kaedah terbaik memperkasa pelajar terutamanya dalam hal pengurusan aktiviti pelajar dan pengurusan kewangan, sesi libat urus juga telah dilaksanakan dalam bulan Februari 2022 bersama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Penasihat Undang-Undang UA dan Bendahari UA. Pada Mac 2022 pula, satu sesi libat urus telah diadakan bersama Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan (MPPK).

Selain itu, satu gerak kerja dalam membangunkan mekanisme umum berbentuk garis panduan juga telah dilaksanakan. Empat (4) buah jawatankuasa di peringkat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UA telah ditubuhkan pada Mac 2022 bagi melihat cadangan penambahbaikan oleh MPPK dan membangunkan garis panduan bersesuaian untuk digunakan oleh UA.

Garis panduan ini kini dalam peringkat pemurnian di peringkat Kementerian dan akan dibawa kepada pihak MPPK pada minggu pertama bulan Ogos 2022 bagi melihat kebolehlaksanaan sebelum ia diedarkan untuk pemakaian di setiap UA.

Kementerian sentiasa berusaha memastikan kepentingan, kebebasan dan autonomi pelajar dalam berpersatuan dan penglibatan dalam politik diimbangi dengan tadbir urus Universiti Awam yang diperkasa dalam membentuk ekosistem pengajian tinggi yang dinamik serta menyeluruh dari segi dasar dan tata kelola.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH (SABAK BERNAM)

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN : NO. 11

DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH (SABAK BERNAM) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan dan kadar graduan yang menganggur bagi tempoh 2020, 2021 dan terkini 2022 dan nyatakan langkah berterusan Kementerian bagi mengurangkan kadar pengangguran di kalangan graduan khususnya dalam melahirkan graduan yang mempunyai pelbagai bakat dan skill (multi talents and skills) bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), bilangan graduan yang belum bekerja selepas enam (6) bulan menamatkan pengajian pada tahun 2020 adalah seramai 40,550 orang atau 15.6 peratus daripada 260,701 graduan warganegara yang menamatkan pengajian serta menjawab kajian pada tahun tersebut. Pada tahun 2021 pula, terdapat seramai 41,467 orang atau 14.5 peratus bilangan graduan yang belum bekerja daripada 286,299 graduan warganegara yang menamatkan pengajian.

Kementerian Pengajian Tinggi amat mengambil berat tahap kebolehpasaran para graduan dan melaksanakan inisiatif secara berterusan bagi memastikan bakat dan kemahiran yang pelbagai (*multi talents and skills*) dapat diberikan kepada mereka. Antara inisiatif yang

dilaksanakan adalah:

i. Melaksanakan semakan dan penambahbaikan kurikulum secara berkala;

ii. Membangunkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025.

iii. Memperkukuhkan program pengajian berasaskan pengalaman;

iv. Melaksanakan padanan pekerjaan kepada graduan menerusi kolaborasi dengan PERKESO;

v. Memperkukuhkan agenda keusahawanan atau *Job Creator* di IPT menerusi Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021- 2025; dan

vi. Melaksanakan program latihan kemahiran dan peningkatan kemahiran melalui PENJANA KPT dan Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE)

Pihak Kementerian percaya inisiatif berterusan ini akan dapat membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL (MAS GADING)

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN : NO. 18

TUAN MORDI BIMOL (MAS GADING) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah cabaran dan usaha Kementerian untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan TVET menyambung pelajaran ke peringkat pengajian tinggi kerana masih ramai graduan TVET berhadapan kesukaran menyambung pelajaran.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) amat menekankan kualiti program TVET dan sentiasa berusaha meningkatkan kebolehpasaran graduan dalam memenuhi keperluan tenaga kerja negara. Secara purata, kadar kebolehpasaran graduan bagi politeknik dan kolej komuniti bagi tempoh lima (5) tahun adalah melebihi 90%. Bagi merealisasikan pencapaian cemerlang graduan, pelbagai isu dan cabaran perlu ditangani antaranya kompetensi graduan, keperluan pembangunan kurikulum selaras dengan teknologi digital dan IR 4.0, peningkatan kemahiran graduan mengikut keperluan industri semasa, kolaborasi industri dalam aspek perkongsian fasiliti dan penyelarasan dasar TVET dalam peringkat nasional.

Bagi mengatasi cabaran dalam melahirkan graduan yang cemerlang dan mempertingkat kebolehpasaran graduan, Kementerian telah melaksanakan beberapa inisiatif berikut:

i) Memperkasa kualiti program pengajian TVET di politeknik dan kolej komuniti melalui pematuhan *Code of Practice for TVET Programme* (COPTPA);

ii) Memperkukuh kerjasama industri dalam pelbagai aspek antaranya tadbir urus, perkongsian maklumat, perkongsian teknologi dan pembangunan program. Antaranya penglibatan dan input industri melalui pelantikan *Industry Advisory Council* (IAC), Jawatankuasa Penasihat Industri dalam pembangunan kurikulum serta penglibatan industri di dalam kampus melalui penubuhan *Industry on Campus* (IOC);

iii) Program pengajian berasaskan industri telah dilaksanakan bersama pihak industri iaitu:

   a) pendekatan pembelajaran *industry-led training seperti Work- Based Learning (WBL)* serta latihan industri (LI) yang memfokuskan penempatan pelajar di industri sebelum mereka bergraduat; dan

   b) pelaksanaan Structured Internship Programme (SIP);

iv) Pelaksanaan 4IR Flagships sebagai signature program dalam menangani teknologi 4IR dalam pendidikan dan ke arah digital TVET; dan

v) Memperkukuh kemahiran pelajar melalui aktiviti keusahawanan dan mempergiat pembangunan perniagaan semasa dalam pengajian.

Selain bekerja selepas tamat pengajian, graduan TVET turut berpeluang menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi khususnya ke universiti awam (UA) berdasarkan syarat-syarat kelayakan masuk yang ditetapkan. Bagi graduan TVET yang terdiri daripada Diploma Politeknik, Diploma Vokasional Malaysia (DVM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM), mereka boleh memohon melanjutkan pengajian di peringkat sarjana muda ke 20 Universiti Awam (UA) melalui UPUOnline. Selain itu, graduan TVET juga berpeluang menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi melalui laluan (pathway) artikulasi program TVET di politeknik dan kolej komuniti dengan program di rangkaian universiti-universiti teknikal Malaysia atau MTUN.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN (IPOH BARAT)

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN : NO. 30

TUAN M. KULASEGARAN (IPOH BARAT) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:-

(a) jumlah pengambilan siswa-siswi ke universiti awam mengikut jurusan dan kaum mulai tahun 2015 hingga tahun 2021; dan

(b) syarat yang ditetapkan dan didasarkan oleh universiti tempatan yang di mana menganugerahi beribu-ribu PhD setiap tahun.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

(a)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan tawaran kemasukan mengikut bidang Lepasan STPM/ Matrikulasi/ Asasi bagi tempoh 2015 hingga 2021 adalah seperti berikut; Pendidikan (19,420 calon), Sastera & Kemanusiaan (29,015 calon), Sains Sosial, Perniagaan & Undang-undang (103,429 calon), Sains, Matematik & Perkomputeran (57,638 calon), Kejuruteraan, Pembuatan & Pembinaan (68,112 calon), Pertanian & Veterinar (4,402 calon) Kesihatan & Kebajikan (18,448 calon) dan Perkhidmatan (10,920 calon).

Bagi jumlah keseluruhan kemasukan pelajar Lepasan STPM/ Matrikulasi/ Asasi bagi tempoh 2015 hingga 2021 pula adalah: Bumiputera sebanyak 237,120 calon, Cina 53,288 calon, India 16,182 calon dan Lain-Lain 4,794 calon.

Tan Sri Yang di-Pertua,

(b)

Program Kedoktoran atau PhD yang melalui penilaian jaminan kualiti MQA perlu mematuhi Standard Ijazah Sarjana dan Kedoktoran yang merupakan dokumen rujukan dalam menawarkan program pascasiswazah di Malaysia. Sebagai usaha memastikan kualiti program Ijazah Kedoktoran sentiasa kekal seiring dengan perkembangan semasa dan keperluan antarabangsa, pembangunan standard dan semakan semula telah dilaksanakan dengan melibatkan panel pakar akademik dan industri. Antara keperluan standard yang khusus bagi program Ijazah Kedoktoran adalah:

(i) keperluan untuk memenuhi tempoh lazim pengajian antara tiga (3) hingga empat (4) tahun;

(ii) penghasilan tesis dinilai oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang pemeriksa dalam bidang penyelidikan yang mana salah satunya adalah pemeriksa luar. Pemeriksa yang dilantik juga perlu mempunyai pengalaman dalam penyelidikan dan penerbitan bidang yang berkaitan;

(iii) penghasilan tesis memenuhi hasil pembelajaran program bagi tahap Kedoktoran (Tahap 8 MQF);

(iv) IPT yang menawarkan program Ijazah Kedoktoran perlu menyedia garis panduan dan prosedur berkaitan struktur dan format penyediaan tesis berdasarkan keperluan standard program yang berkaitan; dan

(v) pelantikan penyelia yang berkelayakan dan mencukupi serta mematuhi nisbah penyelia kepada pelajar seperti yang dikehendaki dalam standard program.

Kesemua perkara yang dinyatakan di atas juga adalah tertakluk kepada proses akreditasi penuh dan audit pematuhan oleh MQA.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN : NO. 45

TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha Kementerian bagi menggalakkan lebih ramai lepasan sekolah menyertai program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi mengatasi isu kekurangan sumber tenaga dalam bidang industri kini. Apakah insentif tambahan Kementerian selain skim pinjaman sedia ada yang mana realitinya ia hanya menambah beban hutang pinjaman pelajaran sedia ada.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melaksanakan rangka promosi sepanjang tahun bagi menggalakkan pelajar lepasan SPM menyambung pengajian ke politeknik dan kolej komuniti dalam pelbagai bentuk penyampaian, antaranya melalui platform media sosial, media massa (radio dan televisyen), promosi secara maya, promosi media cetak dan promosi POLYCC secara fizikal di sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sebanyak 36 politeknik dan 105 kolej komuniti yang menawarkan 92 program pengajian pelbagai peringkat dan bidang. Antara faktor yang boleh menarik minat pelajar adalah syarat kelayakan masuk yang minimum iaitu lulus sijil SPM bagi kemasukan program peringkat sijil serta program bercirikan TVET di politeknik dan kolej komuniti. Selain itu, lokasi politeknik dan kolej komuniti yang hampir dengan komuniti setempat juga menjadi tarikan kepada para ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke institusi pilihan.

Kerajaan juga turut menyediakan kemudahan akses pendidikan TVET kepada para belia yang mana dianggarkan 80% kemudahan program TVET oleh penyedia TVET adalah percuma, selain pelajar juga layak menerima elaun kemahiran. Selain itu, insentif sedia ada di KPT adalah Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK) kepada para pelajar daripada keluarga B40 yang mengikuti pengajian di peringkat sijil di Kolej-kolej Komuniti.

Di samping itu, KPT turut mengisytiharkan insentif baharu kepada pelajar B40 yang layak bermula ambilan 2022/2023 iaitu Dermasiswa TVET B40. Pelajar di politeknik dan kolej komuniti peringkat diploma dan ijazah sarjana muda juga berpeluang untuk mendapat pembiayaan daripada institusi yang menawarkan dermasiswa/ bantuan kepada pelajar-pelajar di politeknik dan kolej komuniti, antaranya adalah Yayasan Tenaga Nasional, Yayasan Sime Darby, dan Lembaga Zakat Negeri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG (BUKIT MERTAJAM)

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN : NO. 78

TUAN SIM CHEE KEONG (BUKIT MERTAJAM) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status kes kejutan elektrik di asrama UUM yang meragut nyawa mangsa Vinosiny Sivakumar serta langkah-langkah memastikan litar elektrik di universiti kita selamat.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Terlebih dahulu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sekali lagi ingin mengucapkan takziah kepada keluarga mendiang Vinosiny Sivakumar atas pemergian beliau.

Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat, kes yang dinyatakan ini adalah masih dalam siasatan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Sehubungan dengan itu, KPT masih belum menerima sebarang maklum balas daripada pihak PDRM. Oleh yang demikian, KPT buat masa ini tidak dapat menyatakan sebarang status berhubung kes ini supaya tidak mengganggu proses siasatan yang berlangsung. Walau bagaimanapun, semua pihak yang berkaitan termasuk pihak Universiti Utara Malaysia (UUM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kimia Malaysia telah memberikan kerjasama sepenuhnya bagi memastikan siasatan dapat dijalankan dengan lancar dan telus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KPT memandang serius dan sentiasa memberi perhatian terhadap isu kebajikan dan keselamatan pelajar. Dalam hal ini, Kementerian telah mengarahkan semua Universiti Awam (UA) agar menilai semula aspek keselamatan fasiliti masing-masing. Setiap institusi perlu melaksanakan kajian secara menyeluruh termasuk memperkukuhkan aspek tadbir urus dan pengurusan penyelenggaraan bangunan supaya lebih selamat untuk diduduki.

Kementerian turut ingin menegaskan bahawa soal keselamatan dan kebajikan pelajar sentiasa menjadi keutamaan dalam memastikan suasana pembelajaran mahasiswa di dalam kampus sentiasa berada di tahap selamat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL
(PANDAN)

TARIKH : 1 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN : NO. 106

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL (PANDAN) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah statistik terkini kebolehpasaran graduan selepas pelbagai program seperti My Future Jobs, PENJANA dan usaha telah dilaksanakan dan dilakukan oleh pihak Kementerian untuk memastikan graduan-graduan mendapat pekerjaan yang bersesuaian.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap kebolehpasaran para graduan sebaik sahaja mereka menamatkan pengajian. Pelbagai program dan inisiatif latihan kemahiran dan peningkatan kemahiran telah dilaksanakan bagi memastikan mereka diterima oleh industri dan ditawarkan pekerjaan. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:

i. **Program PENJANA KPT-*CAP dan KPT-PACE*;**

Program ini telah dilaksanakan bagi memberi latihan kemahiran tambahan dan persijilan profesional serta menjamin penempatan pekerjaan kepada para graduan melalui *Letter of Commitment* (LOC) yang dikemukakan oleh industri sebaik sahaja mereka menamatkan latihan; atau melaksanakan perniagaan yang boleh menjana pendapatan kepada mereka. Inisiatif ini telah dimulakan pada tahun 2020 dan diteruskan pada tahun 2022.

Sepanjang inisiatif ini dilaksanakan sehingga Jun 2022, sejumlah 31,100 orang graduan menganggur telah berjaya ditempatkan di industri atau menjana pendapatan.

ii. **Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE);**

Program intervensi ini juga turut memberikan kemahiran tambahan kepada graduan yang dikenal pasti rendah pencapaian akademik mereka melalui Purata Nilai Gred Keseluruhan (CGPA 3.3 ke bawah) atau daripada program-program pengajian yang rendah kadar kebolehpasarannya (kadar kebolehpasaran 50 peratus ke bawah). Peserta program ini turut dijamin pekerjaan sebaik sahaja mereka menamatkan latihan. Daripada tahun 2020 hingga Jun 2022, sejumlah 2,196 graduan telah berjaya ditempatkan di industri melalui inisiatif ini.

iii. **Melaksanakan padanan pekerjaan melalui portal MyFUTUREJobs dengan kerjasama PERKESO;**

Melalui jalinan kolaborasi utuh antara KPT dan PERKESO, graduan yang masih belum bekerja akan dipadankan dengan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan apabila mereka mendaftar di portal MyFutureJobs di bawah seliaan PERKESO. Sehingga Jun 2022, seramai 171,698 graduan telah berjaya ditempatkan di industri melalui inisiatif yang dilaksanakan ini.

Impak kepada pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan ini dapat dilihat menerusi peningkatan kadar kebolehpasaran graduan sebanyak 1.1 peratus kepada 85.5 peratus pada tahun 2021 berbanding 84.4 peratus pada tahun 2020 yang diperolehi menerusi Kajian Pengesanan Graduan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Kajian ini juga menunjukkan peningkatan dalam graduan yang telah bekerja dalam tempoh enam (6) bulan setelah bergraduasi daripada 156,525 orang pada tahun 2020 kepada 176,256 orang graduan pada tahun 2021.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AKHMAL NASRULLAH BIN MOHD NASIR
(JOHOR BAHRU)

TARIKH : 4 OGOS 2022 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 2

TUAN AKHMAL NASRULLAH BIN MOHD NASIR (JOHOR BAHRU) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian dan universiti awam untuk membantu mahasiswa universiti yang tercicir termasuk yang tidak dapat meneruskan pengajian atau terpaksa menangguhkan pengajian akibat dampak pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian sentiasa mengambil berat mengenai kebajikan semua pelajar termasuklah pelajar yang tercicir disebabkan oleh Pandemik COVID-19. Tidak ada masalah untuk mana-mana pelajar yang terpaksa menangguhkan pengajian akibat COVID-19 untuk menyambung kembali pengajian di universiti masing-masing.

Secara dasarnya, pelajar-pelajar yang tidak menamatkan pengajian **boleh memohon semula melalui *UPUOnline***. KPT menerusi IPTA turut menyediakan **program intervensi akademik** seperti sistem penasihat akademik atau PA, dan program intervensi bukan akademik seperti perkhidmatan kaunseling individu dan berkelompok, *buddy system*, program motivasi, program mentor-mentee, *Academic Special Program* dan program kesedaran dari semasa ke semasa bagi membantu pelajar-pelajar di IPTA meneruskan pengajian mereka.

Inisiatif kementerian melalui **Agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat** seperti yang dinyatakan dalam Lonjakan 3: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025 adalah merupakan inisiatif KPT bagi memastikan peluang pembelajaran sentiasa terbuka kepada semua peringkat masyarakat. Sebagai menyokong agenda ini, Kementerian melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) juga turut menggalakkan penyertaan dalam kursus-kursus ***Microcredentials*** yang dilaksanakan di IPT. Sijil yang diperoleh daripada kursus *Microcredentials* membolehkan seseorang untuk membuat pemindahan kredit apabila mendaftar ke program pengajian di IPT.

Kementerian juga menyediakan laluan alternatif untuk kemasukan ke IPT melalui Laluan ***Accreditation of Prior Experiential Learning*** (APEL) atau dikenali sebagai APEL.A. Laluan APEL.A untuk kemasukan ke program pengajian di IPT tidak memerlukan sebarang kelayakan formal.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN (SIK)

TARIKH : 4 OGOS 2022 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 11

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN (SIK) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perbelanjaan Kementerian bagi penarafan universiti dalam ranking dunia dan relevansi penarafan ranking dunia ini mempengaruhi pengeluaran kualiti graduan, termasuk pelajar dari luar negara.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) tidak mempunyai peruntukan yang khusus bagi perbelanjaan kepada penarafan universiti dalam ranking dunia. Penarafan yang diterima daripada agensi ranking dunia adalah hasil daripada inisiatif oleh pihak universiti dan melalui peruntukan sedia ada yang telah diberikan oleh Kerajaan dalam bentuk geran penyelidikan dan hasil daripada pembelajaran dan penyelidikan.

Penarafan dalam ranking dunia adalah relevan dalam konteks pengiktirafan sistem pendidikan tinggi Malaysia secara amnya dan mempengaruhi pengeluaran kualiti graduan, termasuk pelajar dari luar negara. Ini disebabkan terdapat elemen reputasi akademik dan reputasi majikan dalam sistem penarafan dunia yang dikeluarkan oleh *QS World University Rankings* sebagai manifestasi keberhasilan graduan yang berkualiti. Oleh yang demikian, ia pastinya menjadi faktor penarik untuk pelajar antarabangsa meneruskan pengajian di Malaysia.

Ranking boleh digunakan sebagai penanda aras dan petunjuk kualiti sistem pendidikan tinggi negara. Namun begitu, ia tidak sepatutnya dilihat sebagai ukuran kualiti yang mutlak. Pengiktirafan antarabangsa melalui ranking ini penting bagi

memposisikan pendidikan tinggi negara di peringkat antarabangsa, selain membantu institusi dalam mempromosi dan menarik pelajar antarabangsa dan penyelidik terkemuka dunia untuk menjalankan kerjasama penyelidikan dengan universiti tempatan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI HAJI IDRIS BIN JUSOH (BESUT)

TARIKH : 4 OGOS 2022 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 17

TAN SRI HAJI IDRIS BIN JUSOH (BESUT) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian mereka sebagai hab pendidikan tinggi pilihan di peringkat global.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah melaksanakan pelbagai program promosi dan aktiviti untuk meneroka pasaran baharu serta menambah baik hubungan diplomasi antarabangsa. Ini dilaksanakan melalui Bahagian Education Malaysia (BEM) dan pejabat Education Malaysia Luar Negara (EMLN), dengan kerjasama *Education Malaysia Global Services* (EMGS) yang bertanggungjawab mempromosikan pendidikan tinggi di luar negara.

Usaha-usaha yang dilaksanakan adalah menjurus kepada mempromosikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi pilihan di peringkat global di samping turut menjadi destinasi pilihan untuk pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian.

Antara promosi dan inisiatif yang dilaksanakan termasuklah:

(i) Kempen berterusan secara fizikal dan maya. Ini termasuklah melalui penyertaan dalam acara-acara pameran, mesyuarat-mesyuarat perniagaan, seminar dan lawatan, misi kemasukan pasaran, libat urus bersama

persatuan-persatuan pelajar antarabangsa dan program bersama alumni antarabangsa.

(ii) Inisiatif *EducationMalaysia4U Diplomacy Tour*, yang mana aktiviti libat urus dilaksanakan oleh pejabat EMLN dengan pihak di luar negara bersama-sama dengan pihak Kedutaan bagi meneroka potensi pasaran baharu. Contoh program yang telah dilaksanakan ialah libat urus *Malaysia-China Higher Education*, *Education Malaysia Jordan Coverage Country Engagement* dan lain-lain lagi. Baru-baru ini juga pejabat *Education Malaysia* Indonesia telah bekerjasama dengan EMGS menganjurkan "Pameran Ayo Kuliah di Malaysia 2022" di Pekanbaru melibatkan 27 universiti awam, swasta dan antarabangsa Malaysia.

(iii) Inisiatif *i-EducationMalaysia4U* yang menggunakan medium berasaskan digital seperti aplikasi mudah alih dan media sosial sebagai mekanisme penyebaran maklumat di peringkat global dengan lebih cepat dan berkesan. Antara program yang telah dilaksanakan menggunakan platform *i-EducationMalaysia4U* ini adalah seperti *Asia Pacific University Info Day @ EM Dubai*, *Education For The Future Series 2022 "Session 3: Build + Engage With Oil And Gas Professionals: Study At UTHM Malaysia"*, penyertaan dalam *Jordan International Exhibition for Higher Education (JIEHE)*, dan Majlis Guru Bimbingan Kaunseling (MGBK) *CAREER DAY* 2022.

(iv) Program *MyAlumni@EducationMalaysia4U*. Program melibatkan alumni yang pernah menyambung pengajian di Malaysia. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan ialah *The Launching of Study In Malaysia Mobility Ambassador oleh Education Malaysia Australia*, Program Alumni *Testimoni Provider* oleh pejabat *Education Malaysia* Jordan, *Malaysian Universities Alumni* di Mesir dan program bersama *Malaysian Alumni Council of China*.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI (PADANG SERAI)

TARIKH : 4 OGOS 2022 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 30

TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI (PADANG SERAI) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar yang memasuki IPTA pada setiap tahun dan agihan purata mengikut kaum.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, purata kemasukan pelajar lepasan STPM/Matrikulasi/Asasi untuk lima (5) tahun terkini bagi **Bumiputera adalah sebanyak 37,701 (77.65%), manakala Bukan Bumiputera sebanyak 10,854 (22.35%)**. Purata kadar penawaran berbanding permohonan yang layak bagi calon Bumiputera untuk tempoh lima (5) tahun adalah sebanyak 83.67% berbanding 45,059 calon Bumiputera yang layak. Manakala purata kadar penawaran bagi tempoh yang sama bagi calon Bukan Bumiputera ialah 86.62% berbanding 12,531 calon Bukan Bumiputera yang layak.

Dalam konteks purata penawaran kepada calon **Bumiputera mengikut bidang bagi tempoh lima (5) tahun terkini** adalah seperti berikut:

(i) Pendidikan – 2,983 calon;
(ii) Sastera & Kemanusiaan – 4,161 calon;
(iii) Sains Sosial, Perniagaan & Undang-undang – 12,725 calon;
(iv) Sains, Matematik & Perkomputeran – 6,398 calon;

(v) Kejuruteraan, Pembuatan & Pembinaan – 7,272 calon;
(vi) Pertanian & Veterinar – 493 calon;
(vii) Kesihatan & Kebajikan – 2,205 calon; dan
(viii) Perkhidmatan – 1,464 calon.

Manakala purata penawaran kepada calon **Bukan Bumiputera mengikut bidang** bagi tempoh yang sama adalah seperti yang berikut:

(i) Pendidikan – 357 calon;
(ii) Sastera & Kemanusiaan – 708 calon;
(iii) Sains Sosial, Perniagaan & Undang-undang – 3,961 calon;
(iv) Sains, Matematik & Perkomputeran – 2,239 calon;
(v) Kejuruteraan, Pembuatan & Pembinaan – 2,579 calon;
(vi) Pertanian & Veterinar – 126 calon;
(vii) Kesihatan & Kebajikan – 650 calon; dan
(viii) Perkhidmatan – 235 calon.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI
(TUMPAT)

TARIKH : 4 OGOS 2022 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 33

DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI (TUMPAT) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status kemampuan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dalam memberi pinjaman kepada para pelajar di kala masih ramai peminjam yang sudah menamatkan pengajian belum melunaskan hutang sepenuhnya kepada PTPTN.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Secara puratanya, PTPTN telah meluluskan pinjaman kepada 180,000 peminjam baharu setiap tahun dengan jumlah peruntukan antara RM3.5 bilion hingga RM4 bilion setahun. Mengambil kira model pembiayaan PTPTN yang bergantung kepada kutipan bayaran balik daripada peminjam sebagai sumber utama dana pusingan, sebahagian besar keperluan peruntukan pembiayaan pinjaman PTPTN adalah berdasarkan kepada kutipan bayaran balik yang diterima. Dalam perkara ini, sebarang kekurangan akan ditampung melalui pinjaman/pengeluaran sukuk dengan jaminan Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2022, seramai 2.05 juta (82.04%) peminjam telah membuat bayaran balik pinjaman mereka dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM17.83 bilion. Berdasarkan kedudukan kewangan PTPTN serta komitmen Kerajaan, PTPTN masih berupaya untuk memberikan pinjaman pendidikan kepada pelajar yang layak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING (KULAI)

TARIKH : 4 OGOS 2022 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 34

PUAN TEO NIE CHING (KULAI) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil untuk memastikan mutu profesor supaya tiada profesor kangkung di universiti tempatan.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kakitangan akademik universiti awam (UA) yang dilantik ke jawatan profesor penuh telah melalui pelbagai kaedah tapisan serta pengukuran yang ditetapkan oleh pelbagai pihak. Dalam hubungan ini, seseorang profesor perlu memberikan dedikasi sepenuhnya kepada bidang kepakaran yang beliau ceburi dengan membuat penulisan artikel dan jurnal yang diiktiraf dunia seperti *Scopus, Thomson Reuters ISI dan Google Scholar.*

Bagi maksud ini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menerbitkan dua (2) garis panduan, iaitu Garis Panduan Pelantikan dan Kenaikan Pangkat ke Jawatan Profesor di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia pada tahun 2012 serta *University Transformation Programme (UniTP), Orange Book: Strengthening Academic Career Pathways and Leadership Development* pada tahun 2015 sebagai rujukan bagi laluan kerjaya kakitangan akademik.

Dalam konteks IPTS pula, adaptasi *University Transformation Programme (UniTP), Orange Book: Strengthening Academic Career Pathways and Leadership Development* diguna pakai. Selain itu, dokumen *Way Forward for Private Higher Education Institutions: Education as an Industry (2020 – 2025)* juga menjadi dokumen

penting dalam menentukan tatacara dan tadbir urus IPTS yang cekap. Justeru, pelantikan atau kenaikan pangkat ke jawatan profesor atau profesor kanan hendaklah dibuat berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar IPTS.

Selain itu, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) turut menyemak aspek akreditasi program staf akademik. Berdasarkan kepada standard yang ditetapkan dalam Kod Amalan Akreditasi Program, Institut Pendidikan Tinggi (IPT) bertanggungjawab untuk mewujudkan prosedur yang jelas berkaitan polisi dan kriteria pelantikan staf akademik dengan mengambil kira aspek kelayakan akademik dan pengalaman.

Sebagai sokongan kepada jaminan kualiti staf akademik, MQA juga telah membangunkan Garis Panduan Amalan Baik: Staf Akademik yang meliputi empat (4) bidang amalan, iaitu pengambilan, pentadbiran, pembangunan dan perkhidmatan profesional staf akademik untuk rujukan IPT. Turut diterangkan dalam Garis Panduan ini ialah kategori jawatan akademik di pelbagai peringkat termasuklah dari segi peranan dan ciri-ciri akademik serta kesarjanaan. Pemantauan kualiti bagi perkara-perkara yang dinyatakan juga diambil kira semasa lawatan akreditasi dan audit pematuhan oleh MQA.

Tuntasnya, pelantikan seorang pensyarah ke jawatan profesor perlu melalui pelbagai mekanisme serta tapisan bagi memastikan mereka yang dilantik benar-benar layak. KPT berharap tiada lagi suara-suara nakal yang menggelarkan para ilmuwan kita di UA dan IPTS sebagai “Profesor Kangkung”, sebaliknya menghargai sumbangan buah fikiran serta tenaga mereka dalam membentuk peradaban bangsa yang berilmu dan dihormati.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN (PONTIAN)

TARIKH : 4 OGOS 2022 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 37

DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN (PONTIAN) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil serta jumlah peruntukan terlibat bagi membantu siswa-siswi pelajar B40 di semua institusi di bawah Kementerian untuk tahun 2021 dan tahun 2022. Nyatakan juga usaha kebolehpasaran graduan dan kejayaan-kejayaannya.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Mac 2022, secara keseluruhannya, seramai 255,673 orang (57.45 peratus) pelajar B40 di Universiti Awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti (KK) menerima tajaan/biasiswa dari Kementerian atau Agensi Kerajaan, yayasan, syarikat, Lembaga Zakat/Majlis Agama Negeri dan Unit Zakat IPT. Kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai intervensi strategik bagi membantu meringankan beban pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

Antara bantuan yang diberikan kepada pelajar golongan B40 pada tahun 2021 dan 2022 termasuklah:

(i) **Pengurangan Yuran Universiti Awam (UA)**. Pengurangan kadar yuran asrama, yuran perkhidmatan atau aktiviti UA sehingga 35 peratus untuk tempoh Semester Akademik 2 2019/2020 hingga Semester 1 2021/2022.

Inisiatif ini telah memanfaatkan pelajar warganegara di UA dengan nilai keseluruhan RM309.6 juta;

(ii) **Penangguhan dan Diskaun Bayaran Balik PTPTN**. Inisiatif ini dilaksanakan sebanyak empat (4) kali untuk peminjam yang terkesan akibat COVID-19 dan bencana banjir dengan amaun kutipan tertangguh berjumlah RM1.17 billion. PTPTN turut memperkenalkan diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN bermula 1 November 2021 hingga 30 April 2022 yang telah memberikan manfaat kepada 443,722 peminjam PTPTN. YAB Perdana Menteri turut mengumumkan pada 27 Julai 2022 yang lepas bahawa semua peminjam PTPTN yang menamatkan pengajian bermula 2019 dan mendapat kelas pertama diberikan pengecualian bayaran balik.

(iii) **Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK).** Pada tahun 2021, seramai 10,238 orang pelajar telah menerima BKPKK, manakala, bagi tahun 2022, iaitu setakat 30 Jun 2022, seramai 6,485 orang pelajar telah menerima bantuan ini.

(iv) **Dermasiswa B40 TVET.** Bermula tahun 2022, pelajar B40 yang melanjutkan pelajaran dalam bidang teknikal dan vokasional di Politeknik dan Kolej Komuniti layak memohon Dermasiswa B40 TVET. Program ini melibatkan implikasi kewangan berjumlah RM36.41 juta bagi setiap pengambilan.

(v) **Bantuan Komputer Riba, Pelan Data B40 dan PerantiSiswa Keluarga Malaysia**. Lebih 10 ribu unit komputer riba telah diagihkan kepada para pelajar B40 secara bersasar sejak pandemik melanda. Malah, seramai 320,296 orang pelajar telah menerima manfaat Bantuan Pelan Data B40 dengan peruntukan sebanyak RM24 juta. KPT turut bekerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk menjayakan inisiatif PerantiSiswa Keluarga Malaysia di bawah Belanjawan 2022.

(vi) **Program FOOD@CAMPUS Keluarga Malaysia**. Sejumlah RM7 juta telah diperuntukkan pada tahun 2021 untuk program ini melalui pemberian baucar makanan percuma kepada 42,633 orang mahasiswa B40 bersasar di semua IPT. Inisiatif FOOD@CAMPUS Keluarga Malaysia 2.0 yang telah dilancarkan pada 5 Julai yang lalu juga akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM6.54 juta, termasuk sumbangan daripada Yayasan Kebajikan Siswa Keluarga Malaysia (YKS) sebanyak RM1juta bagi memastikan kelestarian inisiatif ini.

Tan Sri Yang di-Pertua,

Dalam konteks usaha Kementerian meningkatkan kebolehpasaran graduan pula, antara inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan termasuklah:

(i) **GETHIRED@KPT pada tahun 2021.** Melalui program ini, KPT telah berjaya mendapatkan penempatan pekerjaan dan penjanaan pendapatan kepada seramai 13,610 orang pelajar. Manakala sehingga Jun 2022, seramai 15,311 lagi pelajar berjaya mendapat pekerjaan dan penjanaan pendapatan.

(ii) **Program KPT-MEDAC:Siswapreneur** dengan kerjasama TEKUN NASIONAL yang merupakan program pembiayaan mikro khusus untuk pelajar IPT dengan peruntukan sebanyak RM5 juta.

(iii) **Program-program latihan keusahawanan** di peringkat IPT dan Nasional menerusi Dana Keusahawanan. Sepanjang tahun 2016 hingga sekarang, program latihan ini telah membantu IPT melahirkan lebih 170 ribu usahawan pelajar yang menjalankan perniagaan semasa dalam tempoh pengajian dan daripada jumlah tersebut lebih 29,700 graduan meneruskan aktiviti perniagaan selepas menamatkan pengajian.

(iv) **MoHE-Shopee: Siswa Mall** telah dilancarkan pada 25 November 2021 dan memanfaatkan seramai 5,000 graduan.

(v) **PENJANA KPT-CAP dan PENJANA KPT-PACE** – Sehingga Jun 2022, seramai 31,100 orang pelajar telah mendapat manfaat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR
(JOHOR BAHRU)

TARIKH : 4 OGOS 2022 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 42

TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR (JOHOR BAHRU) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah dan strategi yang diambil Kementerian selepas mengadakan beberapa sesi libat urus bersama mahasiswa dan kakitangan akademik dalam usaha menambah baik Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 termasuk cadangan memberikan kebebasan menguruskan kewangan kepada persatuan mahasiswa.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa terbuka dalam memastikan AUKU kekal relevan dengan keperluan semasa. Secara berperingkat, beberapa sesi libat urus dengan pemegang taruh telah dijalankan. Antaranya libat urus bersama Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan (MPPK) pada 14 September 2021 dan sesi libat urus susulan bersama MPPK dan Majlis Presiden Persatuan Akademik pada 28 hingga 30 Oktober 2021. Sesi-sesi ini diadakan bagi mendapatkan maklum balas, pandangan dan input terkini daripada wakil pelajar dan wakil kakitangan akademik berkenaan dengan semakan semula kandungan AUKU dan penambahbaikan akta tersebut.

Antara cadangan penambahbaikan yang dikemukakan termasuklah:

(i) penambahan peruntukan khas definisi bagi pekerja/kakitangan universiti;

(ii) cadangan untuk mengecualikan Akta 605 melalui pindaan AUKU;

(iii) melihat semula komposisi keahlian Senat dan Lembaga Pengarah Universiti;

(iv) memberikan kebenaran kepada persatuan pelajar untuk mengumpul dana;

(v) memberikan kebebasan dalam menentukan aktiviti pelajar; dan

(vi) menambah baik Kaedah Tatatertib Pelajar agar lebih relevan dengan keadaan semasa.

Sebahagian daripada isu yang dibangkitkan ini telah pun mempunyai mekanisme pelaksanaan sedia ada di peringkat Universiti Awam, manakala bakinya akan diperhalusi untuk pelaksanaannya.

Pada tahun ini, sesi libat urus diteruskan bersama Timbalan-timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP), Bendahari dan Penasihat Undang-undang UA pada bulan Februari 2022 serta MPPK pada bulan Mac 2022. Susulan libat urus tersebut, satu pasukan *taskforce* khas telah dibentuk di peringkat Timbalan-timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) UA dengan kerjasama Bahagian Mahasiswa Holistik (BMH), JPT untuk melihat mekanisme pelaksanaan sedia ada di peringkat Universiti Awam, khususn dari aspek pengurusan aktiviti pelajar seperti kebenaran untuk mengumpul dana; pembukaan akaun bank bagi maksud pungutan wang aktiviti pelajar; pengwujudan kesatuan pelajar dan kebebasan untuk berpersatuan.

Selaras dengan itu juga, beberapa garis panduan sedang dibangunkan dalam usaha memperkasa dan menghak upaya pelajar UA namun dalam ruang lingkup AUKU, khususnya bagi maksud aktiviti berpersatuan. Antara garis panduan yang dibangunkan adalah:

(i) Garis Panduan Pengurusan Peruntukan Kewangan Bagi Program Pelajar Di Dalam Negara Dan Luar Negara UA;

(ii) Garis Panduan Penyertaan Mahasiswa Dalam Kegiatan Politik Di Dalam Dan Luar Kampus;

(iii) Garis Panduan Pelaksanaan Program Pelajar UA; dan

(iv) Garis Panduan Pengurusan Dana/Sumbangan Luar.

Garis panduan ini kini sedang dalam fasa pemurnian di peringkat Kementerian dan akan dibawa kepada pihak MPPK pada minggu kedua bulan Ogos bagi melihat kebolehlaksanaan sebelum ia diedarkan untuk pemakaian di setiap UA.

Pada masa yang sama, satu Jawatankuasa Kerja Penambahbaikan AUKU juga telah ditubuhkan pada 24 Jun 2022 dengan keahliannya terdiri daripada pakar perlembagaan, pakar pendidikan tinggi, wakil pengurusan tertinggi universiti awam, wakil persatuan akademik dan wakil pelajar. Jawatankuasa ini berperanan melihat

peruntukan spesifik yang boleh dimansuh atau dipinda dalam memberdaya universiti ke arah kecemerlangan. Mesyuarat pertama jawatankuasa telah dijadualkan pada 2 Ogos 2022.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI (HULU SELANGOR)
TARIKH	:	4 OGOS 2022 (KHAMIS)
SOALAN	:	NO. 47

PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI (HULU SELANGOR) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk membantu lebih 70 ribu lepasan SPM 2021 yang gagal mendapatkan sijil SPM dan adakah mereka dapat disalurkan ke bidang TVET bagi memenuhi keperluan pasaran buruh semasa.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) komited untuk menyediakan akses yang meluas kepada program TVET yang berkualiti dan diiktiraf di samping memperkasa komuniti melalui Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), serta melahirkan graduan yang bersifat holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

Dalam hubungan ini, pra-syarat kemasukan ke program pengajian dalam bidang TVET yang ditawarkan di politeknik dan kolej komuniti ialah calon lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Walau bagaimanapun, lepasan SPM yang gagal, masih berpeluang untuk menyertai kursus pendek atau program PSH yang ditawarkan di politeknik dan kolej komuniti dalam pelbagai bidang. Antaranya ialah katering dan sajian, komputer dan teknologi maklumat serta juga perniagaan keusahawanan. Program PSH seperti ini turut terbuka kepada orang awam termasuk pelajar lepasan sekolah, universiti, ibu tunggal, suri rumah dan persatuan-persatuan tertakluk kepada permintaan.

Selain itu, pelajar lepasan SPM turut berpeluang menyambung pengajian dalam bidang TVET yang ditawarkan oleh agensi penyedia TVET yang lain tanpa memerlukan syarat kelulusan SPM. Sehingga Jun 2022, lebih 1,000 penyedia TVET awam dan swasta ada menawarkan pelbagai program TVET.

Kementerian turut memperkasa akses pendidikan tinggi dengan menetapkan syarat kemasukan pelajar yang lebih fleksibel untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi. Ini termasuklah memperkenalkan *Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL).*

Dengan adanya perluasan syarat-syarat kemasukan ini, lebih ramai lepasan SPM yang gagal atau yang terus bekerja setelah tamat SPM berpeluang untuk menyambung pengajian dan seterusnya meningkatkan kemahiran.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
(JERANTUT)

TARIKH : 4 OGOS 2022 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 50

DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS (JERANTUT) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perancangan Kementerian untuk memperhalusi senarai program dan kursus yang ditawarkan oleh kolej-kolej dan universiti swasta bagi memastikan tahap kebolehpasaran graduan yang lebih tinggi.

JAWAPAN

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa menggalakkan Institusi_Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) untuk menjalinkan **kerjasama dengan pihak industri** bagi melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran insaniah (softskills) dan kemahiran akademik (academic skills) dalam usaha meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan IPTS.

Melalui kerjasama ini, pihak industri misalnya boleh menyediakan peluang kepada pelajar untuk menjalani **latihan industri** sebagai pendedahan awal sebelum pelajar bergraduat dan memasuki alam pekerjaan sebenar. Selain itu, pihak industri boleh memberikan ruang dan peluang kepada **kakitangan akademik IPTS meningkatkan pengetahuan berkaitan perkembangan teknologi semasa dan kompetensi dalam bidang yang diajar.** Perkara ini dapat membantu memperkasa kakitangan akademik, seterusnya dapat melahirkan graduan yang berpengetahuan dalam teknologi dan industri semasa. Pihak IPTS juga boleh mendapatkan pengalaman dan pendedahan terhadap teknologi terkini melalui penglibatan individu dari industri yang dilantik sebagai penasihat industri terutama bagi kursus-kursus kritikal yang memerlukan input terkini dan pengalaman industri.

KPT juga memberi pendedahan berkenaan **inisiatif *Experiential Learning and Competency Based Landscape (EXCEL)*** kepada IPT di Zon Timur dan Selatan ke arah mentransformasi program akademik dengan menggunakan elemen industri, komuniti, penyelidikan dan fleksibiliti (personalised) dalam menghasilkan graduan yang mempunyai atribut dan kemahiran dari pembelajaran berasakan pengalaman dan pendidikan berasaskan kompetensi. Dalam hubungan ini, **IPTS diberi fleksibiliti membangunkan kurikulum baharu atau menambah baik kurikulum sedia ada**, selaras dengan peruntukan Akta 555 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Selain itu, KPT turut menubuhkan **Pasukan Petugas Kebangsaan Pemudahcara IPTS Sebagai Industri (PEMUDAH IPTS)** untuk melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memacu IPTS bergerak maju dan berdaya saing sebagai industri yang kompetitif di tahap global melalui program seperti *Structured Internship Apprenticeship Programmes (SIAP) For Integrated Circuit (IC) Design dan juga Webinar Guide To Entrepreneurship Integrated Education (EIE) for Higher Education Institutions (HLIs)*.

Dari aspek jaminan kualiti, setiap program yang ditawarkan oleh IPTS perlu melalui proses akreditasi yang merangkumi tiga (3) fasa penilaian iaitu akreditasi sementara, akreditasi penuh dan audit pematuhan. Penilaian akreditasi mengkehendaki IPT untuk melaksanakan kajian pasaran (need assessment) bagi program yang ditawarkan dan memastikan pembangunan kurikulum program memenuhi keperluan bidang serta industri. MQA akan melaksanakan semakan kualiti terhadap program di IPTS secara berkala antara tiga (3) hingga lima (5) tahun bagi memastikan program yang ditawarkan sentiasa dikemas kini berdasarkan kepada perkembangan semasa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING (BANGI)

TARIKH : 4 OGOS 2022 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 60

DR. ONG KIAN MING (BANGI) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan pemohon yang berjaya untuk program Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan program Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) di setiap universiti penyelidikan awam di Malaysia bagi tahun 2020 dan 2021.

JAWAPAN

Dalam usaha meningkatkan mutu pendidikan di Universiti Awam (UA) melalui pewujudan tenaga akademik yang berpendidikan tinggi, Kerajaan menerusi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) secara konsisten melaksanakan **program-program penajaan seperti Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) yang membolehkan para pensyarah yang sedang berkhidmat di UA melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Kedoktoran, pasca-kedoktoran dan program lain yang setaraf.**

Di bawah program **SLAB,** KPT telah menaja seramai **445 orang** pensyarah UA pada tahun tahun 2020 dan 2021 dengan pecahan mengikut tahun adalah seramai 242 pensyarah pada tahun 2020 (Research University, RU: 59, Bukan RU: 183); dan 203 pensyarah pada tahun 2021 (RU: 32, Bukan RU: 171).

Manakala bagi program **SLAI**, jumlah pensyarah yang telah menerima penajaan pada tahun 2020 dan 2021 adalah seramai **147 orang** dengan pecahan mengikut tahun seramai 59 orang pensyarah pada tahun 2020 (RU: 14, Bukan RU: 45) dan 88 pensyarah pada tahun 2021 (RU: 28, Bukan RU: 119).

Pelaksanaan program-program penajaan ini adalah antara usaha KPT mencapai objektif penambahan keperluan tenaga pengajar serta menyokong pelaksanaan rancangan latihan oleh UA. Di samping itu, program-program latihan ini juga menjadi strategi untuk memperkasakan pengajian tinggi negara bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat pengajian tinggi serantau.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK (SIMPANG RENGGAM)

TARIKH : 4 OGOS 2022 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 73

DR. MASZLEE BIN MALIK (SIMPANG RENGGAM) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha memperkenalkan kursus-kursus baharu di IPTA selari dengan tuntutan pasaran kerja di masa hadapan yang lebih berasaskan *Industrial Revolution 4.0* (IR 4.0) dan apakah usaha Kementerian untuk mengarusperdanakan kursus-kursus TVET demi mengelakkan pengangguran di kalangan graduan terutamanya di kalangan bangsa Melayu dan India.

JAWAPAN

Dalam upaya melahirkan Future Proof Graduates, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa komited dan berusaha memastikan kurikulum yang dibangunkan oleh Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) memberikan penekanan kepada kaedah pengajaran yang memenuhi keperluan industri dan memberikan impak tinggi kepada masyarakat serta negara.

Antara usaha untuk mencapai perkara ini adalah dengan memperkenalkan ***Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape (EXCEL)***. EXCEL memfokuskan kepada kaedah pembelajaran berasaskan pengalaman dan kompetensi yang diterapkan dalam empat (4) teras utamanya, iaitu:

(i) *Industry Driven Experiential Learning (IDEAL)*,
(ii) *Community Resilience Experiential Learning (CARE)*,
(iii) *Research Infused Experiential Learning (REAL)*, dan
(iv) *Personalised Experiential Learning (POISE).*

Satu daripada program yang menggunakan kerangka EXCEL ialah Program Apprenticeship, yang merupakan pendidikan serta latihan berstruktur melibatkan latihan di tempat kerja secara intensif dan dilengkapi dengan pendidikan formal di universiti dengan mengutamakan konsep '*earn and learn*'.

Selain itu, **program TVET yang kompetitif turut diperkasa bagi mendukung Dasar Pendigitalan Pendidikan dan Dasar Industri 4WRD**. Antara tawaran program TVET yang bersifat kompetitif oleh KPT sejajar dengan ledakan IR4.0 ialah *Industrial & Production Professional*, *Software Development*, *Computer Network*, *Aircraft Maintenance*, *Cybersecurity*, *Games Development*, *Games Art dan Professional Creative Content.*

Pelaksanaan inisiatif perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan juga sedang dirangka melalui **program 4IR *Flagships*** dengan lapan projek yang merangkumi pelbagai bidang iaitu: *Autonomous Vehicle*, *Wearables*, *Retail*, *Logistics*, *Agriculture/ Aquaculture*, *Cyber Security*, *Building and Construction*, dan *Halal Hub*. Tujuan utama projek ini adalah untuk melengkapkan ekosistem yang holistik dalam mengaplikasi teknologi 4IR merangkumi latihan pensyarah, penyediaan infrastruktur dan infostruktur berasaskan 4IR.

Seterusnya Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) turut menawarkan program TVET yang berkualiti tinggi dan menepati keperluan industri melalui inisiatif ***Talent Enhancement Programme*** **(TEP) yang dilaksanakan melalui *Structured Internship Programme (SIP)*.** Sebanyak 21 industri telah menawarkan SIP kepada 2,188 pelajar tahun akhir untuk menjalani latihan industri dan sekaligus menawarkan penempatan pekerjaan. JPPKK turut melaksanakan pendekatan pembelajaran industry-led training seperti Work-Based Learning (WBL) dan program 2u2i. Melalui inisiatif ini, graduan berpeluang mendapat pekerjaan sekaligus membantu mengurangkan graduan menganggur.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI (LUMUT)

TARIKH : 4 OGOS 2022 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 94

DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI (LUMUT) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tindakan yang diambil bagi menangani isu kebocoran soalan dalam peperiksaan di IPT.

JAWAPAN

Soalan-soalan peperiksaan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) telah melalui proses jaminan kualiti yang ketat dengan kawal selia berterusan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Unit Peperiksaan serta bahagian atau seksyen bertanggungjawab yang diberi kuasa penuh untuk mentadbir hal-hal berkaitan peperiksaan.

Di peringkat Universiti Awam (UA), sistem pemantauan khusus secara dalaman dilaksanakan bagi memastikan tiada sebarang kebocoran kertas peperiksaan. Semua pegawai yang terlibat perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan selari dengan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [AKTA 605]. Akta 605 adalah berkaitan tatatertib dan pengenaan surcaj ke atas pegawai-pegawai badan berkanun yang diperbadankan oleh undang-undang Persekutuan dan bagi perkara yang berkaitan dengannya. Dalam perkara ini, sekiranya mana-mana pegawai badan berkanun yang didapati melanggar mana-mana perkara dalam Akta ini, maka pegawai tersebut boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Mengikut prosedur, dari mula kertas soalan peperiksaan dirangka, para pensyarah yang terlibat dikehendaki untuk menandatangani akuan sumpah bertulis

untuk menjamin integriti soalan. Soalan-soalan terpilih pula akan dimasukkan ke bank soalan selepas disaring dan diselaraskan. Akses ke bank-bank soalan peperiksaan dikawal dengan rapi dengan hanya sebilangan kecil pensyarah kanan serta pihak pengurusan universiti boleh mendapat akses.

Kertas peperiksaan yang siap dicetak akan dibungkus, dilakri dan/atau ditandatangan oleh pihak penyedia kemudian disimpan dalam bilik kebal atau peti besi sebelum dikeluarkan pada hari peperiksaan. Soalan-soalan yang sudah dipakai akan dikeluarkan pula dari bank soalan, dan begitulah seterusnya kitaran pengurusan peperiksaan yang sentiasa melalui proses audit dalaman dan luaran demi memastikan integriti, keselamatan serta kesahihan kertas-kertas soalan peperiksaan.

Di peringkat Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPPKK) pula, satu Standard Kaedah Pengoperasian Pengurusan Peperiksaan telah disediakan sebagai panduan kepada pengendali atau pengawas peperiksaan sepanjang proses peperiksaan berlangsung. Tindakan yang diambil apabila berlaku kebocoran soalan adalah tertakluk di bawah pelanggaran peraturan, arahan-arahan am peperiksaan akhir dan penyelewengan akademik. Sekiranya berlaku kebocoran soalan, calon-calon perlu menduduki semula peperiksaan akhir seperti yang ditetapkan dalam panduan ini.

Prosedur penilaian dan peperiksaan **di Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)** juga telah ditetapkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555]. Dalam perkara ini, sekiranya berlaku isu kebocoran soalan, isu tersebut hendaklah diurus secara tegas melalui perlembagaan yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar IPTS. Antara yang digariskan dalam perlembagaan adalah mengenai integriti pengurusan dan pelaksanaan berkaitan hal ehwal akademik termasuk prosedur penilaian dan peperiksaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOKTAR RADIN (KINABATANGAN)

TARIKH : 4 OGOS 2022 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 96

TUAN MOKTAR RADIN (KINABATANGAN) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula dan memberikan sedikit kelonggaran terhadap syarat-syarat kemasukan ke pusat pengajian tinggi awam memandangkan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2021 merupakan kohort pertama yang mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) serta pelajar juga terkesan dengan pembelajaran secara bersemuka yang terhad.

JAWAPAN

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) peka dan prihatin berkenaan perubahan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) kepada Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), yang menjadikan Lepasan SPM 2021 sebagai kohort pertama mengikuti kurikulum berkenaan. Pelajar Lepasan SPM 2021 ini merupakan calon yang akan menyambung pengajian ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) bagi Sesi Akademik 2022/2023 yang bermula pada bulan Ogos 2022.

KPT melalui Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi (BKPA JPT) berperanan untuk menyelaras kemasukan pelajar ke IPTA dan ILKA. Justeru, KPT bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat persediaan awal dengan mengadakan sesi libat urus bermula pada tahun 2018 bagi memastikan IPTA dan ILKA bersedia menerima kemasukan calon-calon ini bermula Sesi Akademik 2022/2023.

Beberapa siri mesyuarat penyelarasan sejak November 2021 hingga Mac 2022 bersama 20 Universiti Awam, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

(JPPKK) serta 4 ILKA telah diadakan bagi menyesuaikan syarat kemasukan agar selari dengan kurikulum KSSM. Hasil daripada mesyuarat berkenaan, **semua IPTA dan ILKA telah menyemak semula Syarat Khas kemasukan program pengajian dan telah mendapat kelulusan pindaan daripada Senat Universiti atau Bahagian Pengambilan Pelajar JPPKK/ ILKA** masing-masing.

Antaranya, kelonggaran Syarat Am untuk kemasukan program pengajian Diploma di Politeknik Premier, yang sebelum ini adalah *"sekurang-kurangnya TIGA (3) kepujian termasuk Bahasa Melayu dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah" telah ditukar kepada "sekurang-kurangnya TIGA (3) kepujian dan lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah".*

Namun demikian, walaupun terdapat kelonggaran syarat kemasukan yang diberikan, dasar pengambilan pelajar yang dilaksanakan oleh KPT masih berasaskan kepada prinsip meritokrasi dengan mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum. Berdasarkan prinsip ini, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian di IPTA dan ILKA.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)

TARIKH : 4 OGOS 2022 (KHAMIS)

SOALAN : NO. 110

TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha Kerajaan bagi menyelesaikan masalah kekurangan sumber tenaga kerja perlu dalam negara membabitkan pelbagai sektor kini. Perincikan juga pendekatan bagi melahirkan graduan berkualiti demi memenuhi keperluan industri kini dengan berkongsi statistik berkaitan (jumlah graduan, institusi pengajian, bidang pembelajaran dan kerjaya diceburi selepas menamatkan pelajaran) sejak tahun 2018 hingga kini.

JAWAPAN

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa mengambil langkah proaktif untuk memastikan graduan yang dilahirkan dapat memberikan sumbangan sepenuhnya kepada guna tenaga negara dan mengurangkan jurang antara kemahiran yang dimiliki oleh graduan dengan keperluan pihak industri. Antara langkah yang diambil dalam memastikan graduan yang dilahirkan merupakan graduan berkualiti tinggi ialah:

i. **Melaksanakan transformasi pendidikan tinggi awam melalui semakan semula kurikulum program akademik;**

   Proses ini penting untuk memastikan kurikulum yang ditawarkan adalah revelan, terkini serta selaras dengan kemajuan teknologi IR4.0. Selain itu, program-program akademik yang perlu dijumudkan, dibekukan atau dimansuhkan bagi memberi laluan kepada penawaran program baharu yang memenuhi keperluan semasa dapat dikenal pasti.

ii. **Melaksanakan saringan awal yang ketat terhadap setiap program akademik yang ditawarkan oleh IPT;**

Kajian analisis secara terperinci terhadap program-program akademik yang akan ditawarkan atau dilaksanakan oleh Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) supaya hanya program yang menjadi fokus dan keperluan guna tenaga negara sahaja yang ditawarkan. Selain itu, program akademik yang kekal dalam penawaran perlu memenuhi aspek keperluan tenaga negara, laluan kerjaya dan tahap kebolehpasaran graduan, tidak bertindih dengan program akademik sedia ada di kalangan IPT, serta menepati aspek implikasi kewangan, perjawatan dan fizikal serta perkembangan polisi dan dasar terkini negara.

iii. **Memperkukuh inisiatif sedia ada seperti program pengajian mod 2u2i;**

Program 2u2i adalah pembelajaran berasaskan pekerjaan (*work based learning*) yang menggabungkan pembelajaran akademik di dalam kampus dan pengalaman di industri. Program ini menggunakan pelbagai kombinasi seperti 3u1i, 2u2i, dan 2u1i di mana tempoh pembelajaran berlaku di dalam dunia pekerjaan sebenar (industri) adalah sekurang-kurangnya 1 tahun.

iv. **Memperkenalkan inisiatif Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape (EXCEL);**

Kerangka EXCEL sebagai transformasi program akademik ini mengintegrasi elemen industri, komuniti, penyelidikan dan fleksibiliti (*personalised*) dalam menghasilkan graduan yang mempunyai atribut dan kemahiran dari pembelajaran berasaskan pengalaman dan pendidikan berasaskan kompetensi.

Dari segi statistik pula, Kajian Pengesanan Graduan yang dilaksanakan oleh KPT menunjukkan kadar kebolehpasaran graduan telah meningkat sebanyak 1.1 peratus kepada 85.5 peratus pada tahun 2021 berbanding sebanyak 84.4 peratus pada tahun 2020. Selain itu, bilangan graduan yang telah bekerja dalam tempoh enam (6) bulan setelah bergraduasi meningkat daripada 156,525 orang pada tahun 2020 kepada 176,256 orang pada tahun 2021.

Berdasarkan kajian ini juga, pada tahun 2021, 71,288 graduan telah bekerja dalam kumpulan pekerjaan mahir (iaitu kumpulan Profesional dan Pengurusan) berbanding 59,415 graduan pada tahun 2018. Tiga bidang pengajian yang menunjukkan bilangan graduan paling tinggi bekerja dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah Sains Sosial, Perniagaan dan Perundangan; Sains, Matematik dan Komputer; serta Bidang Kejuruteraan, Pembuatan dan Pembinaan.

Sekian, terima kasih.

MESYUARAT KEDUA DEWAN RAKYAT TAHUN 2022

JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BUKAN LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL (LEMBAH PANTAI)
SOALAN	:	NO. 33

TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL (LEMBAH PANTAI) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah graduan IPTA dan IPTS sejak 2018 yang berjaya peroleh pekerjaan, yang dalam pekerjaan tenaga tidak penuh (underemployment), yang menganggur dan tidak bekerja dan jumlah hutang pendidikan yang ditanggung graduan-graduan tersebut mengikut kategori-kategori di atas.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Setiap tahun Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) akan melaksanakan Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) bagi mengetahui status pekerjaan terkini graduan. Pada tahun 2021, seramai 216,600 graduan (warganegara) di universiti awam (UA) dan Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) telah memberikan respons dalam kajian ini.

Secara keseluruhannya, kadar kebolehpasaran graduan bagi UA dan IPTS adalah sebanyak 84.8% pada tahun 2021, iaitu meningkat 1.3 peratus berbanding 83.5% pada tahun 2020.

Daripada jumlah responden yang terlibat, seramai 130,634 graduan (60.3%) telah bekerja dengan pecahan seramai 90,033 graduan (69.8%) bekerja sebagai pekerja mahir, 34,673 graduan (26.9%) separuh mahir dan 4,349 graduan (3.4%) berkemahiran rendah. Baki 39,867 graduan (18.4%) sedang melanjutkan pengajian; 4,743 graduan (2.2%) sedang berusaha meningkatkan kemahiran; 8,370 graduan

(3.9%) sedang menunggu penempatan pekerjaan; dan 32,986 graduan (15.2%) masih belum bekerja.

Data SKPG menunjukkan daripada 216,600 responden, seramai 115,324 ialah peminjam PTPTN dengan jumlah baki pinjaman keseluruhannya sebanyak RM1.35 bilion.

Dalam hal ini, KPT sentiasa komited untuk membantu para graduan agar dapat diserap oleh industri untuk bekerja sebaik sahaja mereka menamatkan pengajian. Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuklah:

i. **Melaksanakan program r*eskilling* dan *upskilling* PENJANA KPT-CAP**

Sepanjang inisiatif ini dilaksanakan sehingga Jun 2022, sejumlah 31,100 orang graduan menganggur telah berjaya ditempatkan di industri atau menjana pendapatan.

ii. **Melaksanakan Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE)**

Daripada tahun 2020 hingga Jun 2022, sejumlah 2,196 graduan telah berjaya ditempatkan di industri.

iii. **Melaksanakan padanan pekerjaan melalui Portal MyFUTUREJobs dengan kerjasama PERKESO**

Sehingga Jun 2022, seramai 171,698 graduan telah berjaya ditempatkan di industri melalui inisiatif yang dilaksanakan ini.

iv. **Melaksanakan Program MOHE@Intel Elite Internship**

Sehingga kini, seramai 338 orang pelajar telah menyertai program ini. 263 daripadanya telah diserap dan menerima penempatan pekerjaan di syarikat tersebut.

v. Memperkukuh agenda keusahawanan atau Job Creator di IPT menerusi Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021 – 2025

Sehingga Disember 2021, sejumlah 9,131 usahawan telah dilahirkan dalam kalangan graduan selepas mereka menamatkan pengajian.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	DR. KELVIN YII LEE WUEN (BANDAR KUCHING)
SOALAN	:	NO. 194

DR. KELVIN YII LEE WUEN (BANDAR KUCHING) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:

(a) kandungan silibus pendidikan sivik di institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta dari segi pengajaran asas demokrasi, sistem pemerintahan dan perundangan, tanggungjawab pengundi dan Kerajaan; dan

(b) pelan tindakan untuk mengintegrasikan Program Pendidikan Pengundi dalam silibus IPT.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

(a)

Kandungan silibus pendidikan sivik di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) diterapkan kepada pelajar melalui Matapelajaran Pengajian Umum (MPU). MPU wajib diambil oleh semua pelajar peringkat Sijil hingga ke Ijazah Sarjana Muda sebagai salah satu syarat pengijazahan. MPU diperkenalkan bertujuan untuk mengukuhkan jati diri; meningkatkan semangat perpaduan dan patriotisme; membentuk sistem nilai; meningkatkan kemahiran insaniah; dan meningkatkan penghayatan terhadap elemen nilai ketamadunan kepada pelajar di IPT bagi menghayati dan menghargai sejarah.

Pada tahun 2019, KPT telah membangunkan kursus Falsafah dan Isu Semasa; dan Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban bagi menggantikan kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) serta Hubungan Etnik. Objektif kursus ini adalah untuk memberikan penghayatan kepada pelajar IPT berhubung dengan etika; nilai murni; pengetahuan berkenaan *ethic and philosophy of knowledge*; serta perkara asas keilmuan tanpa mengira fahaman agama, bangsa dan literasi demokrasi. Ini bagi meningkatkan kematangan pelajar berhubung dengan literasi demokrasi, sistem pemerintahan dan perundangan, tanggungjawab pengundi dan juga Kerajaan. Selain itu, kursus Pengajian Malaysia 1 dan 2 turut menyentuh tentang sistem politik dan pentadbiran Negara berserta strukturnya, yang mengandungi topik berkaitan Federalisme, Demokrasi Berparlimen di Malaysia, Raja Berperlembagaan dan Komponen Utama Kerajaan.

Kementerian juga turut bekerjasama dengan Akademi Pilihan Raya (APR) bagi merangka program berkaitan Undi 18 kepada para pelajar di IPT dalam usaha untuk mewujudkan kesedaran tentang hak dan tanggungjawab, peranan, penglibatan serta pengetahuan tentang kelayakan mengundi, proses demokrasi, sistem pilihan raya negara dan perkara-perkara lain yang berkaitan.

(b)

Selain mengintegrasikan elemen pendidikan pengundi dalam silibus IPT, elemen ini turut diterapkan melalui program-program pembangunan mahasiswa. Antaranya adalah melalui pelaksanaan Program Memperkasa Literasi Politik Mahasiswa yang melibatkan kesemua Universiti Awam (UA). Terdapat pelbagai aktiviti yang disenaraikan dalam program ini. Salah satunya ialah "Adaptasi Pendidikan Pengundi dalam Subjek Akademik" yang memberikan fokus kepada penerapan pendidikan pengundi dalam silibus universiti agar mahasiswa diberikan pengetahuan dan kefahaman selaku pengundi muda mengenai sistem demokrasi, pilihan raya dan politik negara.

Sebagai komitmen untuk melaksanakan perkara ini, pihak Kementerian dengan kerjasama kesemua 20 UA telah memulakan usaha menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk memanfaatkan kepakaran SPR dalam melaksanakan program-program pemerkasaan literasi politik kepada mahasiswa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN (JULAU)
SOALAN	:	NO. 212

TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN (JULAU) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan secara terperinci:

(a) berapa jumlah pinjaman yang telah diluluskan dan dibelanjakan oleh PTPTN bagi tiga tahun terkini bermula dari tahun 2020, 2021 dan 2022; dan

(b) jumlah terkini pembayaran semula yang telah berjaya dikutip dan juga jumlah pinjaman yang gagal dibayar bagi tempoh bermula tiga tahun bermula tahun 2020, 2021 dan 2022.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Bagi tempoh tiga tahun terkini, iaitu mulai tahun 2020, 2021 dan hingga 30 Jun 2022, PTPTN telah meluluskan pinjaman sebanyak RM8.22 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM7.48 bilion telah dikeluarkan kepada peminjam dengan baki selebihnya akan dikeluarkan secara berperingkat sehingga peminjam tamat pengajian.

Bagi bayaran balik pinjaman untuk tempoh tiga tahun terkini pula, iaitu mulai tahun 2020, 2021 dan hingga 30 Jun 2022 pula, PTPTN telah berjaya mengutip bayaran balik sebanyak RM5.418 bilion. Secara kumulatif, PTPTN telah mengutip

sebanyak RM17.83 bilion daripada keseluruhan jumlah patut kutip, iaitu RM27.38 bilion, dengan jumlah tunggakan sebanyak RM9.55 bilion (34.87%).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	DR. MASZLEE BIN MALIK (SIMPANG RENGGAM)
SOALAN	:	NO. 266

DR. MASZLEE BIN MALIK (SIMPANG RENGGAM) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah wujud usaha sama di antara Kementerian dengan KPM untuk penyelarasan data murid-murid sedari sekolah rendah sehingga ke sekolah menengah demi memastikan mereka memilih kursus-kursus di IPT yang sesuai dengan pencapaian, kecenderungan, bakat dan kelayakan mereka.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa menjalinkan kerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memastikan kesinambungan pendidikan menengah dan pendidikan tinggi. Ini terutamanya bagi perkara yang melibatkan proses pelajar lepasan SPM dan STPM/Setaraf memilih kursus-kursus di IPT yang sesuai dengan pencapaian, kecenderungan, bakat dan kelayakan mereka.

Antara usaha yang dijalankan termasuklah:

(i) Perkongsian data keputusan SPM, STPM dan Kolej Matrikulasi antara Lembaga Peperiksaan (LP), Majlis Peperiksaan (MPM) dan Bahagian Matrikulasi, KPM (BM,KPM) dengan Bahagian Kemasukan Pelajar Awam, Jabatan Pendidikan Tinggi (BKPA, JPT). Kerjasama ini adalah untuk memastikan calon-calon dapat memilih program pengajian yang bersesuaian dengan pencapaian akademik serta kecenderungan minat

calon menerusi Sistem Permohonan Kemasukan Pelajar IPTA dan ILKA yang dikenali sebagai UPUOnline®;

(ii) Bekerjasama dengan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian KPM (BPSH, KPM) bagi mendapatkan data penilaian kecenderungan calon semasa di sekolah menengah untuk dipaparkan dalam UPOnline®. Ini bertujuan untuk membantu calon semasa membuat pilihan program pengajian;

(iii) Menyediakan platform penilaian semula personaliti dan kecenderungan kerjaya yang terkini melalui e-Profiling (https://eprofiling.mohe.gov.my/) di portal GREaT KPT. Kemudahan ini membolehkan calon membuat pilihan yang lebih tepat berdasarkan data yang terkini dan persekitaran semasa yang diketahui boleh mempengaruhi personaliti dan kecenderungan seseorang; dan

(iv) Menjalinkan kerjasama strategik dengan Bahagian Sukan, Kokurikulum & Kesenian KPM (BSKK, KPM) dan BM, KPM bagi mendapatkan markah kokurikulum yang mewakili 10% dalam pengiraan merit kemasukan ke IPTA dan ILKA. Dalam hal ini, 10% markah yang dimiliki oleh calon adalah signifikan dan amat membantu calon dalam susunan merit yang terdiri daripada 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum. Kerjasama ini juga bertujuan mengenal pasti calon atlet yang akan dipertimbangkan kemasukan melalui Laluan Khas Sukan di mana mereka tidak perlu bersaing dengan kumpulan arus perdana untuk melanjutkan pengajian, dan hanya perlu memenuhi Syarat Am dan Syarat Khas program pengajian yang dipilih.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	DATUK SERI MOHD REDZUAN MD YUSOF (ALOR GAJAH)
SOALAN	:	NO. 285

DATUK SERI MOHD REDZUAN MD YUSOF (ALOR GAJAH) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah biasiswa bagi pelajar-pelajar yang mengambil sijil profesional sebagai cara menambah jumlah kepakaran tempatan.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menyediakan pelbagai kemudahan pembiayaan pendidikan dalam bentuk biasiswa dan bantuan kewangan kepada calon-calon berkelayakan bagi tujuan melanjutkan pengajian di peringkat persediaan, sijil, diploma, ijazah sehingga ke peringkat pasca siswazah.

Dalam usaha KPT memastikan akses pengajian tinggi kepada semua, antara biasiswa yang ditawarkan termasuklah program biasiswa Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPT (SLAI) yang mensasarkan peningkatan akademik di universiti awam (UA) melalui pewujudan tenaga pengajar yang berpendidikan tinggi.

Selain itu, biasiswa *MyBrainScience* turut ditawarkan kepada orang awam di peringkat ijazah pertama dan pasca siswazah dalam bidang pengajian sains tulen. Dalam konteks pelajar terpilih (tokoh siswa) dan atlet cemerlang IPT, mereka turut berpeluang mendapat biasiswa mengikut syarat-syarat tertentu. Selain biasiswa,

terdapat juga program bantuan kewangan KPT yang terdiri daripada Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK), Bantuan Kewangan Asasi (BKA) dan Bantuan Kewangan Orang Kurang Upaya (BKOKU).

Pada masa ini, KPT tidak mempunyai program biasiswa yang ditawarkan kepada orang awam bagi membiayai pengajian di peringkat sijil profesional seperti Sijil Amalan Guaman (CLP), *Chartered Financial Analyst (CFA), Certified Public Accountants (CPA), Chartered Islamic Financial Professional (CIFP), Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)* dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pada tahun ini, KPT menerima peruntukan sebanyak RM3 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe12) bagi membiayai kursus pentauliahan profesional kepada tenaga pengajar politeknik, Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) dan kolej komuniti. Program ini mempunyai tempoh tajaan antara tiga hingga 12 bulan.

Selain KPT, terdapat juga agensi lain seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) yang menyediakan kemudahan pinjaman pelajaran boleh ubah untuk semua peringkat pengajian termasuk profesional. Inisiatif ini mensasarkan sebanyak 10% pelajar tajaan di peringkat pengajian profesional dalam pelbagai bidang profesional dan berimpak tinggi di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Sejak tahun 2020, MARA telah berusaha dengan giat dalam meningkatkan penyertaan bumiputera berkelayakan untuk menceburi bidang-bidang kritikal, professional dan spesialis, yang dikhususkan untuk melahirkan akauntan, jurutera dan arkitek bertauliah serta pakar perubatan dan pergigian. Antara program yang dilaksanakan adalah:

i. Profesional perakaunan seperti *Association of Chartered Certified Accountant (ACCA), Certificate Professional Account (CPA), Institute of Chartered Accountant (ICAEW), dan Chartered Institute of Management Accounting (CIMA)*;

ii. Pakar bidang Kardiotorasik Surgeri untuk peningkatan kepakaran di dalam kesihatan jantung dengan kerjasama UiTM – Institut Jantung Negara (IJN);

iii. Pakar atau subkepakaran dalam bidang perubatan atau pergigian di Sektor Penjagaan Kesihatan di dalam dan luar negara dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);

iv. Program kompetensi teknikal dengan pensijilan antarabangsa dalam program latihan *Elektrikal Technical Officer (ETO)*, *Dynamic Positioning Officer (DPO)* dan *Remote Operated Vehicle Training (ROV)* dalam industri logistik dan pengangkutan laut; dan

v. *Licensed Aircraft Maintenance Engineer (LAME)* di Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA (PARIT)
SOALAN	:	NO. 303

DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA (PARIT) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:

(a) berapa jumlah graduan tajaan luar negara yang tidak kembali pulang berkhidmat ke dalam negara setelah tamat belajar; dan

(b) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengatasi perkara ini.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Satu daripada syarat utama program penajaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ialah para pelajar atau pegawai yang mengikuti pengajian di luar negara perlu kembali ke Malaysia dan melaporkan diri kepada Kerajaan serta-merta selepas menamatkan pengajian.

Untuk tempoh 2011 hingga 2021, seramai 1,886 pelajar dan pegawai tajaan KPT di bawah program Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) telah menamatkan pengajian Ijazah Lanjutan di luar negara. Daripada jumlah tersebut, seramai sembilan (9) orang pelajar dan pegawai telah dikenal pasti tidak kembali ke Malaysia untuk menyempurnakan ikatan kontrak

berkhidmat dengan Kerajaan setelah tamat belajar atas pelbagai sebab, termasuklah mendapat pekerjaan di luar negara, menyambung pengajian dan menetap di luar negara.

Pihak KPT dan Universiti Awam (UA) telah melaksanakan pelbagai usaha untuk berdepan dengan perkara ini. Antaranya, KPT mengadakan taklimat serta perjumpaan dari semasa ke semasa dengan pelajar atau pegawai bagi mengingatkan tanggungjawab mereka sebelum, semasa dan selepas penajaan, di samping menekankan berkenaan dengan kesan pecah kontrak terutama implikasi kewangan ke atas pelajar atau pegawai tajaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD (SETIAWANGSA)
SOALAN	:	NO. 347

TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD (SETIAWANGSA) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan butiran kegagalan pembayaran hutang PTPTN setiap tahun antara 2015 hingga 2021 dari segi jumlah kewangan dan bilangan peminjam.

JAWAPAN:

Tan Sri Yang di-Pertua,

Secara kumulatifnya bagi tempoh sehingga 31 Disember 2021, PTPTN telah menerima bayaran balik daripada 1.94 juta peminjam dengan jumlah sebanyak RM16.24 bilion. Selain itu, seramai 716,482 peminjam telah membuat bayaran balik secara tidak konsisten dengan jumlah tunggakan sebanyak RM4.23 bilion, manakala 504,311 peminjam tidak pernah membuat bayaran balik dengan jumlah tunggakan sebanyak RM9.27 bilion.

Dalam hal ini, PTPTN sentiasa bersifat mesra peminjam dan sentiasa bersedia untuk berbincang bagi membantu peminjam membuat bayaran balik mengikut keupayaan kewangan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	DR. ONG KIAN MING (BANGI)
SOALAN	:	NO. 372

DR. ONG KIAN MING (BANGI) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan hutang terkini PTPTN, jumlah pinjaman yang dijangka akan dipinjam oleh PTPTN pada tahun 2022 dan rancangan PTPTN untuk menaikkan kadar bayaran balik pinjaman tertunggak pada tahun 2022.

JAWAPAN:

Tan Sri Yang di-Pertua,

Sehingga 30 Jun 2022, kedudukan pinjaman serta penerbitan sukuk PTPTN adalah berjumlah RM39.00 bilion. Untuk tahun 2022, PTPTN dijangka akan membuat pembiayaan/penerbitan sukuk baharu berjumlah RM1.0 bilion pada September 2022 untuk menampung pembiayaan pelajar.

PTPTN sentiasa bertindak secara proaktif dalam memastikan bayaran balik pinjaman yang berterusan diterima daripada peminjam. Selain daripada dasar serta pendekatan sedia ada, PTPTN telah melancarkan aplikasi mudah alih (mobile apps) myPTPTN bagi memudahkan peminjam untuk membuat bayaran balik pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Selain itu, PTPTN juga telah mengambil pendekatan awal untuk sesi atau program libat urus (engagement) dengan peminjam-peminjam tahun akhir di IPTA bagi memberikan penerangan serta kesedaran mengenai pengurusan kewangan serta kepentingan untuk membuat bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	TUAN PANG HOK LIONG (LABIS)
SOALAN	:	NO. 381

TUAN PANG HOK LIONG (LABIS) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk menyediakan sebuah IPT di kawasan Parlimen Labis sebagai salah satu langkah untuk memajukan kawasan luar bandar.

JAWAPAN:

Tan Sri Yang di-Pertua,

Keputusan untuk menubuhkan sesebuah Universiti Awam (UA), Politeknik atau Kolej Komuniti mengambil kira pelbagai aspek termasuklah pertumbuhan ekonomi, strategi pembangunan negara dan wilayah serta keperluan guna tenaga.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat tujuh (7) buah Universiti Awam, tiga (3) buah Politeknik dan 14 buah Kolej Komuniti di negeri Johor. Manakala, institut pendidikan tinggi yang berada berhampiran dengan kawasan Parlimen Labis ialah Universiti Teknologi MARA Segamat dan Kolej Komuniti Segamat. Kesemua institusi pendidikan ini menawarkan pelbagai program akademik yang berdaya saing, merangkumi bidang seperti keusahawanan, kejuruteraan, teknologi, perdagangan, pemasaran, pelancongan, perkhidmatan dan pendidikan.

Justeru, cadangan pembinaan institusi pendidikan tinggi di Johor, khususnya di Parlimen Labis adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa Kerajaan. Walau bagaimanapun, pihak KPT akan sentiasa mengkaji perkara ini dari semasa ke semasa seiring dengan perubahan dan keperluan persekitaran yang berlaku.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	TUAN PANG HOK LIONG (LABIS)
SOALAN	:	NO. 382

TUAN PANG HOK LIONG (LABIS) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bahawa pada tahun 2021 Malaysia telah menjadi bahan ketawa di mata dunia apabila seramai 8,000 graduan telah diberikan PhD dan pada tahun ini mungkin seramai 6,000 graduan akan diberikan PhD. Apakah sistem atau langkah yang sedia ada untuk memastikan keluaran jumlah PhD adalah bertaraf antarabangsa sebelum isu ini teruk menjadi bahan ketawa dunia.

JAWAPAN:

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sememangnya amat menekankan aspek peningkatan kualiti dan mutu program pengajian yang ditawarkan oleh Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Oleh itu, KPT melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) melaksanakan proses jaminan kualiti program pengajian tinggi berdasarkan pematuhan kepada Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysia Qualifications Framework*, MQA) dan standard program yang berkaitan.

Dalam hal ini, program Kedoktoran atau PhD yang melalui penilaian jaminan kualiti MQA perlu mematuhi Standard Ijazah Sarjana dan Kedoktoran yang merupakan dokumen rujukan dalam menawarkan program pascasiswazah di Malaysia. Antara keperluan standard yang khusus bagi program Ijazah Kedoktoran adalah:

i. Keperluan untuk memenuhi tempoh lazim pengajian antara tiga (3) hingga empat (4) tahun;

ii. Penghasilan tesis dinilai oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang pemeriksa dalam bidang penyelidikan berkaitan yang mana salah satunya ialah pemeriksa luar;

iii. Penghasilan tesis memenuhi hasil pembelajaran program bagi tahap Kedoktoran (Tahap 8 MQF);

iv. IPT yang menawarkan program Ijazah Kedoktoran perlu menyedia garis panduan dan prosedur berkaitan struktur dan format penyediaan tesis berdasarkan keperluan standard program yang berkaitan; dan

v. Pelantikan penyelia yang berkelayakan dan mencukupi serta mematuhi nisbah penyelia kepada pelajar seperti yang dikehendaki dalam standard program.

Kesemua perkara yang dinyatakan tertakluk kepada proses verifikasi dan audit pematuhan oleh MQA. Pihak kementerian juga sentiasa memantau kualiti pengajian tinggi bagi memastikan program yang ditawarkan oleh IPT tempatan mencapai piawaian yang ditetapkan agar graduan Ijazah Kedoktoran yang dihasilkan adalah berkualiti.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL KARIM (BATANG LUPAR)
SOALAN	:	NO. 389

DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL KARIM (BATANG LUPAR) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah dengan penubuhan Majlis TVET Negara (MTVET) dapat memastikan bahawa bilangan pelajar dalam pengkhususan vokasional dan teknikal di negara ini adalah tinggi, sebagaimana di Jerman apabila TVET dianggap salah satu sistem pendidikan utama sehingga 70 peratus pelajarnya memasuki aliran tersebut.

JAWAPAN:

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kerajaan telah merangka agenda pemerkasaan TVET Nasional melalui penubuhan Majlis TVET Negara (MTVET) yang telah diluluskan pada 18 Disember 2020. MTVET berperanan sebagai badan tertinggi pembuat keputusan berkaitan hala tuju TVET negara serta menyelaras ekosistem TVET merentasi Kementerian, penyedia TVET awam dan swasta serta industri. Ini turut memperkukuh usaha Kerajaan untuk mencapai 60% pelajar lepasan SPM menyertai bidang TVET menjelang 2030, seperti yang dinyatakan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030).

Hakikatnya, penetapan sasaran 225,000 pelajar lepasan SPM menyambung pengajian dalam bidang TVET telah diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11). Jumlah ini adalah berdasarkan bilangan lepasan SPM yang dianggarkan sebanyak 389,500 pada tahun 2019. Berdasarkan laporan pencapaian RMKe-11, pada tahun 2020, seramai 202,280 (pencapaian 51.93%) pelajar lepasan SPM telah menyertai bidang TVET.

Justeru, Kerajaan telah menetapkan sasaran baharu dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), iaitu sebanyak 55% pelajar lepasan SPM menyertai bidang TVET. Pencapaian yang memberangsangkan serta sasaran baharu ini menjadi titik perubahan kepada perspektif dan tanggapan yang lebih positif berkaitan bidang TVET kepada orang ramai.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU (BATU GAJAH)

SOALAN : NO. 456

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU (BATU GAJAH) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kadar keciciran pelajar-pelajar di IPTA dan IPTS dalam tempoh 5 tahun yang lalu. Apakah tindakan Kementerian untuk mencari punca keciciran tersebut dan langkah-langkah strategik untuk menanganinya.

JAWAPAN:

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan semakan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu, peratus pelajar yang tidak tamat pengajian secara puratanya ialah 2.45%. Mengikut tahun, bilangan pelajar Universiti Awam yang tidak tamat pengajian adalah seperti yang berikut:

Tahun	Bilangan pelajar keseluruhan	Bilangan pelajar yang tidak tamat pengajian	Peratus (%)
2021	589,879	17,613	2.99
2020	584,576	13,291	2.27
2019	567,625	22,199	3.91
2018	552,702	19,926	3.61
2017	538,555	18,156	3.37

Sistem e-IPTS turut merekodkan bagi tahun 2021, seramai 28,519 (5.51%) pelajar tidak tamat pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), manakala pada tahun 2020 seramai 27,002 (5.02%) pelajar dan tahun 2019 seramai (3.91%) pelajar.

Antara faktor yang dikenal pasti menyumbang kepada perkara ini termasuklah masalah kesihatan, masalah peribadi, gagal peperiksaan dan gagal mendaftar. KPT amat prihatin dan sentiasa berusaha membantu mereka yang menghadapi masalah-masalah tersebut melalui inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan di peringkat kementerian dan juga Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

Antara inisiatif yang dilaksanakan di peringkat KPT adalah menyediakan kemudahan biasiswa dan bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar yang layak, terutamanya pelajar golongan B40.

KPT menerusi UA juga turut melaksanakan program intervensi akademik seperti sistem penasihat akademik (PA). Selain itu, program intervensi bukan akademik seperti perkhidmatan kaunseling individu dan berkelompok, buddy system, program-program motivasi, mentor-mentee dan pelbagai program lagi turut dijalankan dari semasa ke semasa untuk membantu para pelajar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)
SOALAN	:	NO. 493

PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:

(a) universiti dan kolej awam yang mengiktiraf dan menerima pelajar yang mempunyai kelulusan peperiksaan *A Levels* dan *Unified Examination Certificate* (UEC); dan

(b) bilangan pelajar warga asing di setiap universiti awam di Malaysia.

JAWAPAN:

Tan Sri Yang di-Pertua,

(a)

Dasar yang berkuat kuasa menetapkan bahawa kelayakan General Certificate of Education (GCE) A-Level dan Unified Examination Certificate (UEC) Senior Middle Three (SM3) membolehkan calon menyambung pengajian ke program pendidikan tinggi di Malaysia mengikut tahap pengajian yang bersesuaian.

Dalam hal ini, calon yang memiliki kelayakan A-Level boleh memohon kemasukan ke Universiti Awam (UA) dengan syarat calon memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu serta lulus dalam mata pelajaran Sejarah mulai tahun 2013, di samping memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak senat UA.

Selain itu, ketetapan syarat kelayakan masuk bagi kelayakan *Unified Examination Certificate (UEC)* ke program pendidikan tinggi di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia adalah berdasarkan kepada Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), KPM Bil. 2/2004 bertarikh 19 Mac 2004 yang menyatakan bahawa *"kelulusan Sijil UEC diiktiraf sebagai kelayakan masuk ke Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) tetapi tidak boleh diterima untuk kemasukan ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) termasuk Kolej Tuanku Abdul Rahman dan program-program IPTS yang difrancaiskan daripada IPTA"*. Oleh yang demikian, pemegang kelayakan UEC boleh memohon untuk menyambung pengajian di IPTS berdasarkan syarat kelayakan masuk yang ditetapkan.

(b)

Data bilangan pelajar bukan warganegara di setiap UA di Malaysia bagi tahun 2020 hingga 2021 adalah seperti yang berikut:

SINGKATAN INSTITUSI	2020	2021
UM	4,113	5,013
USM	3,051	5,287
UKM	2,042	2,872
UPM	4,884	5,761
UTM	4,658	4,967
UUM	2,227	2,410
UIAM	5,160	4,183
UNIMAS	472	505
UMS	569	790
UPSI	887	1,173
UiTM	558	1,238
UniSZA	946	856
UMT	501	620
USIM	809	756
UTHM	877	887
UTeM	799	719
UMP	525	436
UNIMAP	492	462

UMK	127	227
UPNM	8	10
Jumlah	**33,705**	**39,172**

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE (SANDAKAN)
SOALAN	:	NO. 497

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE (SANDAKAN) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:

(a) jumlah pelajar sedia ada ketika ini yang belajar di Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kampus Sandakan yang dikategorikan mengikut pelajar tempatan Sabah, bukan orang Sabah dan pelajar dari luar negara; dan

(b) apakah rancangan pihak kementerian untuk menggunakan sepenuhnya kemudahan sedia ada di kampus Sungai Batang, Sandakan.

JAWAPAN:

Tan Sri Yang di-Pertua,

(a)

Berdasarkan data Sistem MyMoheS Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) tahun 2021, seramai 434 pelajar sedang melanjutkan pengajian di Universiti Malaysia Sabah (UMS), kampus Sandakan. Daripada jumlah tersebut 282 orang (65%) ialah pelajar kelahiran negeri Sabah manakala 150 orang (34.6%) pelajar bukan kelahiran negeri Sabah dan baki 2 orang (0.5%) ialah pelajar dari luar negara.

(b)

Kemudahan sedia ada di Fakulti Pertanian Lestari Kampus UMS cawangan Sandakan sememangnya digunakan secara optimum. Walau bagaimanapun, bilangan pelajar yang masih belum mencecah separuh daripada kapasiti penggunaan sebenar

kampus menyebabkan beberapa kemudahan seperti asrama belum mencapai penggunaan sepenuhnya. Bagi mengatasi isu ini, UMS telah merancang untuk menawarkan dua tambahan program baharu, iaitu Program Pertanian Pintar (*Smart Precision Farming*) dan Pelancongan Tani (*Agri Tourism*) yang bukan sahaja dapat meningkatkan bilangan pelajar tetapi juga menawarkan kepakaran dalam bidang yang relevan dengan keperluan negara. Program Pertanian Pintar kini sedang dalam proses kelulusan penawaran, manakala Program Pelancongan Tani masih berada di peringkat penilaian dalaman. Selain itu, usaha promosi yang lebih giat telah dan sedang dilaksanakan seperti melalui Program Jom Masuk U yang bertujuan untuk menambah bilangan pelajar bagi program pengajian sedia ada.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	BUKAN LISAN
DARIPADA	:	PUAN WONG SHU QI (KLUANG)
SOALAN	:	NO. 533

PUAN WONG SHU QI (KLUANG) minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan punca utama bagi pelajar dalam fakulti kejuruteraan gagal untuk memperoleh ijazah sarjana muda di universiti tempatan.

JAWAPAN:

Tan Sri Yang di-Pertua,

Berdasarkan Sistem MyMoheS Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), seramai 1,350 (0.23%) pelajar di peringkat Pengajian Ijazah Sarjana Muda (Bidang Kejuruteraan) daripada 589,879 pelajar Universiti Awam (UA) telah direkodkan sebagai tidak tamat pengajian pada tahun 2021. Antara faktor yang dikenal pasti menyumbang kepada pelajar tidak tamat pengajian adalah masalah kesihatan dan masalah peribadi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPT amat prihatin terhadap perkara ini dan sentiasa berusaha membantu pelajar yang menghadapi masalah-masalah tersebut. Dalam menangani isu ini, antara inisiatif di peringkat kementerian adalah menyediakan kemudahan biasiswa dan bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar yang layak, terutamanya pelajar golongan B40.

Malah, KPT menerusi UA juga turut melaksanakan program intervensi akademik dan program intervensi bukan akademik seperti sistem penasihat akademik (PA), perkhidmatan kaunseling, *buddy system*, program-program motivasi, mentor-mentee dan pelbagai program lagi turut dijalankan dari semasa ke semasa untuk

membantu para pelajar yang menghadapi masalah-masalah tersebut. Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KELIMA PARLIMEN KE-14 TAHUN 2022
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

[3 OKTOBER HINGGA 6 OKTOBER 2022]

ATURAN URUSAN MESYUARAT
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA
PENGGAL KELIMA PARLIMEN KE-14
3 OKTOBER HINGGA 6 OKTOBER 2022

PERTANYAAN JAWAB LISAN – 3 PERTANYAAN

MINGGU PERTAMA – 3 PERTANYAAN

3 OKTOBER 2022 (ISNIN)

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	TIADA PERTANYAAN

4 OKTOBER 2022 (SELASA)

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	TIADA PERTANYAA

5 OKTOBER 2022 (RABU) – 3 PERTANYAAN

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	[NO. 14] **Puan Teo Nie Ching [Kulai]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan rancangan untuk mengatasi masalah pelajar B40 dan pelajar berkeperluan yang tidak mendapat kolej kediaman dan tidak mampu untuk menanggung kos sewaan rumah yang tinggi di luar kampus.

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
2.	[NO. 3] **Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berkenaan kes pelajar Muhammad Omar Mokhtar Abdul Rahman:- apakah dokumen identiti yang melayakkan seorang *stateless* ditawarkan peluang pelajaran di IPTA; dan kos pengajian IPTA bagi pelajar *stateless* dikategorikan sebagai pelajar tempatan atau pelajar antarabangsa.
3.	[NO. 40] **Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah ada pemantauan sejauh mana aktiviti kelab-kelab politik di luar negara menjejaskan prestasi akademik pelajar-pelajar Malaysia di seberang laut.

6 OKTOBER 2022 (KHAMIS)

Bil.	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
	TIADA PERTANYAAN

MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT TAHUN 2022

JAWAPAN BAGI PERTANYAAN LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 5 OKTOBER 2022 (KHAMIS)

SOALAN :

PUAN TEO NIE CHING [KULAI] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan rancangan untuk mengatasi masalah pelajar B40 dan pelajar berkeperluan yang tidak mendapat kolej kediaman dan tidak mampu untuk menanggung kos sewaan rumah yang tinggi di luar kampus.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa komited dan peka terhadap keperluan semasa, kebajikan serta kesejahteraan pelajar-pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), sama ada yang menginap di dalam kampus mahupun pelajar di luar kampus.

Berlandaskan semangat #KPTPrihatin, Kementerian telah melancarkan inisiatif Rumah Siswa pada tahun 2021 yang merangkumi dua (2) elemen, iaitu penubuhan Unit Pengurusan Pelajar Luar Kampus (UPLK) di semua Universiti Awam (UA) dan pembangunan Portal Rumah Sewa Siswa (RSS). Portal RSS ini boleh diakses melalui pautan rumahsiswa.mohe.gov.my dan ia berperanan sebagai platform bagi memudah cara usaha pelajar mencari dan mendapatkan kediaman sama ada rumah atau bilik sewa mampu milik berdekatan dengan kampus.

Penyenaraian premis di dalam Portal ini dilaksanakan oleh pegawai UA sendiri yang bertanggungjawab meneliti, menyaring dan memastikan kediaman yang dikenal pasti adalah kondusif dan bersesuaian dari segi kadar sewaan yang berpatutan, fasiliti yang

bersesuaian dan jaminan keselamatan premis. Sehingga 30 September 2022, seramai 31,387 orang pelajar dari seluruh negara telah berdaftar menerusi Portal RSS ini.

KPT juga komited dalam memastikan lebih banyak premis sewaan tersenarai dalam Portal RSS bagi memenuhi keperluan pelajar yang menginap di luar kampus.

Untuk kemudahan kumpulan pelajar berkeperluan yang pulang ke kampus dan tidak mempunyai penginapan di awal pengajian, penginapan transit (sementara) turut disediakan.

Pada masa yang sama, **KPT dengan kerjasama Majlis Perumahan Universiti-universiti Malaysia (MAPUM)** sentiasa dari semasa ke semasa berusaha memastikan ketersediaan penginapan pelajar di dalam kampus dengan mengoptimumkan kapasiti kolej kediaman untuk menampung jumlah pelajar yang semakin meningkat.

Pihak Kementerian percaya melalui pelbagai inisiatif dan usaha yang telah dilaksanakan ini, isu-isu penginapan pelajar dapat ditangani dengan baik.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

TARIKH : 5 OKTOBER 2022 (RABU)

SOALAN :

TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berkenaan kes pelajar Muhammad Omar Mokhtar Abdul Rahman:

a. apakah dokumen identiti yang melayakkan seorang *stateless* ditawarkan peluang pelajaran di IPTA; dan

b. kos pengajian IPTA bagi pelajar *stateless* dikategorikan sebagai pelajar tempatan atau pelajar antarabangsa.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa komited dalam memastikan para pelajar di Malaysia berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Berhubung dengan kes **saudara Muhammad Omar Mokhtar Abdul Rahman**, KPT mengambil maklum bahawa Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah **meluluskan permohonan kewarganegaraan** beliau **melalui surat bertarikh 12 September 2022.**

Untuk makluman Ahli Dewan juga, saudara Muhammad Omar merupakan **calon Lepasan STPM/ Setaraf** yang telah **berjaya ditawarkan ke Program Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia Dengan Kepujian di Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk Sesi Akademik 2022/2023.**

a. Bagi seorang *stateless* yang ingin melanjutkan pengajian ke IPT, mereka perlulah menyediakan dokumen pengenalan diri yang mana permohonan kemasukan ke IPT akan **diproses tertakluk kepada syarat-syarat kemasukan kategori bukan warganegara.**

b. Bagi maksud kos yuran pengajian IPTA bagi **pelajar bukan warganegara** pula, kadar yuran yang dikenakan adalah sama dengan kadar yuran pelajar antarabangsa dan tertakluk kepada universiti awam (UA) yang dimohon.

Kementerian secara umumnya akan terus memastikan peluang akses ke pendidikan tinggi kepada calon yang layak adalah tanpa mengira kaum, agama, bangsa dan latar belakang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS
[HULU LANGAT]

TARIKH : 5 OKTOBER 2022 (RABU)

SOALAN :

TUAN HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah ada pemantauan sejauh mana aktiviti kelab-kelab politik di luar negara menjejaskan prestasi akademik pelajar-pelajar Malaysia di seberang laut.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui pejabat Education Malaysia Luar Negara (EMLN) sentiasa memantau aktiviti kelab pelajar di luar negara.

Sehingga kini terdapat 292 persatuan atau kelab pelajar yang tidak berteraskan parti politik dan berdaftar dengan pejabat Education Malaysia Luar Negara. Aktiviti persatuan atau kelab ini adalah tertumpu kepada pembangunan sahsiah, riadah dan kebajikan pelajar. Manakala, terdapat juga beberapa persatuan atau kelab yang berkaitan parti politik. Aktiviti yang dilaksanakan oleh persatuan atau kelb ini bagaimanapun tidak bertentangan dengan peraturan berpersatuan di negara ia didaftarkan.

KPT melalui pejabat EMLN sentiasa membuat pemantauan bagi memastikan aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan atau kelab pelajar di luar negara berada dalam landasan yang betul dan tidak bertentangan dengan aspirasi negara.

Pada hemat Kementerian, penglibatan pelajar dalam aktiviti persatuan yang diiktiraf merupakan nilai tambah kepada potensi diri mereka, khususnya dalam aspek kepimpinan, pengkayaan pengetahuan dan juga pembangunan sahsiah diri pelajar.

Sekian, terima kasih.